

**Membersihkan Salah Faham
Terhadap Dakwah
Syaikh Muhammad bin Abdul
Wahhab
(Buku 3)**

Oleh
Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-
Lathif

Judul Asal:

دعاوى المناوئين لدعوة الشيخ محمد بن عبد الوهّاب

Pengarang:

عبد العزيز بن محمد بن علي العبد اللطيف

Judul Edisi Terjemahan:

**Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah
Syaiikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Buku 3)**

Penterjemah:

Mohammad Amin Yaacob

Penyunting:

Hafiz Firdaus Abdullah (019-3848467)

Cetakan Pertama: 2008

© Mohammad Amin Yaacob & Hafiz Firdaus Abdullah

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605. Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

Kandungan

Sambungan Bahagian Keempat Dari Buku 2:

Persoalan kafir-mengkafir (*al-Takfir*) serta peperangan (*al-Qital*).

Perbahasan Kedua:

Tuduhan terhadap golongan Wahabi sebagai Khawarij serta kedudukan negeri Najd *al-Yamamah* yang dianggap sebagai tempat munculnya dua tanduk syaitan.

5

Perbahasan Ketiga:

Kekeliruan bahawa golongan Wahabi meletakkan kategori kufur terhadap perkara yang tidak kufur.

46

Perbahasan Keempat:

Kekeliruan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. Al-Wahhab menyalahi Imam Ibn Taymiyyah serta Imam Ibn al-Qayyim dalam perkara yang membabitkan kekufuran.

84

Perbahasan Kelima:

Kekeliruan bahawa perbuatan syirik tidak akan terjadi ke atas umat ini. 112

Perbahasan Keenam:

Kekeliruan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. Al-Wahhab serta para pengikutnya mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang dirujuk kepada golongan musyrikin kepada kaum muslimin. 134

Perbahasan Ketujuh:

Kekeliruan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. Al-Wahhab menentang Daulah al-Khilafah. 151

Bahagian Keempat

Perbahasan Kedua:

Tuduhan Terhadap Golongan Wahabi Sebagai Khawarij Serta Kedudukan Negeri Najd *Al-Yamamah* Yang Dianggap Sebagai Tempat Munculnya Dua Tanduk Syaitan.

Ia Diikuti Jawapan Serta Bantahan Terhadapnya.

Perbahasan ini mempunyai perkaitan dengan perbahasan sebelumnya. Menerusi perbincangan terdahulu, kami menyatakan tuduhan para penentang bahawa golongan Wahabi mengkafirkan kaum muslimin. Kini kami menyatakan pula tuduhan bahawa golongan Wahabi merupakan Khawarij.

Diketahui umum, golongan Khawarij mengkafirkan kaum muslimin yang melakukan perbuatan dosa-dosa besar. Para penentang ingin menggunakan isu ini dengan melabelkan golongan Wahabi sebagai Khawarij yang konon jelas tanda-tandanya pada diri mereka.¹ Selain itu, para penentang turut mengkategorikan negeri Najd iaitu tempat lahirnya pergerakan golongan Wahabi sebagai tempat

¹ Iaitu tanda mencukur rambut di atas kepala mereka. Sila lihat *Sahih Muslim Syarh Imam al-Nawawi*, al-Matba'ah al-Misriyyah, Jil. 7, hlm. 168.

munculnya dua tanduk syaitan serta negeri kelahiran Musaylamah *al-Kazzab* dan pelbagai pertuduhan karut lainnya.

Ternyata wujud kepelbagaian tuduhan serta rekaan palsu para penentang yang dinyatakan seperti berikut:

1. Tuduhan kononnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab merupakan individu yang termasuk ke dalam golongan Khawarij.
2. Tuduhan wujudnya tanda '*al-Tahliq*' (mencukur rambut di atas kepala - penterjemah) pada golongan Wahabi.
3. Tikaman terhadap al-Syeikh al-Imam serta seruan dakwahnya seperti berikut:
 - a) Kedudukan pergerakannya di negeri Najd *al-Yamamah* sedangkan ia merupakan tempat munculnya dua tanduk syaitan sebagaimana *thabit* dalam hadith.
 - b) Najd *al-Yamamah* merupakan tempat berlakunya gempa bumi serta tempat timbulnya fitnah.
 - c) Najd *al-Yamamah* adalah tempat lahirnya puak '*Zhu al-Khuwaysirah al-Tamimi*' serta pelbagai tuduhan lainnya.

Senarai Para Penentang Yang Menyatakan Pertuduhan Ini.

- **Ibn 'Afaliq.**

Dia merupakan pendusta pertama melakukan perbuatan ini. Beliau mengkritik golongan Wahabi dengan merujuk tempat asal mereka iaitu Najd sebagai – tanduk syaitan – serta sisa-sisa fitnah si Musaylamah *al-Kazzab*. Dalam perutusannya kepada Ibn Mu'ammara beliau menulis:

Antara keutamaan penduduk Syam, Yaman, *al-Haramayn* (Mekah dan Madinah) serta penduduk Parsi adalah sebagaimana yang difahami oleh golongan *ahl-Hadith* yang memahaminya. Adapun kamu wahai penduduk Yamamah (iaitu Najd *al-Yamamah*) sudah termaktub di dalam hadith yang sahih ia merupakan tempat munculnya dua tanduk syaitan. Kekallah kamu di dalam kejahatan disebabkan pendustaan yang dilakukan ke atas kamu hingga akhir kiamat. Ini merupakan pengajaran kepada golongan yang mahu melihat.²

Beliau menambah:

Bagaimana mereka menjawab isu ini? Mereka terpaksa menoleh kebelakang (suatu kutukan serta fitnah terhadap golongan Wahabi -penterjemah).

² Sila lihat *Risalah Ibn 'Afaliq li Ibn Mu'ammara*, helaian 49.

Mereka mengatakan ini Musaylamah yang muncul di Wadi Hanifah. Tidakkah mereka menyadari bahawa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda di dalam hadith yang masyhur bahawa mereka kekal di dalam fitnah disebabkan pendustaan yang dilakukan ke atas mereka (oleh si Musaylamah *al-Kazzab* -penterjemah) hingga hari kiamat.³

- **Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.**

Dia mengemukakan, bukti kebatilan dakwah saudaranya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd al-Wahhab ialah berkaitan tempat asalnya pergerakan itu, iaitu negeri disebelah Timur yang merupakan negeri Musaylamah *al-Kazzab*. Ia seperti berikut:

Antara bukti kebatilan madzhab mereka ialah sebagaimana yang termaktub di dalam '*al-Sahihayn*'. Ia merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah *radiyallahu 'anh* bahawa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda yang bermaksud: "***Tunggak kekufuran menghala ke arah Timur***".

Sekiranya beliau mengetahui bahawa negeri Timur yang dimaksudkan ini secara khusus merujuk kepada Najd negeri Musaylamah *al-Kazzab*. Ia

³ Sila lihat *Jawab Ibn 'Afaliq 'ala Risalah Ibn Mu'ammarr*, helaian 56.

membentuk sebahagian dari wilayah negara Islam (yang luas - penterjemah). Di mana akan muncul *al-Toifah al-Mansurah* (suatu kumpulan penyokong) daripadanya.

Secara realiti negeri Najd termasuk ke dalam lingkungan *al-Haramayn al-Syarifayn* serta Yaman. Namun Najd merupakan negeri kufur yang *berta'abbud* (mengabdikan diri) kepada berhala. Sehubungan ini, semestinya berhijrah daripadanya serta memberitahukan hal ini kepada orang lain ... Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* telahpun bersabda terhadap mereka di mana baginda mengkhususkan Najd sebagai tempat munculnya dua tanduk syaitan.⁴

- **al-Haddad.**

Dia mendakwa dua tanduk syaitan yang dimaksudkan itu merujuk kepada diri al-Syeikh al-Imam. Di dalam kitabnya *Misbah al-Anam* beliau menulis:

Dari apa yang difahami menerusi hadith Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* iaitu muncul daripada -Najd - dua tanduk syaitan, maka para ulama' mengeluarkan hukum bahawa sabda ini termasuk dalam mukjizat baginda.

⁴ Sila lihat *Fasl al-Khitob fi al-Radd 'ala Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 44-45 secara ringkas. Ia dicetak dengan tajuk *al-Sowaiq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*.

Ini disebabkan kalimah *Ya lil Istiqbal* (menunjukkan masa akan datang). Di mana Musaylamah yang dilaknati Allah muncul ketika hayat baginda *'alayh al-salam* dengan mendakwa dirinya menerima risalah kenabian. Namun beliau dibinasakan ketika pemerintahan *al-Siddiq*. Manakala dua tanduk syaitan tidak muncul melainkan selepas lebih seribu tahun selepasnya. Beliau ialah Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, tunggak serta pengasas kepada bid'ah ini.⁵

al-Haddad turut menyatakan sebahagian dari tanda-tanda golongan Khawarij dengan mendakwa ia turut terpampang pada diri golongan Wahabi. Si pendusta ini berkata seperti berikut:

Apa yang penting ialah sabda Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* di dalam banyak hadith-hadith yang menyebutkan dengan jelas tanda-tanda golongan Khawarij. Jelas di sini, Ibn 'Abd. al-Wahhab serta para pengikutnya adalah golongan Khawarij. Ini disebabkan asal pergerakan mereka di negeri Najd yang berkedudukan di sebelah Timur. Diketahui umum, Najd merupakan bahagian Timur kota Madinah. Selain berasal dari Timur, wujudnya tanda *'al-Tahliq'* (bercukur) pada diri mereka.⁶

⁵ *Misbah al-Anam*, hlm. 7

⁶ *Misbah al-Anam*, hlm. 5, secara ringkas.

- **'Abd. al-Rauf.**

Ketika menyatakan hadith yang bermaksud: "**Ya Allah, berkati kami di negeri Syam kami**" serta hadith-hadith yang menyatakan ciri-ciri golongan Khawarij, dia berkata:

Apa yang dikehendaki di sini, ia merujuk kepada para pengikut Ibn 'Abd. al-Wahhab. Ini kerana antara tanda yang terpampang pada diri mereka ialah mencukur rambut di kepala secara keseluruhannya serta menolak lebihan rambut (jambul) di kepala sebagaimana menjadi kebiasaan masyarakat Arab.

Sehubungan ini, jika seseorang memasuki agama mereka, perkara pertama yang diperintahkan ke atasnya ialah mencukur rambut di kepala secara keseluruhan. Ini merupakan tanda golongan Wahabi apabila diperbandingkan dengan golongan Arab lainnya. Dalam konteks ini, hadith sendiri menetapkan penolakan terhadap golongan Wahabi.⁷

- **al-Sowi.**

Ketika membuat tuduhan terhadap para ulama' dakwah *al-Salafiyyah* serta pendokongnya dengan tuduhan Khawarij, dia berkata seperti berikut:

⁷ Sila lihat *Fasl al-Khitob*, helain 15.

Mereka menyangka diri mereka golongan yang berpegang teguh (kepada agama Islam - penterjemah), sebaliknya mereka adalah golongan pendusta.⁸

- **Ibn 'Abidin.**

Ketika menetapkan pembohongannya, dia mendakwa di dalam *Hasyiahnya*, para pengikut al-Syeikh al-Imam termasuk ke dalam istilah golongan Khawarij.⁹

- **Muhammad bin 'Abd. al-Karim.**

Dia melemparkan pembohongan dengan melabelkan para pengikut al-Syeikh al-Imam sebagai

⁸ Sila lihat *Hasyiah Sowi 'ala al-Jalalayn* 3/307-308. al-Sowi membuat tuduhan ini tatkala mentafsir firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang bermaksud: "***Maka apakah orang yang dijadikan (syaitan) menganggap baik pekerjaannya yang buruk...***" surah Fathir ayat 8.

Ketika menyatakan pendapat ulama' bahawa pentafsiran ayat ini merujuk kepada golongan Khawarij yang mengubah pentakwilan al-Qur'an dan al-Sunnah dengan menghalalkan penumpahan darah serta harta-benda kaum muslimin, dia turut melabelkan perbuatan tersebut kepada golongan Wahabi.

Sila lihat jawapan Ahmad bin Hajar 'Ali Bauthomi di dalam kitabnya *Tanzih al-Sunnah wa al-Qur'an*. Beliau menyatakan di sini kesesatan serta kekarutan pendapat al-Sowi, hlm. 105-107.

⁹ Sila lihat *Hasyiah Ibn 'Abidin*, Jil. 4, hlm. 262-264.

golongan murtad.¹⁰ Selain itu, ketika melemparkan tuduhan '*al-Tahliq*' (bercukur) terhadap golongan Wahabi, beliau berkata seperti berikut:

al-Tahliq, ia menjadi suatu tanda kepada mereka. Sehubungan ini, mereka tidak mengizinkan sebarangpun masuk menemui mereka melainkan setelah ia mencukur rambut di kepalanya. Berkata 'Abd. Allah bin 'Isa di dalam kitabnya *al-Saif al-Hind*: "Sampai kepada pengetahuanku sebanyak 600 orang lelaki penduduk Tihamah mencukur kepala mereka sewaktu cerahnya cahaya bulan di malam hari. Maka apatah lagi jika di siang hari?"¹¹

- **al-Lakanhuri *al-Rafidhi*.**

Ketika mengutuk golongan Wahabi beliau turut melabelkan golongan Khawarij sebagai nenek moyang kepada golongan Wahabi. Dia berkata:

Golongan Wahabi merupakan suri teladan perilaku nenek moyang mereka golongan Khawarij *al-Haruriyyah*. Semoga Allah melaknati mereka (merujuk

¹⁰ Sila lihat *Lufhat al-Wajd 'Inda Fi'lat Ahl Najd*, helaian 76. Di sini pengarang membuat tuduhan bahawa golongan Wahabi adalah Khawarij. Dia mendasarkan pendapat ini kepada Yusuf bin Ibrahim al-Amir, helaian 32-44.

¹¹ *Lufhat al-Wajd 'Inda Fi'lat Ahl Najd*, helaian 45.

Khawarij *al-Haruriyyah* - penterjemah).

Mereka mengkafirkan *Amir al-Mukminin* 'Ali bin Abi Tolib *'alayh al-salam* serta keseluruhan para pengikutnya dan kaum muslimin lainnya. Kelakuan mereka menyamai tingkah laku golongan Wahabi yang turut menghalalkan darah serta harta benda kaum muslimin.

Jika dilihat dengan rasional terhadap sejarah kehidupan golongan Wahabi, engkau akan mendapati mereka mencontohi golongan Khawarij dari segi pegangan (akidah)nya. Dan jika engkau melakukan kajian teliti, engkau akan mendapati para pemimpin golongan Khawarij turut berasal dari penduduk Najd.¹²

- **'Uthman bin Mansur.**

Ketika mendakwa Najd *al-Yamamah* merupakan dua tanduk syaitan, dia berkata:

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mengelakkan diri baginda dari mendoakan ke atasnya sebagaimana baginda berdoa ke atas penduduk Syam, Yaman serta Madinah. Di sini baginda lebih mengetahui dengan ilmu Allah apa yang terjadi di situ. Di mana baginda bersabda yang bermaksud: ***"Berlakunya gempa bumi di sisi mereka, fitnah serta munculnya dua***

¹² Sila lihat *Kashf al-Niqab 'an 'Aqid Ibn 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 77-78.

tanduk syaitan".¹³

- **al-Syeikh al-Kazb (Pendusta), Ahmad Zaini Dahlan.**

Dalam tuduhan *'al-Tahliq*'nya terhadap para pengikut dakwah *al-Salafiyyah*, dia berkata:

Mereka mengarahkan agar sesiapa yang mengikuti mereka agar mencukur kepalanya. Sehubungan ini, mereka tidak mengizinkannya meninggalkan majlis melainkan setelah melakukan perbuatan tersebut. Perkara ini tidak pernahpun dilakukan oleh mana-mana kumpulan sesat sebelum mereka. Dalam hal ini, al-Sayyid 'Abd. al-Rahman al-Ahdal, mufti daerah Zubayd mengulas:

"Tidak perlu mengarang apa-apa karya bagi menjawab ke atas Ibn 'Abd. al-Wahhab ini. Bahkan sudah cukup menjawabnya dengan mengatakan hadith Nabi yang bermaksud: ***Tanda mereka adalah al-Tahliq***. Di mana perbuatan ini tidak pernah dilakukan oleh sesiapa jua di kalangan pembuat bid'ah selainnya."¹⁴

¹³ Dipetik dari kitab *Misbah al-Zullam fi al-Radd 'ala man Kazaba 'ala al-Syeikh al-Imam*, hlm. 234.

¹⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 54.

- **Muhammad Hassan al-Musawi *al-Rafidhi*.**

Selain menuduh Wahabi sebagai golongan yang mengikuti jejak langkah Khawarij, beliau turut berdusta menerusi kenyataan berikut:

Hakikatnya golongan Wahabi mempunyai perkaitan dengan gempa bumi serta fitnah sebagaimana yang dinyatakan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.¹⁵

- **al-Nabhani.**

Dia mengarang beberapa puisi dengan mendakwa negeri Najd *al-Yamamah* sebagai dua tanduk syaitan serta merupakan daerah sebelah Timur yang dimaksudkan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia seperti berikut:

Mengisyaratkan Rasulullah ke arah Timur sebagai celaan
Betapa gelisah penduduknya tidaklah hairan...
Menerusinya menyondol-nyondol dua tanduk syaitan
Para pemimpin petunjuk demi Allah akan menghancurkannya
Dengan sepenuh-penuh kehancuran¹⁶

¹⁵ *al-Barahin al-Jalilah*, hlm. 71.

¹⁶ *al-Ra'iyah al-Sughra*, hlm. 27.

- **al-Dijwi.**

Dia menulis di dalam majalah "Al-Azhar"nya sebelas sifat-sifat golongan Khawarij. Namun secara dusta dia menyandarkannya pula kepada para pengikut dakwah al-Syeikh al-Imam.¹⁷

- **al-Amili al-Rafidhi.**

Antara pendustaannya ialah dia mendakwa golongan Wahabi menyerupai 13 ciri golongan Khawarij.¹⁸ Selain itu tatkala menyebutkan hadith yang mencela arah Timur serta mencela negeri Najd, dia mendakwa Najd yang

¹⁷ Sila lihat *Majalah al-Azhar*, perenggan ke 5, hlm. 329.

¹⁸ Sila lihat kitab karangnya bertajuk *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 114-126. Apa yang menarik ialah penolakan mantap al-Qasimi terhadap al-Amili menerusi katanya seperti berikut:

Sesuatu yang ajaib di mana si 'Amili secara berterusan membuat tuduhan terhadap golongan Wahabi bahawa mereka merupakan golongan yang menyamai golongan Khawarij dari sudut kebodohan serta kebekuan. Ini terbukti di mana sekumpulan Syi'ah telah mengarang sebuah kitab bertajuk *al-Syi'ah wa al-Manar* di mana salah seorang dari pengarangnya ialah si 'Amili ini.

Termaktub di dalamnya kononnya kota Karbala lebih mulia dari kota Mekah dengan alasan keluarga Nabi tinggal di sana. Mereka juga mendakwa menziarahi *ahl al-Bait* lebih mulia dari mengerjakan Haji. Maka siapakah yang terlebih bodoh serta terlebih beku di sini? Dipetik dari kitab *al-Sara' Bayna al-Islam wa al-Wasiyyah*, Jil. 1, hlm 378.

dimaksudkan merujuk kepada Najd *al-Yamamah*.¹⁹ Sehubungan ini dia cuba mempertahankan negara asalnya iaitu Iraq. Dia menafikan bahawa kedudukan Najd yang sebenar ialah di negara Iraq. Dia mengulas:

Menerusi sumber yang diperolehi dari sebahagian golongan Wahabi bahawa apa yang dikehendaki dengan Najd ialah negara Iraq. Di mana perletakkannya jauh dari negeri Hijaz. Selain itu jika dirujuk dari sudut istilahnya ia merujuk kepada tempat yang tinggi dari permukaan bumi serta tempat yang dipenuhi kerosakan.

Namun jika istilah Najd ini diertikan secara bebas tanpa terikat dengan sesuatu makna yang lain ia secara realiti merujuk kepada negeri mereka (negeri Wahabi -penterjemah). Ini kerana nama Najd ini hanya terdapat di negara mereka sahaja.²⁰

Seterusnya ketika mendakwa bahawa al-Syeikh al-Imam berasal dari puak '*Zhu al-Khuwaysirah al-Tamimi*' dan keduanya berasal dari Bani Tamim, dia mengulas seperti berikut:

Apa yang penting, Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda bahawa *Zhu al-Khuwaysirah al-Tamimi* merupakan puak yang melakukan kekacauan. Mereka

¹⁹ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 119-120.

²⁰ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 120.

membaca al-Qur'an tetapi tidak melampaui kotak suara (di leher) mereka. Apa yang dikehendaki dengan istilah kekacauan ini merujuk kepada asal keturunan serta puak. Sehubungan ini *Zhu al-Khuwaysirah al-Tamimi'* dan Ibn 'Abd. al-Wahhab berasal dari keturunan serta puak yang sama iaitu Bani Tamim.²¹

- **al-Zahawi.**

Dia mendakwa kecaman Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* terhadap golongan Khawarij secara realiti merujuk sama kepada pengikut al-Syeikh al-Imam.²²

- **Ahmad bin Muhammad al-Ghumari.**

Ketika mendakwa pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam laksana dua tanduk syaitan, dia berkata:

Tatkala munculnya dua tanduk syaitan di Najd pada akhir kurun kesebelas Hijrah, maka tersebarlah fitnah daripadanya sedangkan hadith-hadith Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* sudahpun menyatakan penjelasannya terhadap si Ibn 'Abd. al-Wahhab serta para pengikutnya.²³

²¹ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 122.

²² Sila lihat *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 20.

²³ Dipetik dari *Idoh al-Muhajjah fi al-Radd 'ala Sohob Tonjah*

- **Abu Zuhrah.**

Dia menyatakan tuduhan terhadap pengikut dakwah al-Syeikh al-Imam tanpa menetapkan mahupun menolaknya. Ia seperti berikut:

Mereka menyerupai golongan Khawarij yang mengkafirkan golongan yang melakukan dosa.²⁴

- **Muhammad Jawad al-Mughniyyah.**

Dia merupakan seorang Syi'ah yang turut mendakwa golongan Wahabi mirip dengan perbuatan golongan Khawarij dalam perkara yang melibatkan isu kafir mengkafir.²⁵

karangan al-Syeikh Hamud al-Tuwayjiri, hlm. 132.

²⁴ *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*, 1/236.

²⁵ Sila lihat *Hazihi Hiya al-Wahabiyyah*, hlm. 70.

Jawapan Para Pemimpin Serta Pendokong Dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Secara realiti segala tuduhan umpama timbunan sampah sarap ini akan binasa jua akhirnya. Ini berdasarkan jawapan serta hujah yang jelas lagi kukuh dari para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* itu sendiri. Ia seperti berikut:

Pertama: al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Terhadap dakwaan beliau mengkafirkan kaum muslimin yang melakukan dosa-dosa dengan jelas, beliau menyatakan pegangannya mengenai permasalahan ini. Menerusi risalah perutusannya kepada penduduk al-Qasim, al-Syeikh al-Imam berkata:

Daku sekali-kali tidak mengkafirkan walau seorang juapun di kalangan kaum muslimin disebabkan perbuatan dosa-dosa. Daku sekali-kali tidak mengeluarkan mereka dari wilayah lingkungan Islam.²⁶

Kedua: al-Imam al-Syawkani.

Merujuk kepada sebahagian individu yang

²⁶ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 2, hlm. 5.

mendakwa bahawa beliau (al-Syeikh al-Imam) berpegang kepada pegangan Khawarij, daku tidak mengira ia sesuatu yang benar.²⁷

Ketiga: al-Syeikh Hamad bin Nasir bin Mu'ammr.

Suatu ketika beliau ditanya oleh seseorang adakah benar bahawa pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* mengkafirkan kaum muslimin. Sebagai jawapannya beliau berkata:

Secara realiti, ini sekali-kali bukan kenyataan kami. Bahkan ini ucapan kaum Khawarij yang mengkafirkan orang yang melakukan dosa. Kami sekali-kali tidak mengkafirkan seorompokun di kalangan kaum muslimin yang melakukan maksiat.

Kami hanya mengkafirkan pelaku kemungkaran yang besar, seperti perbuatan syirik terhadap Allah dengan melakukan peribadatan kepada yang lain beserta-Nya serta memohon kepada selain-Nya, atau menyembelih haiwan kepada selain-Nya, atau bernazar kepada selain-Nya, atau takut kepada selain-Nya, atau mengharap selain-Nya, atau bertawakal selain kepada-Nya. Di mana keseluruhan perkara ini hanya merupakan bentuk peribadatan kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* semata-mata sebagaimana kenyataan al-Qur'an.....hingga

²⁷ *al-Badr al-Toli'*, Jil. 6, hlm. 2.

akhir jawapan *rahimahulah*.²⁸

Keempat: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika membatalkan tuduhan '*al-Tahliq*' terhadap golongan Wahabi, beliau berkata:

Adapun berkenaan mencukur rambut di atas kepala, di mana kononnya sebahagian golongan Badwi yang berpegang dengan pegangan kami memerangi sesiapa sahaja yang tidak mencukur rambutnya serta membunuh dengan beralasan kepada persoalan bercukur ini kerana dianggap sudah menjadi murtad.

Secara realiti, perkara murtad tidak berlaku melainkan terhadap apa yang dikategorikan sebagai permasalahan yang dikenali sebagai "*ma ilm biddorurah*" dalam agama Islam. Di mana jenis-jenis kekufuran serta kemurtadan sama ada dari segi perkataan mahupun perbuatan telahpun diketahui di sisi orang yang berilmu.

Sehubungan ini, perbuatan bercukur tidak pula termasuk di dalamnya. Bahkan kami sendiri tidak menyatakannya sebagai perbuatan wajib atau mengatakan bahawa meninggalkan perbuatan tersebut boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agama Islam.

²⁸ *al-Durar al-Saniyyah*,. Jil. 8, hlm. 204.

Kami juga tidak pernah menyuruh sesiapa sahaja di kalangan penguasa untuk memerangi individu yang tidak mencukur kepalanya. Kami hanya menyuruh mereka memerangi sesiapa yang menyekutukan Allah serta enggan mentauhidkan-Nya.²⁹

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Hamad.

Beliau ialah cicit kepada al-Syeikh al-Imam. Beliau memperjelaskan hukum mencukur kepala serta motif perbuatan itu dilakukan oleh golongan Wahabi di negeri Najd. Ia seperti berikut:

Apa yang diisyaratkan oleh hadith-hadith di mana sebahagiannya melarang perbuatan bercukur kepala manakala sebahagian lain membenarkannya pula. Maka sesiapa yang meninggalkan perbuatan bercukur maka tidak mengapa begitu juga sesiapa yang melakukan sebaliknya. Ini kerana keduanya berdasarkan sumber hadith.

Ada pun hadith Kulayb³⁰ di mana beliau

²⁹ *al-Durar al-Saniyyah*,. Jil. 8, hlm. 175.

³⁰ Merujuk kepada hadith yang diriwayatkan Abu Dawud daripada 'Asim bin Kulayb dari bapanya, dari datuknya: ***Bahawasanya dia (Kulayb) datang menemui Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Lalu dia berkata: "Daku telah memeluk Islam". Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda: "potongkanlah rambut kufur kamu".***

Ketika mengulas hadith ini, 'Abd. al-Qadir al-Arnaut berpendapat

diperintahkan agar mencukur rambutnya ketika memeluk Islam, maka sekiranya ia sebuah hadith yang sahih ia tidak pula menunjukkan kepada perintah bercukur secara kekal berterusan itu suatu Sunnah.

Oleh itu hukuman *takzir* kepada sesiapa yang tidak bercukur serta merampas hartanya adalah sesuatu yang tidak harus serta ditegah melakukannya. Ini kerana hukum agama tidak melarang meninggalkan perbuatan bercukur tersebut.

Hanya para penguasa sahaja yang melarangnya atas dasar perkara tersebut merupakan suatu yang teradat di sisi kami. Di mana menjadi kebiasaan bagi orang-orang dungu di kalangan kami sahaja yang meninggalkannya. Dengan itu tegahan ke atasnya hanya didasari kepada kebencian atas dasar adat kebiasaan bukan tegahan haram *Sadda lizzari'ah*. Ini kerana orang-orang kafir pada zaman kami tidak mencukurkan kepala mereka, maka dengan itu samalah perbuatan tidak bercukur menyerupai perbuatan mereka.³¹

hadith ini sanadnya doif (lemah). Sila lihat *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, karangan Ibn al-Athir serta ditahqiq oleh 'Abd. al-Qadir al-Arnaut. Terbitan Maktabah al-Halwani, Syria, 1391H, Jil. 7, hlm. 338-339.

³¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 578.

Keenam: al-Syeikh `Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika mengulas berkenaan hadith dua tanduk syaitan terhadap Najd, secara realiti celaan yang dimaksudkan hadith tersebut bukan semata-mata disebabkan nama tempat tetapi situasi penduduknya. Beliau mengulas seperti berikut:

Secara realiti celaan yang dimaksudkan itu merujuk kepada situasi keadaan yang berlaku bukan kerana nama tempat semata-mata. Hadith Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* yang mencela Najd bermaksud seperti berikut: "***Ya Allah berkati kami di negeri Syam kami, Ya Allah berkati kami di negeri Yaman kami...***" hingga akhir hadith.

Ketika memberikan penjelasan terhadap hadith ini, para ulama' menerangkan bahawa Najd yang dimaksudkan ialah negara Iraq. Ini kerana sebahagian lafaznya menyatakan ke arah Timur, di mana negara Iraq merupakan Timur kepada negeri Madinah bukannya Najd yang terletak di daerah Hijaz.

Ini kerana telah berlaku banyak pertumpahan darah serta fitnah di negara Iraq yang tidak berlaku di negeri Najd. Ini jelas berdasarkan fakta sejarah. Antaranya munculnya golongan Khawarij, pembunuhan ke atas Saidina Husayn, fitnah yang ditimbulkan oleh al-Asy'ats serta al-Mukhtar yang mendakwa diri menjadi Nabi dan peperangan serta pertumpahan darah di

wilayah pemerintahan Hajjaj bin Yusuf al-Tsaqafi, Semua ini berlaku di negara Iraq, bukan di Najd Hijaz.

Walaubagaimana pun, apa yang penting di sini celaan yang dimaksudkan itu lebih merujuk kepada keadaan situasi penduduk yang terjadi pada waktu-waktu tertentu sahaja (Najd serta keseluruhan penduduknya tidak dikutuk sepanjang masa -penterjemah).

Ini terbukti kerana terdapat banyak tempat mulia yang lain, namun berlaku perubahan keadaan dari masa ke masa. Kadangkala tempat tersebut menjadi pusat maksiat pada suatu ketika namun menjadi pusat ketaatan pada ketika lainnya secara bertimbal balik. Dalam hal ini, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* melakukan putaran apa yang dikehendaki-Nya.³²

Tuan Syeikh ini menambah:

Sekiranya dicela Najd hanya disebabkan munculnya Musaylamah di situ, maka betapa pula keadaan negeri Yaman? Ia juga merupakan tempat munculnya Nabi palsu al-Aswad al-Ansi.

Bagaimana pula kedudukan kota Madinah *al-Munawwarah*, adakah ia dicela kerana suatu ketika pernah menjadi tempat kediaman golongan Yahudi namun kemudiaannya menjadi pusat kediaman Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta penghijrahan para

³² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 264.

Muhajirin.

Dan adakah kota Mekah *al-Mukarramah* dicela juga atas dasar suatu ketika dahulu sebahagian para penduduknya mendustakan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sedangkan ia merupakan tempat yang paling dikasihi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*?³³

Ketika menjawab tuduhan Uthman bin Mansur yang mensifatkan pengikut dakwah ini sebagai Khawarij dengan berpandukan hadith-hadith tentang Khawarij, beliau berkata:

Secara realiti, pengikut pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* ini dizahirkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di negeri Najd serta tersebar di merata-rata tempat, di mana sebahagian besar para ulama' serta orang yang berilmu pengetahuan menyatakan kebenarannya. Segala puji bagi Allah! Mereka ini menyeru kepada apa yang diperintahkan-Nya serta apa yang diperintahkan Rasul-Nya iaitu mengikhlaskan peribadatan kepada Allah yang Maha Esa serta tiada sekutu bagi-Nya.³⁴

al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan juga turut memperjelaskan di bahagian perbincangan lain bahawa pandangan golongan Wahabi terhadap golongan Khawarij

³³ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 265.

³⁴ *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 9, hlm. 195. Lihat juga jawapan al-Syeikh ini apabila disoal berkenaan golongan Khawarij dalam *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 8, hlm. 204-205.

bersamaan dengan pandangan para sahabat *radiyallahu 'anhum*.³⁵

Ketujuh: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menyatakan apa yang dikehendaki oleh hadith dengan celaan arah Timur serta Najd, beliau berkata:

Sebenarnya apa yang dikehendaki oleh hadith dengan arah Timur serta Najd ialah negara Iraq. Ini kerana ia berkedudukan bertentangan dengan Madinah dari arah sebelah Timur. Ini jelas sebagaimana menerusi sebahagian jalan-jalan hadith tersebut yang merujuk kepada negara Iraq.

al-Khattabi mengulas: "Najd merupakan tempat di sebelah Timur, di mana bagi penduduk Madinah, Najd mereka ialah kawasan padang rumput atau spara-padang pasir di negara Iraq. Ini kerana asal makna Najd adalah kawasan yang tinggi dari permukaan bumi. Ini bertentangan dengan '*al-Ghawr*' yang bermaksud, kawasan rendah".

al-Dawudi berkata: Menurut Ibn Hajar, Najd adalah kawasan di negara Iraq. Beliau (Ibn Hajar)

³⁵ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, Jil. 9, hlm. 210.

mendasarkan kenyataan ini kepada kenyataan 'Abd. Allah bin 'Umar *radiyallahu 'anhuma* sebagaimana yang termaktub di dalam hadith Sahih Muslim seperti berikut:

Wahai penduduk Iraq!, Mengapa kamu bertanyakan soalan kecil sedangkan kamu telah melakukan perbuatan besar? Daku mendengar Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya, fitnah akan muncul dari arah sini". Lalu baginda menunjuk tangannya ke arah Timur.

Maka berdasarkan kenyataan Ibn 'Umar *radiyallahu 'anh* ini, jelaslah Najd merujuk kepada penduduk Iraq. Ini kerana Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mentafsirkan apa yang dikehendaki di sini dengan isyarat pancaindera. Selain itu tercatat di dalam *al-Mu'jam al-Kabir* oleh al-Tabrani hadith-hadith, bahawa apa yang dikehendaki di sini adalah negara Iraq.³⁶

³⁶ Sila lihat *Minhaj al-Ta'sis wa al-Taqdis fi al-Radd 'ala Ibn Jurjis*, hlm. 62. Apa yang penting di sini, menurut al-Syeikh 'Abd. al-Latif, kita tidak boleh mencela para ulama' Iraq, walaupun wujud hadith-hadith berkenaan negara mereka. Sila lihat *Misbah al-Zullam*, hlm. 236. Antara petikannya ialah seperti berikut:

Janganlah seorang Muslim mencela para ulama' Iraq. Ini kerana ramai para ulama' hadith, fekah serta majoriti para pemimpin di kalangan ahli *al-Jarh wa al-Ta'dil* merupakan penduduk Iraq belaka. Sila rujuk *Risalah Akmal al-Bayan fi Syarh Hadith Najd Qarn al-*

al-Syeikh 'Abd. al-Latif seterusnya menerangkan pula kelebihan Bani Tamim seperti berikut:

Antara kelebihan sebahagian dari penduduk Najd iaitu Bani Tamim ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dari Abu Hurayrah *radiallahu 'anh* yang berkata seperti berikut:

Daku berterusan mengasihi Bani Tamim sejak mendengar tiga kali sabda baginda *sallallahu 'alayhi wa sallam* terhadapnya. Daku mendengar baginda bersabda: **"Apabila mereka membawa zakat maka ini merupakan zakat kaumku"**.

Dan terhadap seorang hamba wanita Bani Tamim, baginda bersabda: **"Bebaskannya, dia dari keturunan Bani Ismail"**. Baginda juga bersabda: **"Mereka di kalangan umatku yang terkuat melawan al-Dajjal"**.

Ini merupakan kelebihan khusus kepada Bani Tamim serta kelebihan umum kepada bangsa arab lainnya. Maka tidak syak lagi secara umum kelebihan ini merujuk kepada penduduk Najd. Ini kerana mereka dari kalangan bangsa arab yang asli.

.....Diketahui umum bahawa para pemimpin dan penyeru kepada menyembah serta mencintai kubur merupakan sebahagian yang merasa gembira dengan apa yang dibawa oleh *al-Dajjal*.

Namun antara yang akan bangkit menentang *al-Dajjal* ini adalah golongan yang berasal dari Bani Tamim. Mereka akan menentang kedajalan para penyembah serta pencinta kubur yang mengagung-agungkan dengan penuh khushyuk selain Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini merupakan suatu petanda dari apa yang diberitahu Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.

Di sini, kami menyatakan bahawa sendinama '*alif lam*' pada perkataan *al-Dajjal* menunjukkan juga kepada *lil jins bukannya lil 'ahd* semata-mata. (merujuk jenis-jenis perbuatan yang dikategorikan sebagai perbuatan Dajjal seperti aktiviti para penyembah serta pencinta kubur tersebut bukan terhenti setakat *al-Masih al-Dajjal* yang dijanjikan itu sahaja - penterjemah).³⁷

Selain itu ketika menjawab golongan penentang yang mengkritik al-Syeikh al-Imam dengan alasan negeri asalnya merupakan negeri kepada Musaylamah *al-Kazzab*, beliau berkata:

Syeikh kami tidak merasa sesuatu yang mengaibkan apabila digelar sebagai seorang yang berasal dari negeri Musaylamah. Apa yang terlebih aib di

³⁷ *Minhaj al-Ta'asis wa al-Taqdis fi al-Radd 'ala Ibn Jurjis*, hlm. 61. Sila lihat penjelasan al-Syeikh 'Abd. al-Latif terhadap golongan Khawarij serta para pencinta kubur – di mana kebanyakan di kalangan mereka menentang pergerakan dakwah *al-Salafiyyah*. Sila lihat *Tarikh Najd* karangan al-Alusi, hlm. 79-85.

sisinya adalah golongan yang memalukan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* dengan perbuatan syirik serta kufur yang nyata yang dilakukan di negara mereka...³⁸

Ketika membalas sindiran segolongan ulama' al-Azhar³⁹ yang mengatakan bahawa Musaylamah *al-Kazzab* adalah sebaik-baik Najd di kalangan kamu, beliau berkata: "Dan firauun yang terlaknat itu tunggak negeri Mesir kamu".⁴⁰

Ketika menjawab Ibn Mansur yang mencela Najd *al-Yamamah* serta mendakwa ia sebagai negeri yang memberi bantuan serta sokongan moral kepada golongan *al-Haruriyyah* serta Qarmati, beliau berkata:

Betapa dustanya si Ibn Mansur ini yang secara realiti tidak mengetahui keadaan sebenar. Hakikatnya negeri berlakunya perkara tersebut ialah Iraq bukannya Najd *al-Yamamah*. Ia merupakan negeri kediaman puak *al-Haruriyyah*. Namun golongan ini bertaubat setelah berlangsungnya perdebatan antara mereka dengan 'Ibn 'Abbas *radiyallahu 'anhuma*.

Ada pun puak Qarmati, negeri mereka ialah *al-*

³⁸ *Misbah al-Zullam*, hlm. 237.

³⁹ Diketahui umum bahawa al-Syeikh 'Abd. al-Latif beserta ayahnya pernah menziarahi negara Mesir serta bertemu dengan sebahagian para ulama' Mesir. Ini berlaku tatkala keduanya meninggalkan daerah Dar'iyah selepas kejatuhannya lalu mereka membuat keputusan untuk melarikan diri ke Mesir.

⁴⁰ *Misbah al-Zullam*, hlm. 237.

Qatif serta *al-Khat*. Ia bukan sahaja tidak terletak di sempadan *al-Yamamah* bahkan sempadan Najd. Kalau benar sekalipun ia merupakan negeri kediaman al-Syeikh al-Imam maka dari sudut manakah ia mendatangkan kemudaran kepada dirinya?

Apa yang penting di sini, adakah Allah serta Rasul-Nya mencela seseorang disebabkan asal negerinya atau sama ada ia seorang Parsi, Negro atau berasal dari negara Firaun? Secara realiti, walaupun Ikrimah *radiyallahu 'anh* merupakan anak kepada si Abu Jahal yang digelar Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sebagai firaun kepada umat ini, namun Ikrimah merupakan antara sahabat terkemuka baginda.⁴¹

Kelapan: al-Syeikh al-Sahsawani.

Dalam kitabnya *Siyannah al-Insannya*, beliau mengulas mengenai gelaran dua tanduk syaitan terhadap Najd berdasarkan kupasan para ulama' terhadapnya. Ia seperti berikut:

Tidak ada satu keterangan yang menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang lahir di sebelah Timur maka dia termasuk apa yang dikehendaki hadith tersebut. Apa yang penting di sini, terjadinya fitnah tidak sesekali merujuk kepada celaan ke atas sesiapa sahaja yang

⁴¹ *Misbah al-Zullam*, hlm. 295.

tinggal di sebelah Timur. Ini terbukti berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh *al-Syaikh* dari Usamah bin Zayd *radhiyallahu 'anh* yang berkata:

***Rasulullah* sallallahu 'alayhi wa sallam mengawasi musibah antara beberapa musibah yang menimpa kota Madinah. Baginda bersabda: "Adakah kamu melihat apa yang daku lihat?" Mereka menjawab: "Tidak". Baginda bersabda: "Daku melihat fitnah yang terjadi di sepanjang rumah-rumah kamu laksana turunnya hujan".**

Hadith ini serta beberapa hadith lain yang bersangkutan dengannya menerangkan terjadinya fitnah di kota Madinah. Sekiranya terjadinya fitnah di sesuatu tempat merupakan penyebab kepada celaan terhadap penduduknya maka kekallah celaan terhadap sekalian penduduk Madinah, sedangkan tidak ada seorang pun yang berpandangan demikian walau pada zaman mana pun jua.

Selain itu tidak ada sebuah negara serta kampung namun pasti akan menghadapi sesuatu fitnah. Dalam konteks ini adakah seseorang muslim itu berani untuk mencela sekalian kaum muslimin di seluruh dunia? Secara realiti yang hanya menerima celaan adalah individu yang melakukan perbuatan kufur, syirik serta bid'ah tatkala terjadinya fitnah tersebut.⁴²

⁴² *Siyannah al-Insan*, hlm. 496-500.

Selain itu beliau turut menyatakan bahawa apa yang dikehendaki dengan hadith fitnah terhadap Najd merujuk kepada negara Iraq disebabkan perletakkannya ke arah timur kota Madinah *al-Munawwarah*.⁴³ Terhadap dakwaan '*al-Tahliq*' ke atas golongan Wahabi, beliau berkata: "Ini merupakan pembohongan keji yang amat nyata".⁴⁴

Kesembilan: al-Allamah Mahmud Syukri al-Alusi.

Beliau merupakan ulama' yang berasal dari negara Iraq. Apa yang menarik di sini, ketika memperjelaskan hakikat dua tanduk syaitan yang dirujukkan kepada negaranya, beliau berkata:

Bukan suatu yang menghairankan apabila bumi Iraq menjadi elemen kepada setiap tribulasi serta musibah. Dari masa ke semasa penduduk Islam di sana ditimpa malapetaka demi malapetaka.

Apa yang dilakukan golongan *Haruriyyah* terhadap Islam di sana tidak dapat diingkari. Fitnah golongan *Jahmiyyah* sehinggakan sebahagian besar golongan terdahulu mengeluarkan mereka dari lingkungan Islam terjadi di situ. Begitu juga fitnah golongan *Muktazilah* serta pertelingkahan mereka dengan Hasan Basri sudah diketahui umum di mana ia terjadi di kota

⁴³ *Siyannah al-Insan*, hlm. 514.

⁴⁴ *Siyannah al-Insan*, hlm. 529.

Basrah.

Selain itu munculnya golongan *Rafidhoh* serta Syi'ah yang melampau sikap mereka terhadap *ahl al-Bait* menerusi kata-kata keji terhadap Saidina 'Ali serta para sahabat besar lainnya tidak dapat diingkari lagi serta diketahui orang secara detailnya.⁴⁵

Kesepuluh: al-Syeikh Ibn Sahman.

Ketika menjawab pembohongan al-Haddad yang mensifatkan penduduk Najd sebagai keturunan Musaylamah *al-Kazzab*, beliau mengulas:

Diketahui umum bahawa nenek moyang para sahabat *radiyallahu 'anhum* berada di atas landasan syirik. Ini disebabkan perbuatan syirik, menyembah berhala serta batu dan pelbagai lagi. Namun para sahabat *radiyallahu 'anhum* tidak pula merasa aib di atas perkara ini. Di mana menerusi tulang sulbi golongan musyrikin inilah, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* melahirkan golongan yang menjadi wali-Nya serta pilihan-Nya.⁴⁶

Beliau menambah:

⁴⁵ *Ghayah al-Amani fi al-Radd 'ala al-Nabhani*, Jil. 2, hlm. 148, secara ringkas.

⁴⁶ Sila lihat *al-Asinnah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*, hlm. 87.

Secara realiti, walaupun *al-Yamamah* merupakan negeri al-Syeikh al-Imam, ia bukan berkedudukan di sebelah timur kota Madinah. Sebaliknya negara Iraq yang sifatnya demikian. Selain itu *al-Yamamah* juga tidak terletak antara timur Madinah serta Iraq. Hakikatnya *al-Yamamah* timur kepada kota Mekah *al-Musyarrifah*.⁴⁷

Kesebelas: al-Syeikh 'Abd. al-Karim bin Fakhr al-Din al-Hindi.

Ketika menjawab Ahmad Zaini Dahlan di atas isu *al-Tahliq* serta dakwaan si Dahlan bahawa dua tanduk syaitan itu merujuk kepada Najd Semenanjung Tanah Arab (bukan di Iraq – penterjemah), beliau menulis:

Lihatlah betapa tindakannya mengubah serta membuang kalam Rasul walaupun sudah jelas kedudukan sebenar berdasarkan penjelasan para ulama' hadith terhadapnya. Ia membabitkan peristiwa pembunuhan Uthman *radiallahu 'anh*, peperangan Jamal dan Siffin, munculnya Khawarij serta perkara berkaitan dengannya. Di mana para ulama' hadith tidak menetapkan sebagaimana yang ditetapkan si Dahlan. Selain itu, apa yang berlaku kepada al-Syeikh al-Imam tidak ada sangkut paut atau diluar dari apa yang dikehendaki

⁴⁷ Sila lihat *al-Asinnah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*, hlm. 97.

mereka.⁴⁸

Beliau menambah:

Ada pun merujuk sifat golongan Khawarij iaitu *al-Tahliq* (mencukur rambut), ia masih tidak dapat diaplikasikan terhadap dakwaan si Dahlan. Ini kerana perbuatan mencukur rambut serta meninggalkan jambul jika benar sekali pun merupakan perbuatan al-Syeikh al-Imam serta pendokongnya, maka ia tetap bukan perkara baru di dalam Islam. Ini sesuai dengan maksud sabda Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*: "**Potongkanlah rambut kufur engkau**".⁴⁹

Keduabelas: al-Syeikh Nasir al-Din al-Hijazi.

Ketika menjawab pembohongan al-Iskandarany, beliau mengulas kedudukan arah Timur seperti berikut:

Hakikatnya, Timur merupakan suatu gelaran merujuk kepada terbitnya matahari. Ia merupakan tempat munculnya pelbagai jenis fitnah seperti lahirnya Genghiz Khan, Hulako serta tentera Tartar sehingga terbunuhnya lebih sejuta kaum muslimin.⁵⁰

⁴⁸ *al-Haq al-Mubin fi al-Radd 'ala al-Lahabiyah al-Mubtadi'in*, hlm. 44.

⁴⁹ Riwayat Abu Dawud. Namun di sisi 'Abd. al-Qadir al-Arnaut, ia sebuah hadith *doif* (lemah).

⁵⁰ *al-Nufkah 'ala al-Nufkah*, hlm. 29.

Tatkala menjawab tuduhan '*al-Tahliq*' beliau berkata: "Adapun terhadap kenyataannya terhadap *al-Tahliq* maka ia merupakan kata-kata karut".⁵¹

Ketigabelas: al-Syeikh Hakim Muhammad Asyhraf Sandaho.

Beliau mengarang sebuah kitab bertajuk *Akmal al-Bayan fi Syarh Hadith Najd Qarn al-Syaiton*⁵² dengan menghimpunkan periwayatan serta para perawi hadith berkenaan Najd dua tanduk syaitan. Beliau turut mengemukakan kajian para ulama hadith, ahli linguistik arab serta pakar geografi berkenaan kedudukan sebenar Najd dua tanduk syaitan ini. Dengan bukti kukuh beliau membuat kesimpulan bahawa negara Iraq merupakan tempat yang dimaksudkan. Beliau menulis:

Pengertian hadith-hadith yang menyebut arah Timur sebagai kedudukan tempat yang diumpamakan sebagai dua tanduk syaitan merupakan tempat yang kedudukannya di Timur kota Madinah *al-Munawwarah*.

Ia merupakan tempat yang menjadi asas kepada kejadian fitnah serta kerosakan, kufur serta kemurtadan dan kesesatan. **Sila lihat kepada peta**

⁵¹ *al-Nufkah 'ala al-Nufkah*, hlm. 32.

⁵² Naskah ini dicetak menerusi cetakan pertama oleh 'Abd. al-Qadir al-Sindi, di Akademi Pakistan, 1402 H.

negara-negara Arab maka kamu akan melihat dengan jelas bahwa bumi yang terletak di arah Timur kota Madinah hanya bumi Iraq sahaja. Ia merupakan tempat perletakan kota Kufah, Basrah dan Baghdad.⁵³

Belau menambah:

Namun para pensyarah hadith, ahli linguistik arab serta golongan yang pakar dalam geografi bersetuju bahawa secara hakiki istilah Najd bukan merujuk kepada suatu tempat secara khusus, atau bukanlah nama sebuah negeri yang spesifik. Bahkan ia merujuk kepada keseluruhan tempat yang tinggi dari permukaan serta kawasan sekitarnya.⁵⁴

Keempatbelas: al-Syeikh Hamud al-Tuwayjri

Menerusi kitabnya *Aydoh al-Muhajjah* beliau menolak tuduhan al-Ghumari seperti berikut:

Adapun periwayatan yang sah tentang munculnya dua tanduk syaitan dari arah Timur, ia dirujuk kepada kenyataan 'Abd. Allah bin 'Umar *radiallahu 'anhuma*. Di mana Ibn 'Umar *radiallahu 'anh* telah memperjelaskan bahawa apa yang dikehendaki dengan arah Timur ialah negara Iraq. Maka terbatallah

⁵³ *Akmal al-Bayan fi Syarh Hadith Najd Qarn al-Syaiton*, hlm. 16-17.

⁵⁴ *Akmal al-Bayan fi Syarh Hadith Najd Qarn al-Syaiton*, hlm. 21.

apa yang disangkakan oleh si pendusta ini bahawa ia merujuk kepada penduduk semenanjung Tanah Arab.⁵⁵

Ketika menjawab tuduhan al-Ghumari bahawa apa yang dikehendaki dengan dua tanduk syaitan ini adalah kemunculan al-Syeikh al-Imam, beliau berkata:

Ini merupakan pembohongan besar. Dia mensifatkan al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya dengan sifat yang keji yang secara realiti kenyataannya itu tidak perlu diberikan perhatian. Apa yang penting di sini adalah firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata. [al-Ahzab 33:58]

Para ulama' memperakui bahawa al-Syeikh al-Imam menzahirkan serta menyeru ke arah mentauhidkan Allah serta memperbaharui (*Tajdid*) urusan agamanya. Mereka juga memperakui keilmuan, keutamaan serta

⁵⁵ *Aydoh al-Mahajjah fi al-Radd 'ala Sohib Tonjah*, hlm. 132, secara ringkas.

tingkahlaku beliau.⁵⁶

Kelimabelas: al-'Allamah Nasir al-Din al-Albani.

Ketika mengulas hadith yang bermaksud "***Ya Allah berkati kami di negeri Syam kami***", beliau berkata:

Apa yang dimanfaatkan dari himpunan *Turuq* (jalan-jalan hadith) bahawa yang dikehendaki dengan istilah Najd menerusi riwayat al-Bukhari bukanlah kawasan yang dikenali dewasa kini dengan gelaran 'Najd'.

Ia sebenarnya merujuk kepada negara Iraq. Ini sebagaimana pendapat al-Khottobi dan Ibn Hajar al-'Asqalani. Apa yang dinyatakan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ini terbukti di mana kebanyakan dari fitnah besar (*al-fitnah al-kubro*) muncul dari negara Iraq.

Antaranya peperangan antara 'Ali *radiyallahu 'anh* dengan Muawiyah *radiyallahu 'anh*, peperangan antara 'Ali dengan golongan Khawarij, persengketaan antara 'Ali dengan 'Aisyah *radiyallahu 'anha* serta selainnya sebagaimana termaktub di dalam kitab-kitab sejarah. Di mana hadith ini sememangnya menunjukkan kepada mukjizat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* kerana menyatakan perkara yang berlaku di masa akan

⁵⁶ *Aydoh al-Mahajjah fi al-Radd 'ala Sohib Tonjah*, hlm. 138.

datang.⁵⁷

Keenambelas: 'Abd. al-Bari 'Abd. al-Baqi.

Ketika menafikan tuduhan terhadap golongan Wahabi sebagai Khawarij, beliau berkata:

Bertentangan dengan sifat golongan Khawarij, golongan Wahabi tidak pula berlepas diri sama ada terhadap 'Uthman *radiyallahu 'anh* mahupun terhadap 'Ali *radiyallahu 'anh*.⁵⁸

Ketujuhbelas: al-Qasimi.

Tatkala membantah tuduhan '*al-Tahliq*' terhadap golongan Wahabi, beliau mengulas:

Ini merupakan kata-kata keji serta ditolak. Dan sebagai memperjelaskan perkara ini yang berkait dengan perbuatan mencukur kepala di kalangan golongan Wahabi serta kononnya ia merupakan tanda khusus kepada mereka yang tiada pada golongan lain.

Secara realiti perbuatan mencukur kepala tidak

⁵⁷ Mahmud Mahdi al-Istanbuli, *al-Imam Muhammad 'Abd. al-Wahhab fi Mar'ah Ulama' Syarq wa al-Maghrib*, hlm. 88-90.

⁵⁸ *al-Wahabiyyun al-Awa'il ba'd al-Jawanib min al-Taqim al-Mu'asir lahum*, diterjemahkan ke dalam bahasa arab oleh Dr. Sayyid Ridhuan 'Ali, hlm. 17.

mungkin dapat disandarkan kepada golongan mana pun pada zaman kita ini. Ia merupakan sesuatu yang biasa dilakukan masyarakat Islam di seluruh dunia bukannya khusus kepada penduduk Najd sahaja. Maka bagaimana untuk disandarkan gelaran '*al-Tahliq*' ini secara khusus kepada mereka?⁵⁹

Ketika membatalkan dakwaan '*al-Amili al-Rafidhoh* bahawa golongan Wahabi merupakan golongan Khawarij, beliau berkata:

Golongan Wahabi memperakui dengan penuh kebenaran serta membenarkan pegangan, kerohanian serta perjalanan hidup sekalian tokoh-tokoh agung Islam yang dikafirkan golongan Khawarij, seperti 'Ali, Uthman, Muawiyah dan para sahabat lainnya *radiallahu 'anhum ajmain*.⁶⁰

⁵⁹ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 1, hlm. 443-444, secara ringkas.

⁶⁰ Apa yang menarik, al-Qasimi telah mendedahkan bahawa golongan Syi'ah lebih merbahaya dari golongan Khawarij dari beberapa sudut. (*al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah* Jil. 1, hlm. 488-492).

Beliau turut mendedahkan beberapa persamaan antara golongan Syi'ah dengan golongan Yahudi. (*al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah* Jil. 1, hlm. 492-503). al-Qasimi juga menyebutkan di dalam kitabnya *al-Fasl al-Hasim Bayna al-Wahabiyyin Wa Mukhalifihim*, hlm. 112-117 beberapa sifat keji golongan Khawarij yang ditempelkan al-Dijwi ke atas golongan Wahabi. al-Qasimi juga menetapkan dengan jelas bahawa secara realiti al-Dijwi dengan para pengikutnya lebih layak

Perbahasan Ketiga:

Kekeliruan Bahawa Golongan Wahabi Meletakkan Kategori Kufur Terhadap Perkara Yang Tidak Kufur. Ia Diikuti Jawapan Serta Bantahan Terhadapnya.

Menerusi perbincangan ini kami mengemukakan pandangan sebahagian para penentang berkaitan isu kekufuran yang ternyata bertentangan dengan ketetapan para ulama' pergerakan dakwah *al-Salafiyyah*. Ia berkaitan dengan dakwaan mereka bahawa al-Syeikh al-Imam serta para pendokong dakwahnya mengeluarkan dari lingkungan Islam individu yang pada hakikatnya tidak kufur. Sehubungan ini golongan penentang tidak menganggap

ditempelkan dengan sifat-sifat tersebut.

Sila lihat juga suatu rencana tulisan Dr. Muhammad Syuway'ir di dalam majalah *al-Itisom* bertarikh 9 Jamadil awal 1406 bertajuk *La 'Alaqah Bayna al-Wahabiyyah al-Rastamiyyah wa Bayna Dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab al-Salafiyyah*. Apa yang penting di sini, wujud satu kumpulan *al-Ibadhiyoh* di negara Maghribi yang digelar sebagai golongan Wahabi. Ia dinisbahkan kepada pengasasnya yang bernama 'Abd. al-Wahhab bin 'Abd. al-Rahman bin Rustam. Ia merupakan suatu kumpulan yang diasaskan sebelum kelahiran al-Syeikh al-Imam. Berkemungkinan wujudnya kesilapan di kalangan sesetengah golongan kerana menyangka gerakan *al-Ibadhiyoh* di negara Maghribi itu merupakan gerakan al-Syeikh al-Imam.

perbuatan yang dilakukan itu sebagai perbuatan yang dapat dikategorikan sebagai perbuatan kufur.

Sepanjang pemerhatian kami, wujudnya perbezaan ketara terhadap isu ini. Ia disebabkan perselisihan dalam persoalan yang membabitkan batas-batas kekufuran yang memungkinkan seseorang itu terkeluar dari agama Islam. Dalam konteks ini, para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* menetapkan serta membezakan antara kekufuran yang dikenali sebagai kekufuran besar dengan kekufuran kecil. Ia berlandaskan kepada al-Qur'an, al-Sunnah serta *athar* para *Salaf al-Soleh*.

Sebaliknya para penentang menyalahi jalan para mukminin kerana tidak memahami batas-batas kufur yang sebenar serta tidak memahami maksud kufur yang dapat mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Natijahnya, mereka membataskan kekufuran dalam aspek yang amat sempit. Ini sehinggakan mereka tidak mengeluarkan golongan yang sememangnya kufur dengan menetapkan bahawa ia masih terpelihara keimanannya. Oleh itu ia masih dikategorikan sebagai golongan muslim yang beriman.

Sehubungan ini, para penentang telah keliru sehingga mereka menyempitkan hakikat kekufuran. Ini disebabkan kejahilan mereka terhadap hakikat tauhid. Mereka tidak menggambarkannya dengan gambaran yang sempurna serta tidak memahaminya dengan kefahaman yang sejahtera sehinggakan mereka jahil terhadap

keistimewaan tauhid. Ini menyebabkan mereka bergelung ke dalam perkara yang bercanggah dengan hakikat tauhid. Antara penyebabnya ialah amalan taklid secara membuta tuli serta mengikuti adat kebiasaan.

Secara realiti, antara penyelewengan mereka adalah kepercayaan bahawa tauhid yang wajib ke atas sekalian *mukalaf* ialah tauhid *Rububiyah* sahaja. Ia merujuk kepada mentauhidkan Allah sebagai *Khaliq* (Pencipta), *al-Raziq* (Pemberi rezeki), *al-Mudabbir* (Mengurus-makhluk-Nya), *al-Muhyi* serta *al-Mumit* (Menghidup serta Mematikan) serta selainnya yang termasuk di dalam skop tauhid *Rububiyah*.

Dalam konteks ini, mereka memberikan gambaran yang kurang tepat. Ini kerana makna *Lailahillallah* adalah penetapan bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* bukan sahaja sebagai Pencipta serta Maha Berkuasa dalam Mencipta, bahkan sebagaimana yang disepakati para ulama' tafsir, fekah serta bahasa arab bahawa Dia adalah satu-satunya yang berhak disembah. Ini berdasarkan apa yang dikehendaki dengan kalimah syahadah: *La ma'bud illallah* (tiada yang disembah melainkan Allah). Ia merujuk kepada mengkhususkan serta menetapkan segala jenis peribadatan hanya kepada Allah yang Maha Esa serta menafikan segala yang lain.⁶¹

⁶¹ Sila lihat *Majmu'ah al-Tauhid al-Najdiyyah*, percetakan al-Salafiyah, Kaherah, 1375H, hlm. 396-398.

Sehubungan ini, para penentang seolah-olah tidak mengetahui bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* turut memerangi golongan musyrikin arab walaupun mereka tetap meyakini Tauhid *Rububiyyah*. Ini kerana mereka mengingkari Tauhid *al-Ibadah (al-Uluhiyyah* – penterjemah). Ini menyebabkan mereka tidak menetapkan serta tidak beriman bahawa Allah sahaja yang berhak disembah menerusi segala jenis ibadah. Mereka juga tidak menolak penyembahan yang lain seperti batu, patung serta berhala lainnya.

Sebagai pembuktian bahawa golongan musyrikin yang diperangi Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* masih menetapkan bahawa Allah sebagai *Khaliq* (Pencipta), *al-Raziq* (Pemberi rezeki), *al-Mudabbir* (Mengurus-makhluknya) dan *al-Muhyi* serta *al-Mumit* (Menghidup serta Mematikan) yang termasuk ke dalam skop tauhid *Rububiyyah* namun masih dianggap sebagai kafir adalah firman Allah seperti berikut:

Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah Yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?"

(Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka

mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segala-galanya!" Oleh itu katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?" [Yunus 10:31]

Inilah tauhid yang diimani golongan musyrikin arab yang tidak dikategorikan sebagai golongan muslim. Sayang sekali tauhid seperti inilah yang diinginkan oleh para penentang.

Seterusnya kami mengemukakan kenyataan para penentang menerusi hasil karya mereka supaya bertambah jelas apa yang kami nyatakan berkenaan tauhid *Rububiyyah* yang mereka maksudkan. Sehubungan ini para penentang menyatakan hanya golongan yang menyalahi tauhid *Rububiyyah* sahajalah yang dikategorikan sebagai kafir.

Adapun terhadap golongan yang melakukan pelbagai jenis perbuatan kufur seperti bernazar kepada selain Allah, *beristighosah* (meminta pertolongan kepada mayat dalam kubur – penterjemah) dalam perkara yang mereka tidak berupaya melakukannya kecuali Allah, para penentang tidak menganggapnya sebagai perbuatan yang boleh mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Ini selagi mana mereka berkeyakinan bahawa Allah yang Maha Esa sahaja yang dapat memberi bekas.

Selain itu, kami juga akan mengemukakan

kenyataan para penentang yang mengharuskan jenis perbuatan kufur yang walaupun ia dianggap perbuatan maksiat namun kedudukannya masih di bawah kekufuran yang boleh mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Antara perbuatan yang dikategorikan sebegini adalah sembelihan selain kepada Allah, bernazar, memohon doa serta beristighosah selain kepada Allah. Dalam konteks ini, mereka menentang para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* kerana menyalahi apa yang mereka yakini.

Kenyataan Para Penentang Terhadap Isu Ini

- **Ibn Afaliq.**

Ketika menetapkan makna tauhid dia berkata:

al-Tauhid ialah pemisahan antara *al-Qadim* (merujuk kepada Allah-penterjemah) dengan makhluk. Ia merujuk bersendirinya Allah dari sudut *Rububiyyah* serta *Wahdaniyyah* (keesaan) daripada sekalian makhluk-Nya.⁶²

- **al-Qabbani.**

Dia menafikan bahawa golongan musyrikin terdahulu menetapkan tauhid *Rububiyyah*. Ini dilakukan

⁶² *Jawab Ibn Afaliq 'ala Risalah Ibn Mu'ammara*, helaian 65.

bagi mempertahankan tindakan golongan pada zamannya yang suka ber*istighosah* (meminta pertolongan) kepada selain Allah dalam perkara yang hanya Allah sahaja dapat menunaikannya. Dia berkata:

Adakah engkau pernah mendengar wujud di kalangan golongan yang melakukan *istighosah* (meminta pertolongan) kepada para Nabi atau wali (yang sudah mati -penterjemah) bahawa mereka ini Tuhan yang memberikan kemudahan, kemanfaatan dan pertolongan sebagaimana keyakinan golongan musyrikin terhadap sembah mereka?⁶³

- **Muhammad bin 'Abd. al-Majid.**

Dia mendakwa golongan musyrikin arab tidak menetapkan sifat *Rububiyah* Allah dengan berkata:

Kekafiran golongan musyrikin arab hanya disebabkan mereka menetapkan sifat *rububiyah* terhadap berhala serta sembah mereka. Dari sudut inilah mereka itu musyrik serta kafir. Ini kerana hanya Allah sahajalah yang wajib bersifat dengan *Wahdaniyyah* yang bermaksud tidak ada yang wujud sebanding dengan-Nya serta Dia berdiri dengan sendirinya tanpa bergantung kepada dzat yang lain.⁶⁴

⁶³ *Fasl Khitob fi al-Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab*, helaian 61.

⁶⁴ *al-Radd 'ala Ba'd al-Mubtadi'ah min al-Toifah al-Wahabiyyah*,

Dia menambah:

Ini berbeza dengan kaum muslimin yang *beristighosah* kepada para Nabi atau wali disebabkan mereka tetap menganggap bahawa secara hakiki hanya Allah sahajalah yang dapat memberi manfaat serta mudarat.⁶⁵

- **al-Haddad.**

Ketika mempertahankan para pengikutnya yang terdiri dari para pencinta kubur, dia berkata:

Sebenarnya golongan yang mengagungkan para Nabi serta wali tidak meyakini terhadap mereka apa yang mereka yakini terhadap Allah apabila merujuk kepada penghasilan yang sempurna serta umum. Mereka hanya meyakini bahawa para Nabi serta wali mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah dalam perkara tertentu sahaja. Oleh itu mereka menyandarkan perkara tertentu itu kepada para Nabi dan wali secara kiasan sahaja dengan meyakini bahawa sumber serta perbuatan terhadap perkara tersebut hakikatnya hanya Allah.⁶⁶

hlm. 11 secara ringkas.

⁶⁵ *al-Radd 'ala Ba'd al-Mubtadi'ah min al-Toifah al-Wahabiyyah*, hlm. 15-16, secara ringkas.

⁶⁶ *Misbah al-Anam*, hlm. 5.

- **Ahmad Zaini Dahlan.**

Dia menyatakan bahawa apa yang dikatakan syirik adalah keyakinan selain Allah yang dapat memberi kesan. Dia beranggapan tidak seorang pun di kalangan kaum muslimin yang berkeyakinan sedemikian. Sehubungan ini dia berkata:

Tidak ada sesiapa pun di kalangan kaum muslimin yang mengabdikan diri kepada selain Allah serta berkeyakinan selain Allah dapat memberi kesan.⁶⁷

- **al-Zahawi.**

Dia berpandangan golongan musyrikin terdahulu meyakini sembah berhala mereka dapat mendatangkan manfaat serta menolak mudarat dengan zat (berhala) sendiri. Dia berkata:

Golongan musyrikin terdahulu menjadi kafir disebabkan pegangan mereka terhadap para malaikat, para Nabi serta wali sebagai Tuhan disamping Allah yang dapat memberi manfaat serta menolak mudarat dengan zat mereka sendiri.⁶⁸

⁶⁷ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah*, hlm. 23.

⁶⁸ *al-Fajr al-Sodiq fi al-Radd 'ala Munkiri al-Tawassul wa al-Karamat wa al-Khawariq*, hlm. 51, secara ringkas.

- **al-Amili.**

Dia menetapkan – tanpa bukti - bahawa golongan musyrikin arab hanya menafikan sifat *kerububiyahan* Allah sahaja. Ketetapan beliau ini bagi menjawab ketetapan al-Syeikh al-Imam yang mengemukakan bukti jelas serta kukuh di dalam risalahnya *Kasyf al-Syubhat* serta *al-Arba' al-Qawaid* bahawa golongan musyrikin mengiktiraf *kerububiyahan* Allah. Sehubungan ini al-Amili mengulas:

Tiada suatu bukti pun kepada kami golongan musyrikin arab tidak meyakini sembah berhala mereka sebagai sembah yang dapat memberi kesan pada menjadikan sesuatu, atau meyakini Allah sahaja yang dapat memberi kesan.⁶⁹

- **al-Syathi.**

Dia menetapkan bahawa syirik besar hanya merujuk kepada penyembahan terhadap patung serta berhala.⁷⁰ Sehubungan ini beliau membawa suatu hikayat yang diperolehi dari datuknya seperti berikut:

Suatu ketika datukku menziarahi masjid Bani Umayyah di Syam. Tiba-tiba dia mendengar seorang tua berkata: "Wahai Yahya (merujuk Nabi Yahya '*alayh al-salam* - penterjemah) kurniakanlah kesihatan kepada

⁶⁹ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 17, secara ringkas.

⁷⁰ *al-Nuqul al-Syar'iyah*, hlm. 100.

anak perempuanku”.

Datukku mendapati kata-kata orang tua ini secara zahir suatu yang meragukan serta tidak beradab terhadap Tuhan. Lantas dia berkata kepada orang tua tersebut: “Wahai kakak, katakanlah dengan *jah* (kedudukan) Yahya, berilah kesihatan kepada anak perempuanku”.

Lantas orang tua itu menjawab: “Aku tahu, aku tahu! Namun dia (Yahya) lebih dekat kepadaku untuk sampai kepada Allah”. Lalu orang tua itupun menyatakan bahawa pegangannya benar dalam hal ini. Ini kerana secara hakiki hanya Allah sahaja yang melakukannya. Dia hanya menggunakan perantaraan Yahya agar Allah memperkenankannya.⁷¹

- **Muhammad Husayn *al-Rafidhi*.**

Dia memuliakan amalan yang dilakukan golongan *Rafidhoh* serta para pencinta kubur. Tatkala menyatakan berlepas diri kedua golongan tersebut dari mensyirikkan Allah, dia berkata:

Adakah dengan memegang-megang kubur atau mengelilinginya oleh para penziarahnya menunjukkan bahawa si penghuni kubur itu adalah Tuhan yang mencipta? Atau adakah si penganjungnya berkata

⁷¹ *al-Nuqul al-Syar’iyyah*, hlm. 102.

kepadanya: "Wahai Tuhanku, wahai pemberi rezekiku, wahai sembahanku?" Pada pengiraanku tidak seorangpun terlintas di hati sanubarinya untuk mengatakan sedemikian.⁷²

- **Muhammad al-Tahir.**

Dia mengulas tentang persoalan murtad seperti berikut:

Sekiranya didapati pada perkataan kaum muslimin pergantungan kepada sesuatu yang lain selain Allah, maka wajib menginterpretasikannya secara kiasan. Sekali-kali tidak ada jalan untuk mengkafirkannya. Sekiranya seorang awam berkata: "Dapat menolongku Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* atau sahabatnya atau seorang wali (selepas mereka wafat - penterjemah)", maka apa yang dikehendakinya hanyalah secara kiasan sahaja. Semestinya mengatakan dia seorang muslim ahli tauhid yang tidak meyakini selain Allah dapat memberi kesan.⁷³

⁷² *Naqd 'ala Fatawaal-Wahabiyyah*, hlm. 27-30, secara ringkas.

⁷³ *Quwwah al-Difa' wa al-Hujum*, hlm. 16-17.

Selain persoalan di atas, didapati para penentang menganggap sembelihan selain kepada Allah, bernazar, *beristighosah* kepada orang yang sudah mati bukan suatu perbuatan syirik atau tidak dikategorikan sebagai perbuatan syirik yang dapat mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Ini sekiranya pelaku perbuatan tersebut berkeyakinan bahawa Allah adalah pembuatnya. Kenyataan ini jelas menerusi hasil penulisan mereka sehinggakan mereka menentang secara keras golongan yang menyalahi pandangan tersebut. Ia seperti berikut:

- **Ibn 'Afaliq.**

Tatkala menafikan perbuatan sembelihan serta bernazar selain kepada Allah sebagai perbuatan syirik berkata:

Para umat bersepakat bahawa perbuatan sembelihan serta bernazar selain kepada Allah adalah haram hukumnya. Sesiapa yang melakukannya maka dia menderhakai Allah dan Rasul-Nya. Namun para ulama' mencegah dari mengkafirkan mereka selagi mana mereka tidak meyakini bahawa selain Allah itu adalah sembah

yang setara dengan Allah.⁷⁴

- **Ibn Sahim.**

Tatkala mencaci al-Syeikh al-Imam kerana beliau mengkafirkan golongan yang melakukan sembelihan selain kepada Allah, dia berkata:

Hakikatnya tidak dikafirkan sesiapa yang menyembelih sembelihan selain kepada Allah, namun si dia (al-Syeikh al-Imam - penterjemah) menganggap perbuatan tersebut laksana menyembah jin sehingga dia mengatakan ia adalah kafir manakala memakan hasilnya adalah haram.⁷⁵

- **Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.**

Tatkala mengutuk golongan yang mengkafirkan sesiapa yang menyembelih atau bernazar kepada selain Allah, dia turut merasa terkejut terhadap golongan yang mengkafirkan sesiapa yang memohon kepada selain Allah. Sehubungan ini dia berkata:

Daripada mana kamu mendatangkan bukti bahawa

⁷⁴ *Jawab Ibn Afaliq 'ala Risalah Ibn Mu'ammara*, helaian 70.

⁷⁵ Dipetik dari kenyataan al-Qabbani dalam kitabnya *Fasl al-Khitob*, helaian 211.

seorang muslim yang bersaksikan Tiada Tuhan selain Allah serta Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya melakukan perbuatan syirik besar (*al-Syirk al-Akbar*) sehingga terbatal segala amalannya serta halal harta dan darahnya apabila memohon kepada yang ghaib, atau memohon kepada orang yang sudah mati serta bernazar kepadanya?⁷⁶

Dia menambah:

Golongan yang berilmu tidak mengatakan bahawa sesiapa yang memohon kepada selain Allah dia adalah murtad serta mereka tidak mengatakan kepada golongan yang menyembelih kepada selain Allah dia juga adalah murtad.⁷⁷

- **Muhammad bin Muhammad al-Qadiri.**

Dia mengharuskan *beristighosah* kepada selain Allah selagi mana pelakunya tidak berkeyakinan bahawa selain Allah itu dapat memberi kesan. Dia berkata:

Adapun kata-kata "Wahai tuanku Saidina Ahmad atau tuan syeikh sekian sekian" bukanlah daripada perbuatan syirik. Ini kerana ia termasuk ke dalam ruang lingkup bertawassul serta *beristighosah*. Tanpa sebarang keraguan lagi pada seorang muslim yang melakukan

⁷⁶ *al-Sawa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 6.

⁷⁷ *al-Sawa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 7.

perbuatan demikian bahawa Saidina Ahmad atau para wali lainnya mereka ini bukanlah pencipta bagi menghasilkan sesuatu. Di mana secara realiti kesemuanya adalah di bawah kehendak serta kekuasaan Allah.⁷⁸

- **al-Haddad.**

Tatkala menganggap bahawa tegahan al-Syeikh al-Imam terhadap bernazar kepada para wali sebagai pembohongan, dia berkata:

Adapun dalil-dalil yang dikemukakan si *al-Najdi* ini (merujuk al-Syeikh al-Imam - penterjemah) bagi menegah perbuatan bernazar kerana dikategorikannya sebagai dosa besar, ia sebenarnya adalah pembohongan terhadap kitab-kitab syariat serta menunjukkan sangat jahilnya si dia ni.⁷⁹

- **Muhsin bin 'Abd. al-Karim.**

Ketika memuji salah seorang penentang al-Syeikh al-Imam, dia menulis di dalam kitabnya *Lufhat al-Wajd*:

Mereka (golongan penentang - penterjemah) menetapkan bahawa perbuatan memohon (kepada selain Allah - penterjemah) bukan dikategorikan sebagai

⁷⁸ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, helaian 6-7.

⁷⁹ *Misbah al-Anam*, hlm. 44.

perbuatan syirik besar. Ia tidak mengeluarkan seseorang itu dari lingkungan wilayah keislaman.⁸⁰

- **'Abd. Allah bin Hussayn al-Alawi.**

Dia mengarang sebuah risalah bagi menjawab para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*. Di dalamnya dia menetapkan bahawa perbuatan bermohon kepada selain Allah bukanlah perbuatan syirik besar.⁸¹

- **Dawud bin Jurjis.**

Dia juga mendakwa bahawa bermohon kepada orang yang sudah mati, bernazar serta sembelihan selain kepada Allah bukan suatu perbuatan syirik.⁸²

- **Ja'far al-Najafi.**

Dia mengharuskan perbuatan sembelihan selain kepada Allah dengan mendakwa sejak dahulu kala lagi masyarakat Islam melakukan sembelihan kepada para Nabi serta para wali.⁸³

⁸⁰ *Lufhat al-Wajd*, helaian 88.

⁸¹ Sila lihat risalahnya bagi menolak golongan Wahabi. Ia wujud dalam bentuk manuskrip di Institut Manuskrip, Kuwait, helaian 13.

⁸² Sila lihat bahagian pengenalan kitab *al-Ta'sis al-Taqdis* karangan Syeikh 'Abd. Allah Buthain, hlm. 6.

⁸³ Sila lihat *Minhaj al-Rasyad Liman arada al-Sadad*, hlm. 30

- **al-'Amili *al-Rafidhi*.**

Dia mengharuskan perbuatan *beristighosah* kepada selain Allah menerusi kata-katanya:

Sekiranya seseorang itu berkata di dalam permohonannya atau *istighosahnya* kepada selain Allah: "Selesaikanlah hutangku, atau sembuhkanlah penyakitku atau tolongilah daku dari musuhku", maka dia tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ditegah atau membahayakan (akidahnya - penterjemah) sehingga mewajibkan kepada mensyirikkan serta mengkafirkannya. Ini berdasarkan kenyataan bahawa si muslim itu tetap meletakkan keyakinan bahawa selain Allah tidak mempunyai kuasa untuk memberi mudarat kepada dirinya mahupun orang lain.⁸⁴

- **al-Syathi.**

Dia menafikan perbuatan *beristighosah* kepada selain Allah itu merupakan perbuatan syirik sebagaimana ketetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*. Tatkala menyatakan ketetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*, dia berkata seperti berikut:

Mereka menyatakan bahawa sesiapa yang

⁸⁴ Sila lihat *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 274.

beristighosah kepada Nabi (setelah wafatnya - penterjemah) atau kepada selainya bagi memperolehi sesuatu hajat, atau menuntut sesuatu darinya bagi menunaikan sesuatu tuntutan walaupun dengan perkataan menerusi engkau wahai Rasulullah atau meyakini dengan menjadikan seorang Nabi atau wali sebagai perantaraan antaranya dengan Allah bagi menunaikan hajat-hajat maka sesiapa yang melakukan demikian maka dia seorang musyrik yang halal harta serta darahnya.⁸⁵

- **Muhammad 'Alawi al-Maliki.**

Dalam komentarnya terhadap isu ini turut mendakwa seperti berikut:

Secara realiti, tidaklah kafir golongan yang *beristighosah* kecuali jika ia meyakini bahawa selain Allah itu sebagai pencipta.⁸⁶

Kesimpulan dari perbincangan di atas, ternyata para penentang telah mengecilkan skop kefahaman mereka terhadap hakikat tauhid. Ini terbukti di mana mereka menjadikan tauhid *Rububiyah* sebagai matlamat. Hanya ia yang diwajibkan ke atas setiap muslim. Mereka

⁸⁵ Sila lihat *al-Nuqul al-Syari'ah*, hlm. 101.

⁸⁶ *Mafahim Yajibu 'an Tasihha*, cetakan pertama, Dar al-Insan, Kaherah, 1405H, hlm. 15.

juga turut mengecilkan gambaran hakikat perbuatan syirik yang secara realiti menghancurkan hakikat tauhid. Ini terjadi apabila mereka memperjelaskan perkara syirik hanya dari sudut *Rububiyah* sahaja seperti meyakini bahawa makhluk dapat memberi kesan atau selain Allah mempunyai kuasa untuk memberi manfaat serta menolak mudarat.

Adapun para ulama' pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* serta para pengikutnya, mereka memberikan gambaran serta kefahaman yang tepat serta sempurna terhadap hakikat tauhid serta syirik. Sehubungan ini kami akan mengemukakan skop serta jenis perbuatan yang dikategorikan sebagai syirik besar sebagaimana ketetapan para ulama' pergerakan dakwah ini. Ia seperti berikut:

Pertama:

Seorang hamba wajib berlepas diri dari segala jenis peribadatan yang dilakukan kepada selain Allah. Selain itu, dia wajib berpegang teguh serta tidak berganjak dari amalan yang ditetapkan hukum syari'at dan meninggalkan segala bentuk perbuatan syirik serta kekufuran.⁸⁷

Sebagai suatu contoh, dalam perkara yang membabitkan perintah Allah terhadap sembelihan. Sudah

⁸⁷ *al-Qawl al-Sadid fi Maqasid al-Tauhid*, Maktabah al-Riyadh, hlm. 43

semestinya ia dilakukan dengan ikhlas kepada-Nya serta mengharapkan keredhaan-Nya sahaja. Ini sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an dalam perkara yang berkait dengan mengerjakan solat. Dalam hal ini Allah menggabungkan soal penyembelihan beserta solat dalam beberapa tempat di dalam al-Qur'an. Oleh yang demikian, apabila sembelihan kepada Allah termasuk di dalam jenis peribadatan serta sebesar-besar ketaatan kepada Allah, maka sembelihan kepada selain-Nya dikategorikan sebagai syirik besar yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam.⁸⁸

Kedua:

Demikian juga dalam perkara bernazar sebagai suatu ibadat. Di mana Allah memuji golongan yang menyempurnakan nazarnya. Allah juga memerintahkan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk melaksanakan nazar sebagai suatu bentuk ketaatan kepada-Nya. Selain itu, Allah juga memerintahkan *beristighosah* hanya kepada-Nya dalam segenap kepayahan serta kesusahan. Dengan itu perlaksanaannya secara betul dan ikhlas hanya kepada-Nya merupakan perkara iman serta tauhid, manakala menyalahinya dengan melakukan kepada selain Allah merupakan perbuatan syirik lagi dikutuk.⁸⁹

⁸⁸ *al-Qawl al-Sadid fi Maqasid al-Tauhid*, hlm. 42, secara ringkas.

⁸⁹ *al-Qawl al-Sadid fi Maqasid al-Tauhid*, hlm. 47-48.

Ketiga:

Merujuk kepada kenyataan para penentang bahawa golongan musyrikin arab meyakini sembahhan berhala mereka dapat memberikan kemanfaatan serta kemudharatan, maka al-Qur'an sendiri menjawab dakwaan yang tidak benar ini. Di sini cukuplah kami mengemukakan beberapa ayat al-Qur'an sebagai penjelasan terhadapnya. Ia seperti berikut:

Tanyakanlah: "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?"

Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?"

Tanyakanlah lagi: "Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh, dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?"

Mereka akan menjawab: "(Semuanya) kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?"

Tanyakanlah lagi: "Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta ia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada

sesuatupun yang dapat disembunyi daripada kekuasaannya? (Jawablah) jika kamu mengetahui!"

Mereka akan menjawab: "(Segala-galanya) dikuasai Allah". Katakanlah: "Jika demikian, bagaimana kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?" [al-Mu'minin 23:84-89]

Apa yang penting di sini, golongan yang diperangi Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* meyakini bahawa hanya Allah sahaja yang dapat memberi mudarat serta manfaat. Mereka meyakini secara hakiki bahawa sembahen mereka sama ada patung, berhala mahu pun para individu yang dianggap sebagai wali tidak dapat mencipta sesuatu mahu pun memberi manfaat atau mudarat.

Dengan ini jelaslah kebatilan golongan jahil yang terdiri dari para pencinta kubur menerusi sembelihan, nazar serta *istoghisah* kepada para wali yang sudah mati. Mereka menyangka diri mereka tetap seorang muslim sejati disebabkan keyakinan mereka bahawa secara hakiki Allah sahaja yang melakukan segala-galanya atau memberi bekas. Maka samalah keyakinan mereka dengan golongan musyrikin arab tersebut.⁹⁰

⁹⁰ Bagi memahami persoalan ini secara detail sila lihat hasil karya al-Syeikh al-Imam di dalam risalahnya yang amat bermanfaat bertajuk *Kasyf al-Syubhat*. Sila lihat juga karya Dr. Salih 'Abud bertajuk *'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, Jil. 2, hlm. 591-602.

Kesimpulannya, perbuatan memohon kepada selain Allah serta *beristighosah* kepada selain-Nya, sembelihan serta bernazar kepada selain-Nya merupakan jenis perbuatan yang termasuk ke dalam kategori syirik besar yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam.

Seterusnya kami nyatakan pula sebahagian hasil penulisan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* bagi membantah serta menjawab kekeliruan para penentang.

Jawapan Para Pemimpin Dakwah *al-Salafiyyah*

Pertama: al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd al-Wahhab.

Ketika menjawab kekeliruan Ibn Sahim yang menyangka bahawa perbuatan bernazar kepada selain Allah, walaupun ianya perbuatan haram menurut persepakatan alim ulama', namun beliau mengira ia masih tidak dianggap perbuatan syirik, mengulas dengan kukuhnya seperti berikut:

Adapun pendapat engkau kononnya berdasarkan kenyataan mereka bahawa bernazar kepada selain Allah adalah haram menurut *ijma'* namun bukan perbuatan syirik, jika ini sahaja kemampuan akal engkau dalam memahami perkara ini, maka bagaimana engkau

mendakwa ianya suatu makrifat? Tiada bergunanya engkau! Bagaimana engkau boleh salah dalam memahami ayat al-Qur'an seperti berikut:

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa". [al-An'aam 6:151]

Persoalan disini, adakah ayat ini menunjukkan perbuatan mensyirikkan Allah itu setakat haram sahaja tetapi tidak kufur? Wahai si jahil yang bersusun-susun kejahilannya! Sila perhatikan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berikut:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi..."

Hingga kepada firman-Nya:

...dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya. [al-A'raaf 7:33]

Berdasarkan ayat ini, adakah perbuatan mensyirikkan Allah itu setakat haram hukumnya tetapi tidak kufur kepada pelakunya? Melalui kitab mana engkau dapati apabila dikatakan haram terhadap perbuatan mensyirikkan Allah, maka ia setakat haram sahaja namun tidak kufur terhadap pelakunya?

Engkau mendakwa engkau mengambil dari pendapat golongan berilmu, padahal engkau telah mendustai mereka. Ini kerana apabila dikatakan haram melakukan perbuatan mensyirikkan Allah, maka pengharamannya bukan setakat haram sahaja tetapi haram yang membawa kepada kekufuran.

Sekiranya engkau memerlukan kepada bukti lain, maka sila pelajari apa yang termaktub di dalam kitab *'Iqna'*, di mana menerusinya jelas menyatakan bahawa bernazar itu suatu ibadat, dan diketahui juga bahawa kalimah *Lailahailallah* maknanya tiada yang disembah melainkan Allah. Oleh itu jika bernazar itu suatu ibadah, maka bagaimana boleh dikatakan ia tidak dikategorikan sebagai perbuatan syirik jika dilakukan kepada selain Allah?⁹¹

al-Syeikh al-Imam seterusnya mengemukakan suatu kaedah penting dalam jawapannya terhadap individu yang mendakwa bahawa penyembelihan yang dilakukan kepada jin walaupun ia ditegah kerana perbuatan maksiat, namun tidak sampai kepada mengeluarkan seseorang itu dari Islam (murtad). Ia seperti berikut:

Adapun kenyataannya, penyembelihan untuk jin itu ditegah. Maka ketahuilah suatu kaedah yang tidak diberikan perhatian penduduk di zaman engkau. Ia berkait dengan lafaz "*al-Tahrim*" (pengharaman), lafaz

⁹¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 229.

"*al-Karahah*" (dibenci) serta perkataan "*La Yanbagi*" (tidak layak/tidak harus).

Lafaz-lafaz umum ini turut digunakan dalam mengkufurkan perbuatan disamping penggunaannya yang tidak bermaksud demikian. Iaitu pengharaman namun tidak pula kufur, ataupun kebencian namun tidak dikategorikan sebagai haram.

Satu contoh di mana penggunaan lafaz-lafaz ini membawa maksud kufur ialah kenyataan para ulama' seperti berikut: Tiada Tuhan yang seharusnya diserahkan jenis peribadatan melainkan Dia, ataupun firman Allah yang berbunyi begini:

Padahal tiadalah layak bagi (Allah) Ar-Rahman, bahawa Dia mempunyai anak. [Maryam 19, 92]

Adapun kata-kata pengharaman yang membawa kepada syirik adalah firman Allah yang berbunyi:

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa". [al-An'aam 6:151]

Sehubungan ini, semestinya diberikan perhatian bahawa apabila para ulama' mengatakan "diharamkan sesuatu" ia tidak dibataskan penggunaannya (setakat haram biasa sahaja - penterjemah) apabila apa yang

mereka maksudkan itu merujuk kepada perkara kekufuran.

Adapun perkataan "dibenci" yang membawa kepada syirik ialah firman Allah yang berbunyi:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata...[al-Isra 17:23]

Hingga kepada ayat:

Tiap-tiap satu perintah itu, menyalahinya adalah kejahatan yang dibenci di sisi Tuhanmu. [al-Isra' 17:23]

Adapun perkataan Imam Ahmad "aku benci perkara sekian..sekian" maka di sisi para sahabat beliau, kata-kata Imam Ahmad itu bermaksud "pengharaman". Jika engkau memahami perkara ini, maka jelas kepadamu bahawa apabila para ulama' mengatakan penyembelihan kepada selain Allah itu haram walau dibacakan *Bismillah* ke atasnya, maka ia turut bermaksud bahawa penyembelihan kepada jin itu boleh membawa kepada murtad yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam.⁹²

⁹²

Majmu'ah Muallafat al-Syeikh, Jil. 3, hlm. 66.

Kedua: al-Syeikh Hamad bin Nasir bin Mu'ammr.

Tatkala menyatakan hukum beristighosah kepada selain Allah, beliau berkata:

Kami mengetahui sesuatu yang amat penting untuk diketahui sekalian umat Islam. Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* tidak mensyariatkan kepada umatnya untuk bermohon kepada orang yang sudah mati sama ada kalangan para *anbiya'* mahu pun *solihin*, sama ada menerusi lafaz *istigoshah* mahu pun lafaz apa jua yang lain.

Perbuatan ini ditegah dalam setiap perkara serta termasuk ke dalam kategori syirik besar yang diharamkan Allah serta Rasul-Nya. Sehubungan ini, Allah berfirman yang berbunyi:

Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah. [al-Jin 72:18]

Maka janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, akibatnya engkau akan menjadi dari golongan yang dikenakan azab seksa. [al-Syu'ara 26:213]

Beliau menambah:

Sesiapa yang memohon kepada para *anbiya'*, *solihin*, atau kepada malaikat dan jin, maka dia bermohon

kepada sesiapa yang tidak mampu menolongnya serta tidak memiliki kemampuan untuk mendatangkan manfaat atau menolak mudarat daripadanya.⁹³

Beliau turut memberi komentar terhadap para penentang yang mengharuskan memohon kepada selain Allah dengan mengira ia bukan sesuatu yang membawa kepada kekufuran. Ia seperti berikut:

Ketahuilah! Bermohon kepada selain Allah terbahagi kepada dua jenis. Yang pertama bermohon kepada orang yang hidup serta hadir di hadapan pemohon dalam perkara yang mampu dilakukannya, maka ini permohonan yang diharuskan. Ini terbukti di mana para sahabat *radiyallahu 'anhum* pernah memohon pertolongan kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ketika hayat baginda lalu baginda memberikan pertolongan.

Jenis kedua, bermohon kepada orang yang sudah mati atau yang tidak hadir di sisi pemohon serta selain keduanya dalam perkara yang ia tidak mampu menunaikannya melainkan Allah jua. Ini seperti menunaikan hajat-hajat serta menghilangkan kesedihan serta keluh kesah. Ia termasuk kategori yang diharamkan menurut persepakatan kaum muslimin. Ini kerana ia tidak termasuk ke dalam perbuatan agama Islam.⁹⁴

⁹³ *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 54.

⁹⁴ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 592.

Beliau menambah:

Adapun pendapat yang mengatakan tiadanya dalil yang kuat bagi mengkufurkan sesiapa yang bermohon kepada selain Allah maka ia merupakan kenyataan batil. Banyak keterangan sahih yang mengkufurkan sesiapa yang bermohon kepada selain Allah serta sesiapa yang menyeru selain Allah serta redha dan bertawakal kepadanya sebagaimana ia lakukannya terhadap Allah dalam seluruh kehidupannya. Allah berfirman:

Dalam pada itu orang-orang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan tuhan mereka. [al-An'aam 6:01]⁹⁵

Ketiga: Pengarang kitab *al-Tawdhih*.

Beliau memperjelaskan kekeliruan para penentang dalam memahami persoalan bernazar kepada selain Allah. Beliau memperincikan perbezaan antara bernazar yang dikategorikan sebagai maksiat dengan bernazar kepada selain Allah (boleh membawa murtad – penterjemah). Ia seperti berikut:

Bernazar yang tidak harus terbahagi kepada dua bahagian: Bernazar yang dikategorikan sebagai perbuatan maksiat. Ia seperti bernazar untuk minum arak, membunuh orang yang tidak berdosa serta

⁹⁵ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 602.

bernazar untuk berpuasa pada hari raya. Maka haram hukumnya melaksanakan nazar seperti ini. Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda yang bermaksud: "*Barangsiapa yang bernazar untuk bermaksiat kepada Allah maka jangan melakukannya*".⁹⁶

Kedua ialah bernazar kepada selain Allah. Ia seumpama bernazar kepada Nabi Ibrahim *'alayh al-salam* atau Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*, atau Ibn 'Abbas, atau 'Abd. al-Qadir al-Jailani ataupun Khidir. Tidak ada khilaf di kalangan ulama' bahawa sesiapa yang bergantung kepadanya maka dia termasuk ke dalam perbuatan syirik dari sudut pegangan (iktikad).

Ini kerana si penazar tidak melakukan nazar jenis kedua ini kepada selain Allah melainkan diyakininya bahawa individu tersebut dapat memberikan manfaat serta menolak mudarat. Dengan itu dia dengan penuh kesungguhan akan berpaut diri kepadanya. Ini sama ada bagi memperolehi kebaikan, keberkatan, melindungi kejahatan, mengatasi kesusahan dan sebagainya lagi.

Sehubungan ini, golongan yang melakukannya akan bernazar kepada sekian...sekian.. yang menghuni kubur di kalangan para *anbiya'* serta syeikh wali di gua sekian..sekian.... dan di bawah lindungan pokok sekian..sekian bagi menunaikan hajat-hajat. Di sisi mereka, bernazar ini merupakan penyebab bagi

⁹⁶ Dipetik dari *Sahih al-Bukhari*.

penghasilan apa yang dihajati.

Apa yang penting di sini, golongan *Salaf al-Salih* mengetahui bahawa nazar jenis inilah yang dilakukan golongan musyrikin terhadap sembah mereka. Ini sebagaimana firman Allah:

*Lalu mereka berkata: "Ini untuk Allah - menurut anggapan mereka - dan ini untuk berhala-berhala kami". (al-An'aam 6:136)*⁹⁷

Keempat: al-Syeikh 'Abd. Allah Abu Buthayn.

Tatkala menjawab kekeliruan para pencinta kubur yang mendakwa bahawa permohonan mereka kepada golongan yang sudah mati hanya kiasan sahaja, di mana secara hakikat ia merujuk kepada perbuatan Allah, beliau berkata:

Adapun kenyataan bahawa permohonan kepada orang yang sudah mati bagi menunaikan pelbagai hajat yang diinginkan hanya sebagai kiasan sahaja, manakala Allah secara hakiki yang melakukannya, maka secara realiti ini juga kenyataan golongan musyrikin:

Dan mereka berkata: "Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". [Yunus 10:18]

⁹⁷ *al-Tawdhiih 'an Tauhid al-Khallaq*, hlm. 382-383, secara ringkas.

Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya. [al-Zumar 39:03]

Golongan musyrikin menggunakan perantara dengan mendakwa ia dapat memberikan pertolongan kepada mereka di sisi Allah bagi menunaikan pelbagai hajat. Sehubungan ini Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah berkata:

"Sesiapa yang menjadikan antaranya dengan Allah suatu perantara yang mana mereka menyeru kepadanya serta bertawakal kepadanya maka dia kufur menurut *ijma*".⁹⁸

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Beliau turut menetapkan beberapa jenis peribadatan selain kepada Allah yang dikategorikan sebagai syirik. Ini berdasarkan ketetapan para tokoh ulama. Beliau mengulas:

Adapun mengkafirkan sesiapa yang mengharuskan doa kepada selain Allah, bertawakal kepada selain-Nya, mengambil perantara antara para hamba dengan Allah bagi menunaikan hajat-hajat, menghilangkan kesedihan, kesusahan dan selainnya yang

⁹⁸ *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 8, hlm. 237.

termasuk ke dalam jenis-jenis ibadat, maka terlalu ramai di kalangan para tokoh ulama' yang mengkafirkan perbuatan tersebut.

Sehubungan ini, kami mengikuti ketetapan mereka di mana kami tidak mengkafirkan seorang pun kecuali sesiapa yang kafir di sisi Allah serta Rasul-Nya. Antaranya ialah sesiapa yang mensyirikkan Allah dengan menyamakan antara-Nya dengan sesuatu yang lain atau membuang sifat-sifat kesempurnaan-Nya atau mendakwa roh syeikh sekian..sekian atau orang salih sekian..sekian mempunyai kuasa mentadbir di samping Allah.⁹⁹

Keenam: al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi.

Beliau turut memperjelaskan keadaan para penazar yang secara realiti meyakini kepada orang yang dinazar itu, terutama para wali, mempunyai keupayaan untuk memberi manfaat serta menolak mudarat. Ia seperti berikut:

Antara bukti keyakinan mereka sebegini ialah kata-kata mereka: "Kami ditimpa kesusahan, lalu kami bernazar kepada sekian...sekian lalu hilanglah kesusahan kami". Sebahagian yang lain berkata: "Ombak memukul kami di lautan, lalu kami menyeru kepada tuan syeikh sekian..sekian serta bernazar kepadanya sekian..sekian,

⁹⁹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 3, hlm. 221.

lalu selamatlah bahtera kami”.

Selain itu jika dikatakan kepada si penazar”
”Penuhilah nazar engkau! Jika tidak tuan syeikh
sekian..sekian akan bertindak ke atas kamu!” Maka
dengan bersegera dia memenuhi nazarnya walau pun
terpaksa berhutang atau mungkin terpaksa mati kerana
berhutang. Ini semuanya kerana takut kepada orang yang
dinazarnya itu serta mengharapkan keredhaannya.

Tidaklah dia melakukan demikian melainkan
disebabkan buruknya pegangan (akidah)nya, sedikit sifat
keagamaan serta rosak akhlaknya. Apabila dikritik
tindakannya, dia akan berkata: ”Tujuanku hanyalah
supaya mereka menolongku”.

Demi Allah! Sebenarnya tidak terlintas
pertolongan di dalam hati sanubarinya, melainkan kerana
keyakinan bahawa orang yang dinazarnya itu dapat
memenuhi hajat-hajat yang dikehendakinya.¹⁰⁰

Tatkala menetapkan bahawa sembelihan kepada
selain Allah merupakan perbuatan syirik besar yang dapat
mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam, tuan syeikh
ini berkata:

Dengan itu jelaslah kepadamu, sesiapa yang
mendekati kepada selain Allah sebagai suatu pendekatan
bagi menolak bahaya atau menuntut kebaikan serta

¹⁰⁰ *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 418.

mengagung-agungkannya maka ia termasuk ke dalam kufur iktikad serta perbuatan syirik sebagaimana yang dilakukan golongan terdahulu.¹⁰¹

Ketujuh: Kitab *Bayan al-Mufid*.

Kitab ini menerangkan kesepakatan para ulama' Najd dan Mekah bahawa:

Kami meyakini bahawa beribadat kepada selain Allah adalah syirik besar, bermohon kepada selain Allah di kalangan orang yang sudah mati atau ghaib serta mencintainya sebagaimana mencintai Allah, takut kepadanya, serta berharap kepadanya adalah syirik besar.

Begitu juga bermohon kepadanya dengan menjadikannya suatu ibadah serta bermohon kepadanya ketika menghadapi kesusahan serta bagi menaikkan martabat diri juga syirik besar.

Ketahui bahawa doa adalah otak bagi ibadah. Selain itu meyakini sesuatu (selain Allah - penterjemah) mempunyai kekuasaan di luar kemampuan kekuasaan makhluk juga syirik besar. Begitu juga mengagung-agungkan selain Allah sebagai penolong dalam perkara yang tidak mampu dilakukan kecuali Allah, umpama memohon bantuan ketenteraan tanpa kekuatan

¹⁰¹ *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 421.

ketenteraan atau memohon bantuan untuk kebahagiaan di dunia serta di akhirat tidak menerusi jalan-jalan yang diperintahkan Allah kepada kita, maka jadilah pelakunya seorang musyrik kerana melakukan perbuatan syirik besar.¹⁰²

Akhir sekali, kami nyatakan di sini bahawa segala ketetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* serta para pendokongnya dalam permasalahan yang merosakkan Islam, jenis-jenis kekufuran yang mengakibatkan para pelakunya terkeluar dari agama Islam bukanlah merupakan ketetapan berasaskan hawa nafsu tetapi hanya dengan mengikuti dalil al-Qur'an, al-Sunnah yang sahih, kenyataan para sahabat *radhiyallahu 'anhum*, para tabi'in serta tokoh-tokoh di kalangan ulama' empat madzhab.¹⁰³

¹⁰² *al-Bayan al-Mufid Fima Ittifaq 'alayh ulama' Makkah wa Najd min 'Aqid al-Tauhid*, hlm. 6.

¹⁰³ *Mufid al-Mustafid (Majmu'ah Mu'allafat al-Syeikh)*, Jil. 5, hlm. 304-305.

Sila lihat hasil karya al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab di dalam risalahnya yang amat bermanfaat bertajuk *al-Kalimah al-Nafi'ah fi al-Mukaffarat al-Waqi'ati (Majmu'ah al-Tauhid)*.

Perbahasan Keempat:

Kekeliruan Bahawa al-Syeikh al-Imam Menyalahi Imam Ibn Taymiyyah Serta Imam Ibn al-Qayyim Dalam Perkara Yang Membabitkan Kekufuran. Diikuti Jawapan Serta Bantahan Terhadapnya.

Sebahagian para penentang dakwah *al-Salafiyyah* menyangka bahawa ketetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* terhadap beberapa perkara kekufuran yang dikategorikan sebagai syirik besar umpama menyembelih kepada selain Allah, bernazar kepada selain Allah serta selainnya yang termasuk ke dalam jenis peribadatan kepada selain Allah menyalahi ketetapan dua ulama besar Islam iaitu Imam Ibn Taymiyyah serta anak muridnya Imam Ibn al-Qayyim. Para penentang mendakwa kedua tokoh ulama' ini tidak memasukkan persoalan sembelihan kepada selain Allah, bernazar kepada selain Allah serta ber*istigoshah* kepada selain Allah sebagai perbuatan syirik besar yang mengeluarkan pelakunya dari agama Islam.

Dalam hal ini, para penentang cuba bergantung kepada teks atau kenyataan yang dinisbahkan kepada Imam Ibn Taymiyyah serta Imam Ibn al-Qayyim. Ini berdasarkan kefahaman mereka terhadapnya bagi menegakkan pendirian serta kefahaman buruk mereka. Matlamat yang para penentang inginkan darinya ialah bagi

merealisasikan dakwaan mereka bahawa al-Syeikh al-Imam bukan sahaja menyalahi pendirian keseluruhan kaum muslimin beserta para ulama' lainnya bahkan menyalahi pendirian Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim.

Namun dalam kegagalan usaha yang mereka lakukan ini mereka bukan sahaja tidak memahaminya dalam konteks yang sebenar bahkan turut mengubah serta menukar kandungan teks kedua tokoh tersebut dari yang asal. Ini sebagaimana yang akan dikemukakan nanti.

Sebelum ini marilah kita perhatikan kenyataan para penentang dalam permasalahan ini:

- **Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.**

Dia berkata:

Menurut Ibn Taymiyyah, bernazar kepada kubur, atau penghuni kubur seumpama bernazar kepada Nabi Ibrahim *'alayh al-salam*, atau syeikh sekian..sekian merupakan nazar maksiat yang tidak harus ditunaikan. Ada pun jika ia disedekahkan kepada golongan yang berhak di kalangan fakir miskin atau orang yang salih maka ia suatu kebaikan di sisi Allah serta bermanfaat.

Selanjutnya dia mengulas:

Persoalan di sini, sekiranya orang yang bernazar itu kafir di sisi Ibn Taymiyyah, sudah tentu dia tidak akan mengarahkannya untuk bersedekah. Ini kerana

sedekah tidak diterima dari orang kafir. Maka sudah tentu dia akan mengarahkan orang yang bernazar tersebut supaya memperbaharui Islamnya semula serta mengatakan kepadanya: "Kamu sudah terkeluar dari Islam disebabkan nazar kamu kepada selain Allah".

Dia berkata lagi:

Kata Ibn Taymiyyah, sesiapa yang bernazar untuk menerangi telaga, tanah perkuburan, bukit bukau atau pokok maka tidak harus ditunaikan. Maka hendaklah dibelanjakannya untuk kepentingan umum.

Selanjutnya dia mengulas:

Ternyata di sini sekiranya orang yang bernazar itu kafir, dia tidak akan mengarahkannya untuk membelanjakan nazarnya untuk kepentingan umum. Sebaliknya dia akan memerintahkan orang yang bernazar itu supaya dihukum bunuh.

Dia berkata lagi:

Demikian juga Ibn al-Qayyim, di mana beliau menyebutkan bahawa bernazar kepada selain Allah di dalam bab syirik kecil sahaja. Ini sebagaimana termaktub di dalam kitab *al-Madarijnya*. Dia bersumberkan kepada hadith Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* yang bermaksud: "**Nazar itu suatu sumpah**".¹⁰⁴

¹⁰⁴ Ibn al-Qayyim menyebutkan hadith ini di dalam kitab *Madarij al-Salikin*. Ia bersumberkan dari *al-Sunan* menerusi hadith yang diriwayatkan

Ibn al-Qayyim juga menyatakan beberapa perkara lain yang dikategorikannya sebagai syirik serta kufur namun diletakkannya di dalam bab syirik serta kufur kecil sahaja. Adapun terhadap sembelihan kepada selain Allah, beliau menyebutkannya di dalam perkara yang diharamkan namun tidak dikufurkannya kecuali sembelihan kepada berhala atau matahari dan bulan.

Sehubungan ini Ibn Taymiyyah juga meletakkannya di dalam perkara yang diharamkan serta dikutuk para pelakunya. Kata Ibn Taymiyyah: "Ia sebagaimana perbuatan golongan jahiliyyah Mekah yang melakukan sembelihan kepada Jin. Oleh sebab itu Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* melarang sembelihan kepada jin". Di sini Ibn Taymiyyah tidak pula menyatakan bahawa sesiapa yang melakukan sembelihan selain kepada Allah maka dia kafir atau sesiapa yang tidak mengkafirkannya maka dia juga kafir, sebagaimana yang kamu lakukan.¹⁰⁵

- **Dawud bin Jurjis.**

Dia turut memutarbelit, menyalahguna serta mengubah kenyataan Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim. Ini dilakukannya demi mengharuskan sebahagian dari jenis

oleh 'Uqbah bin 'Amir. Sila lihat *Madarij al-Salikin*, Jil. 1, hlm. 345.

¹⁰⁵ *al-Sowa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 8-9.

perbuatan yang mensyirikkan Allah. Ini terserlah menerusi kitabnya yang bertajuk *Sulh al-Ikhwan min ahl al-Iman wa Bayan al-Din al-Qayyim fi Tabri'ah Ibn Taymiyyah wa Ibn al-Qayyim*.

Di sini kami menukil sebahagian kenyataannya yang dia petik dari tulisan dua orang syeikh ini demi mengharuskan permohonan kepada orang yang sudah mati serta beristigoshah kepada mereka. Ia seperti berikut.

Berkata Dawud bin Jurjis:

Ibn Taymiyyah berkata di dalam kitabnya *al-Furqon*, kami dapati ramai yang meyakini seseorang itu sebagai wali yang dikurniakan *kasyaf*, atau sebahagian dari perkara yang menyalahi adat (*al-Khariqah lil 'adat*), atau sebahagian mereka beristigoshah kepadanya ketika dia tidak hadir di sisi namun tiba-tiba dia muncul di hadapan mereka bagi menunaikan hajat-hajat, atau dia memberitahu mereka barang yang hilang, atau perkara ghaib atau seseorang yang sakit.

Namun perkara-perkara ini tidak membuktikan bahawa individu yang memilikinya adalah seorang wali Allah. Bahkan para wali sendiri bersepakat bahawa seseorang itu walaupun dia dapat terbang di udara, atau mampu berjalan di atas air, janganlah tertipu dengannya melainkan dilihat kepada keperibadiannya sama ada ikutannya bersesuaian dengan apa yang dibawa oleh

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta bersesuaian dengan perintah serta tegahan baginda. Dalam konteks ini, karamah para wali lebih agung dari perkara ini.

Selanjutnya dia mengulas:

Lihatlah kepada kenyataan dia terutama: "atau sebahagian mereka ber*istigoshah* kepadanya ketika dia tidak hadir di sisi namun tiba-tiba dia muncul di hadapan mereka bagi menunaikan hajat-hajat", ini menunjukkan bahawa dia (Ibn Taymiyyah) mengakui bahawa perkara luar biasa ini terjadi di atas jalan *karamah*. Ia berdasarkan kepada kewalian yang dimiliki seseorang itu. Namun orang yang menjadi tempat untuk dipohon itu mestilah cara hidupnya bersesuaian dengan apa yang dibawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta bersesuaian dengan perintah serta tegahan baginda.

Ibn Jurjis menambah:

Jelas di sini bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*, para sahabat, tabi'in serta para wali mengharuskan keyakinan bahawa mereka telah diberi ruang untuk melakukan *istigoshah* kepada mereka sama ada ketika mereka hadir atau setelah meninggal dunia. Ini dilakukan menerusi jalan *karamah* yang wajib diyakini kewujudannya sepertimana kenyataan Ibn Taymiyyah menerusi kitabnya "*al-Tuhfah al-Iraqiyyah*".

Sehubungan ini, sudah termaklum bahawa karamah tidak dibina dari tingkahlaku yang diharamkan.

Oleh yang demikian, jika ber*istigoshah* itu haram hukumnya, mengapa pula Ibn Taymiyyah mengkategorikannya sebagai perkara *karamah*? Sudah tentu beliau akan meletakkannya di bawah perkara *istidraj*.¹⁰⁶

Dawud bin Jurjis seterusnya merujuk kenyataan Ibn al-Qayyim bagi mempertahankan kesesatannya. Ia berdasarkan kitab tuan syeikh ini yang bertajuk *al-Kabair*. Menerusinya, Ibn Jurjis mengemukakan suatu cerita seperti berikut:

Suatu ketika, seorang *Rafidhi* menolak untuk membeli seguni tepung yang dijual oleh seorang lelaki *Sunni* sehinggalah dia melaknat Abu Bakr dan 'Umar *radiyallahu 'anhuma*. Si *Rafidhi* ini berulang kali mendesak lelaki *Sunni* ini supaya melakukannya sehingga berkata lelaki *Sunni* kepadanya: "Allah melaknati sesiapa yang melaknati Abu Bakr dan 'Umar *radiyallahu 'anhuma*".

Mendengar hal ini, si *Rafidhi* lalu menampar muka lelaki *Sunni* tersebut sehingga rosak matanya. Lelaki ini beserta rakannya lantas menziarahi maqam Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* di masjid Nabawi lalu berkata: "Wahai Rasulullah, kami mendatangi tuan dalam keadaan dizalimi. Maka tidaklah sampai subuh keesokan harinya, melainkan sembuh seperti sediakala mata lelaki tersebut".

¹⁰⁶ Dipetik dari *Minhaj al-Ta'asis*, hlm. 157.

Komen Ibn Jurjis:

Lihatlah bagaimana cerita ini boleh dikemukakan oleh individu seperti Ibn al-Qayyim. Tidakkah ini menunjukkan bahawa *beristigoshah* kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* itu tidak mengapa serta tidak diingkari?¹⁰⁷

Sehubungan ini, Imam al-Alusi turut mengemukakan kenyataan Ibn Jurjis menerusi kitabnya *Fath al-Manan*. Ia merujuk kepada sumber ambilan secara putarbelit Ibn Jurjis dari kenyataan Ibn Taymiyyah menerusi kitabnya *al-Kalim al-Tayyib* serta kenyataan Ibn al-Qayyim menerusi kitabnya *al-Wabil al-Sayyib* yang berasaskan kepada kenyataan Ibn 'Umar serta Ibn 'Abbas *radiyallahu 'anhum*. Ia seperti berikut:

Sekiranya seseorang itu merasa kebas dikakinya, maka hendaklah ia menyeru: "Wahai Muhammad!", nescaya hilanglah kebas di kakinya.

Komen Ibn Jurjis:

Kenyataan ini merupakan suatu pendidikan yang berbentuk peringatan kepada kaum muslimin. Sekiranya menyeru kepada seseorang yang ghaib itu suatu perbuatan syirik, maka Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim dan selain keduanya di kalangan ulama', bahkan kedua para sahabat tersebut telah mengajar manusia

¹⁰⁷ *Minhaj al-Ta'asis*, hlm. 179, secara ringkas.

melakukan perkara syirik, *wal'iyazubillah!*¹⁰⁸

- **Ibn al-Mansur.**

Dia mengikuti jejak langkah Ibn Jurjis dalam memutarbelitkan kenyataan Ibn Taymiyyah pada kedudukan yang sebenar. Ini bagi mempromosikan hawa nafsu serta kesesatannya. Dia berkata:

Ibn Taymiyyah apabila selesai menyatakan jenis peribadatan yang dilakukan kerana Allah, turut mengatakan seperti berikut: "Namun disebabkan menguasainya kejahilan serta sedikitnya ilmu pengetahuan terhadap al-Qur'an serta al-Sunnah, maka tidak mungkin dapat dikufurkan sehingga jelas kepada mereka apa yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* yang secara realiti mereka menyalahinya.

Ibn Mansur mengulas: "Ini sememangnya kenyataan Ibn Taymiyyah".¹⁰⁹

Demikian beberapa kenyataan para penentang serta kefahaman mereka bahawa sembelihan serta bernazar kepada selain Allah dan *beristigoshah* kepada

¹⁰⁸ *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 375.

¹⁰⁹ Dipetik dari *Misbah al-Zullam fi al-Radd 'ala man Kadzaba 'ala al-Syeikh al-Imam*, hlm. 323.

orang yang sudah mati bukan merupakan perkara yang dapat mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Seterusnya kami akan nyatakan pula ketetapan para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyah*. Ia berperanan bagi memperjelaskan kedudukan sebenar serta menghilangkan segala kesamaran yang ditimbulkan para penentang.

Jawapan Para Pemimpin Serta Pendokong Dakwah al-Salafiyah

Pertama: al-Syeikh al-Imam.

Beliau mengemukakan isi kandungan teks Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah. Jelas menerusinya, ketetapan Syeikh al-Islam bahawa sembelihan kepada selain Allah merupakan perbuatan syirik besar yang mengeluarkan pelakunya dari agama Islam. Selain itu, Syeikh al-Islam turut mengkufurkan secara spesifik/pasti sekiranya sembelihan itu dilakukan bukan kepada Allah. Berkata al-Syeikh al-Imam:

Ibn Taymiyyah *rahimahullah* menyebutkan di dalam kitabnya *Iqtido' al-Sirot al-Mustaqim* ketika mentafsirkan firman Allah yang berbunyi seperti berikut:

Dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah. [al-Maidah 5:03]

"Ternyata di sini bahawa sembelihan kepada selain Allah sama ada dengan menyebut kalimah *bismillah* ataupun tidak, maka pengharaman ke atasnya lebih nyata dari pengharaman terhadap sembelihan seorang kristian (yang bukan *ahl-kitab* asal - penterjemah) yang turut menyebut nama Allah ke atasnya.

Begitu juga sembelihan kita bagi mendekati

diri kita kepada Allah menerusi sembelihan tersebut lebih baik dari sembelihan kita sekadar untuk memakan dagingnya menerusi penyebutan nama Allah. Begitu juga beribadat kepada Allah dengan menunaikan solat kepada-Nya serta menuruti jalan-Nya lebih mulia kedudukannya dari *beristi'annah* (memohon bantuan Allah di waktu susah atau senang - penterjemah).

Oleh yang demikian beribadat kepada selain Allah lebih besar kufurnya daripada *beristianah* kepada selain-Nya. Dan sembelihan kepada selain Allah haram hukumnya walaupun disebut kalimah *bismillah* ke atasnya sebagaimana perbuatan segolongan kaum munafik di kalangan umat ini, di mana golongan yang sebenarnya telah murtad ini, berterusan melaksanakan sembelihan yang dilarang. Apa yang mereka lakukan ini menyamai perbuatan yang dilakukan di Mekah (di zaman jahiliyyah - penterjemah) serta selainnya dengan melakukan sembelihan kepada jin".

Sekian kenyataan Ibn Taymiyyah. al-Syeikh al-Imam seterusnya mengulas:

Jelas di sini, kenyataan Ibn Taymiyyah yang turut mengkafirkan golongan yang melakukan sembelihan kepada selain Allah. Ia bercanggah dengan dakwaan para musuh agama bahawa beliau tidak menjatuhkan hukum kufur secara spesifik. Ini jelas berdasarkan kenyataan Ibn Taymiyyah bahawa golongan munafik kekal murtad (sekiranya tidak bertaubat - penterjemah) secara pasti

disebabkan perbuatan mereka.¹¹⁰

al-Syeikh al-Imam menambah:

Syeikh al-Islam menyatakan seterusnya, "Namun daku di kalangan mereka yang amat menjaga serta menegah dirinya dari mengkafirkan atau memfasikkan atau menjatuhkan hukum maksiat kepada orang lain secara spesifik, melainkan apabila individu yang terlibat itu telah pun menerima segala hujah al-Qur'an serta al-Sunnah namun masih menyatakan penolakan terhadapnya".

Inilah ketetapan sebenar Ibn Taymiyyah. Di mana beliau sekali-kali tidak menjatuhkan hukum kafir, fasik ataupun maksiat apabila wujud sebarang bentuk kesamaran. Selain itu beliau sekali-kali tidak menjatuhkan hukum sebelum didatangkan penghujahan yang konkrit.¹¹¹

al-Syeikh al-Imam seterusnya mengemukakan isi kandungan teks Ibn al-Qayyim *rahimahullah*. Jelas di sini, Ibn al-Qayyim menetapkan bahawa bernazar kepada orang yang sudah mati serta bermohon kepada mereka adalah perbuatan syirik besar yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Ini bertentangan dengan sangkaan para penentang misalnya Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab serta

¹¹⁰ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 285.

¹¹¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 289-290.

selainnya yang menyangka ia sebagai perbuatan syirik kecil sahaja. Kekeliruan para penentang ini disebabkan Ibn al-Qayyim menyatakan kedua-dua jenis syirik iaitu syirik besar serta syirik kecil di dalam kitabnya *Syarah Manazil al-Sa'irin*. Sebahagian daripadanya seperti berikut:

Dan daripada jenis syirik ini ialah sujudnya seorang murid kepada syeikh, dan daripada jenisnya ialah bertaubat kepada syeikh. Ini merupakan syirik besar. Dan daripada jenisnya ialah bernazar kepada selain Allah...memohon hajat-hajat kepada orang yang sudah mati serta ber*istigoshah* kepada mereka...¹¹²

Dalam konteks ini, para penentang menyandarkan kepada Ibn al-Qayyim keterangan pertamanya (syirik besar) sebagai syirik kecil. Mereka menyangka jenis syirik yang dimaksudkan Ibn al-Qayyim adalah syirik kecil. Namun sebagaimana kata al-Syeikh al-Imam:

Semoga Allah merahmati engkau! Engkau akan menemui kenyataan keseluruhan pada bab yang pertama, di mana jelaslah kedudukannya serta tidak berkemungkinan untuk ditakwil lagi!¹¹³

Bagi melengkapkan lagi perbahasan ini, di bawah merupakan kenyataan sebenar Ibn al-Qayyim

¹¹² Sila lihat *Madarij al-Salikin* yang ditahqiq oleh Muhammad Hamid al-Faqi, Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, 1375H, Jil. 1, hlm. 344.

¹¹³ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 297.

sebagaimana yang diungkapkan al-Syeikh al-Imam:

Dan daripada jenis syirik ini ialah sujudnya seorang murid kepada syeikh, dan daripada jenisnya ialah bertaubat kepada syeikh. Ini merupakan syirik besar. Dan daripada jenisnya ialah bernazar kepada selain Allah, bertawakal kepada selain Allah, beramal kepada selain Allah, berserah serta tunduk kepada selain Allah dan mengharapkan rezeki kepada selain Allah...dan daripada jenisnya ialah memohon hajat-hajat kepada orang yang sudah mati, ber*istigoshah* serta menumpukan perhatian (*tawajjuh*) kepada mereka. Ini merupakan perbuatan syirik yang kukuh bertapak diseluruh dunia.

Secara realiti, telah terputus segala perbuatan orang yang sudah mati. Di mana zat dirinya tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat atau menolak sesuatu mudarat apatah lagi untuk memberi bantuan kepada orang yang bermohon kepadanya. Sebaliknya orang yang sudah mati berhajat kepada orang yang hidup supaya mendoakan dirinya. Ini sebagaimana pesanan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* kepada kita apabila kita menziarahi kubur kaum muslimin. Di mana kita hendaklah bermohon kepada Allah supaya merahmati, memberi afiat serta keampunan kepada mereka.

Ini bertentangan dengan sikap golongan musyrikin yang menziarahi kubur sebagai penziarahan untuk beribadat dengan menjadikan kubur laksana tempat berhala untuk disembah. Maka terkumpul

perbuatan syirik di sana. Secara hakiki mereka merendahkan kedudukan Allah dengan perbuatan syirik serta turut merendahkan serta mencela kedudukan para wali-Nya di kalangan orang beriman. Ini dengan sangkaan bahawa para wali tersebut redha dengan perbuatan mereka...

al-Syeikh al-Imam seterusnya mengemukakan isi kandungan teks Ibn al-Qayyim yang lain. Jelas menerusinya Ibn al-Qayyim turut mengkufurkan perbuatan secara spesifik/pasti. Ia seperti berikut:

Ibn al-Qayyim menyebutkan di dalam *Ighathah al-Lahfan* tatkala mengingkari pengagungan terhadap kubur: "Betapa teruknya keadaan golongan musyrikin sehingga sebahagian dari sikap melampau mereka ternyata di dalam kitab yang disusun bertajuk *Manasik al-Masyahid*. Ternyata isi kandungannya dapat mengeluarkan seseorang dari agama Islam serta menjerumuskannya ke dalam agama menyembah berhala".

Dalam konteks ini, Ibn al-Qayyim merujuk kenyataannya kepada seorang lelaki bernama Ibn al-Mufid, salah seorang pengarang kitab *Manasik al-Masyahid*. Daku dengan jelas meneliti kenyataan Ibn al-Qayyim secara spesifik. Oleh itu bagaimana dikatakan beliau mengingkari pengkufuran secara pasti?¹¹⁴

¹¹⁴ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 303.

al-Syeikh al-Imam dalam jawapannya terhadap saudaranya

Kedua: al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthayn.

Beliau menyebutkan tipudaya serta kesalahan Ibn Jurjis seperti berikut:

Sebahagian mereka menyatakan bahawa Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah *rahimahullah* menyebutkan beberapa buah cerita yang menunjukkan bahawa bermohon kepada orang yang sudah mati bukan merupakan perbuatan syirik. Ia berkait dengan suatu peristiwa di mana seorang lelaki menziarahi makam Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Lelaki ini mengadu kepada baginda tentang kemarau serta kesakitan matanya. Lalu Nabi mengarahkannya supaya pergi berjumpa 'Umar al-Khattab *radiyallahu 'anh* supaya melaksanakan solat *istisqa'* (mohon hujan -penterjemah) beserta kaum muslimin lainnya...

Ini hanya tipudaya terhadap sumber ambilan

Sulayman telah mengemukakan banyak kenyataan bersumberkan Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim dalam menetapkan mengkufurkan perbuatan secara spesifik. Selain itu beliau juga turut mengemukakan pendapat Imam empat madzhab dalam isu ini. Sila lihat hasil penulisan al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthayn sekitar pengkufuran secara spesifik serta tidak dikufurkan golongan yang jahil melainkan setelah dikemukakan hujah, maka tiada keuzuran baginya lagi. Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 509-523.

serta pembohongan terhadap Syeikh al-Islam *rahimahullah*. Beliau hanya menyebutkan kisah demikian dalam konteks percakapan bagi menyatakan sebahagian perbuatan bid'ah yang dilakukan. Ia membabitkan permohonan kepada makam Nabi atau selainnya yang sepatutnya dilakukan kepada Allah jua.¹¹⁵

Ketiga: al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Tahami.

Beliau turut mengungkapkan tipudaya Ibn Jurjis yang menyalahgunakan isi kandungan teks Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim. Ia seperti berikut:

Dawud ibn Jurjis menyebutkan bahawa al-Syeikh Taqi al-Din serta muridnya Ibn al-Qayyim tidak menetapkan kekufuran besar serta syirik terhadap sesiapa yang meyakini ke atas kubur serta *beristigoshah* kepada orang yang sudah mati. Dia mendakwa kedua orang syeikh ini hanya menyatakan perkara tersebut di bawah bab kufur kecil sahaja. Hakikatnya, Ibn Jurjis hanya mengambil kenyataan mereka secara tidak lengkap serta melakukan pemotongan di sana sini supaya sesuai dengan seleranya.¹¹⁶

al-Tahami seterusnya mengemukakan kenyataan sebenar Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim berdasarkan

¹¹⁵ *al-Intisor*, hlm. 14 serta *Majmu'ah al-Rasa'il*, Jil. 4, hlm. 473.

¹¹⁶ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 7.

hasil penulisan mereka. Merujuk kepada Ibn al-Qayyim, beliau berdasarkan kepada kitabnya bertajuk *Syarh al-Manazil al-Sa'irin* di mana Ibn al-Qayyim mengulas dua jenis syirik iaitu syirik besar diikuti dengan syirik kecil. Merujuk Ibn Taymiyyah pula, beliau mengemukakan kenyataan tuan syekh ini seperti berikut:

Sesiapa yang mengambil sikap melampau (*Ghulan*) terhadap seorang Nabi, atau kepada seorang lelaki salih dengan memperuntukkan kepada mereka beberapa sifat ketuhanan seumpama dengan berkata: "Wahai tuan-ku sekian..sekian tolonglah daku atau berilah kemenangan kepadaku, atau berilah rezeki kepadaku.." hingga akhirnya. Di mana kesemua ini merupakan perbuatan syirik serta kesesatan. Sudah semestinya dikehendaki pelakunya bertaubat. Jika dia menolak, maka dia dibunuh. Allah hanya mengutuskan Rasul-Rasul serta menurunkan kitab-kitab untuk menyuruh manusia agar mengabdikan diri mereka kepada-Nya sahaja serta tidak menjadikan yang lain tuhan beserta-Nya.¹¹⁷

al-Tahawi menambah:

Berdasarkan kandungan teks Ibn Taymiyyah serta anak muridnya Ibn al-Qayyim *rahimahumullah* jelas di sini ketetapan mengkufurkan sesiapa yang meyakini bahawa makhluk dapat memberi manfaat atau menolak mudarat serta bernazar, bermohon serta ber*istigoshah*

¹¹⁷ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 7.

kepadanya. Ia boleh membawa kepada kekufuran besar yang dihalalkan darah serta hartanya (sekiranya tidak bertaubat -penterjemah). Kenyataan ini bertentangan dengan sangkaan golongan penentang bahawa kedua ulama' tersebut meletakkan perkara ini ke dalam perbuatan syirik kecil. Dalam konteks ini, pembuktian berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah jelas mengena. Sekiranya dikumpulkan keseluruhannya ia memerlukan kepada jilid yang tebal.¹¹⁸

Keempat: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Tatkala menjawab putarbelit Dawud Ibn Jurjis yang menyalahgunakan sumberambilannya terhadap kitab *al-Furqan* yang ditulis Ibn Taymiyyah bagi merealisasikan sikap melampaunya terhadap para wali Allah, beliau mengulas:

Adapun jawapan terhadap kenyataannya, sila teliti konteks percakapan serta ketetapan sebenar Syeikh al-Islam. Secara realiti, Ibn Taymiyyah menolak konsep kewalian sebagaimana yang difahami Ibn Jurjis. Di mana *kasyaf*, perkara yang menyalahi adat (*khawariq al-'adah*), beristigoshah kepada orang yang tidak hadir (ghaib) serta sudah mati, pemberitahuan terhadap

¹¹⁸ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 7.

barang yang dicuri, perkara ghaib serta orang sakit bukan merupakan ciri kewalian yang sebenar.

Dalam konteks ini, para wali Allah turut bersepakat bahawa seseorang itu walaupun dia dapat terbang di udara, atau mampu berjalan di atas air, janganlah tertipu dengannya melainkan dilihat kepada keperibadiannya sama ada ikutannya bersesuaian dengan apa yang di bawa oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta bersesuaian dengan perintah serta tegahan baginda.

Ini merupakan ketetapan Syeikh al-Islam. Beliau menolak menjadikan isu keganjilan sebagai bukti terhadap kewalian mahupun penolakan terhadapnya. Ia bukan suatu kebenaran untuk *beristigoshah* kepada orang yang sudah mati atau kepada yang tidak hadir (ghaib) bagi memohon hajat-hajat sebagaimana dakwaan Ibn Jurjis.

Hakikatnya Ibn Jurjis mengambil keterangan bukan berasaskan maksud yang sebenar. Beliau hanya menyandarkannya kepada Syeikh al-Islam sesuatu yang bercanggah dengan pendirian sebenar beliau sehingga menyamai kenyataan golongan yang tidak beriman. Sehubungan ini Syeikh al-Islam pernah berkata:

"Adapun meminta kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah kewafatan baginda bukan sesuatu yang disyariatkan. Namun kebanyakan manusia berterusan

memohon kepada orang yang sudah mati serta kepada syeikh-syeikh ghaib serta selain mereka kesan dari hasutan syaitan-syaitan yang menyesatkan mereka dari jalan Allah. Ini sebagaimana yang dilakukan syaitan terhadap para penyembah berhala, matahari dan bulan. Ia dapat dilihat sama ada pada zaman kita mahupun lainnya.¹¹⁹

al-Syeikh 'Abd. al-Latif mengulas lanjut:

Kepercayaan kepada konsep kewalian tidak sama sekali mengizinkan serta mengharuskan kepada *beristigoshah* serta memohon kepada selain Allah. Ini jelas menerusi kenyataan Syeikh al-Islam, pembuktian al-Qur'an, al-Sunnah dan persepakatan ummah. Di mana konsep kewalian tidak ditetapkan berasaskan kepada sebab-sebab yang diingkari Syeikh al-Islam (merujuk perkara keganjilan -penterjemah). Ini sebagaimana yang diyakini Ibn Jurjis.

Sebaliknya konsep kewalian hanya ditetapkan berasaskan kepada keimanan kepada Allah, hari akhirat, kitab, para Nabi serta berdiri teguh melaksanakan perintah agama. Sekiranya *beristigoshah* kepada selain Allah merupakan sebab serta bukti bagi menentukan kewalian seseorang maka perkara luarbiasa ini berlaku juga kepada golongan yang mempersekutukan Allah di kalangan golongan fasik, tukang sihir, pengikut syaitan

¹¹⁹ *Minhaj al-Ta'asis*, hlm. 158.

serta para penyembah berhala. Ini sebagaimana kenyataan Syeikh al-Islam serta selain beliau.¹²⁰

al-Syeikh 'Abd. al-Latif tatkala menjawab Ibn Jurjis berdasarkan cerita yang diambilnya dari kitab Ibn al-Qayyim tanpa merenung serta berfikir dengan teliti apa yang dimaksudkan Ibn al-Qayyim sebaliknya terus mengambilnya sebagai dalil mengharuskan ber*istigoshah* kepada Rasul mengulas:

Cerita ini tidak sekali-kali menunjukkan keharusan ber*istigoshah* kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* (setelah kewafatan baginda - penterjemah). Pelaku perbuatan tersebut tidak boleh dijadikan dalil sebagaimana persepakatan kaum muslimin. Merujuk kepada konteks ucapan tersebut ia merupakan ketetapan pertolongan Allah kepada para wali-Nya (merujuk Abu Bakr dan 'Umar *radiyallahu 'anhuma* - penterjemah) serta ganjaran kepada sesiapa yang menyokong serta menjaga kedudukan mereka (merujuk lelaki sunni yang mengelakkan diri dari melaknat kedua mereka -penterjemah)

Ia tidak menunjuk kepada ber*istigoshah*. Inilah yang sebenar. Menjadikan cerita ini sebagai bukti mengharusan ber*istigoshah* kepada orang yang sudah mati terkeluar dari topik perbincangan kitab Ibn al-Qayyim. Bahkan beliau berdasarkan keterangan lain,

¹²⁰ *Minhaj al-Ta'asis*, hlm. 159-160.

menyebutkan bahawa bermohon kepada orang yang sudah mati merupakan perbuatan syirik besar yang kukuh bertapak diseluruh dunia... hingga akhir kenyataan beliau *rahimahullah*.¹²¹

Kelima: al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi.

Tokoh ulama' Iraq ini, tatkala menjawab Ibn Jurjis yang mengutip kenyataan Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim kemudian mendakwa kedua syeikh ini mengharuskan perbuatan beristigoshah kepada orang yang sudah mati, mengulas:

Ini juga suatu perkara yang kami tidak boleh terima. Ia bukan suatu seruan terhadap perkara yang tidak boleh dilakukan kecuali Allah. Ia hanya sebutan kepada yang dikasihi bukan memohon sesuatu atau beristigoshah kepadanya. Setakat membiasakan diri menyebut nama orang yang dikasihi tidak menunjukkan beristigoshah kepadanya.

Kepalsuan dakwaan Ibn Jurjis ternyata di sini. Apa yang sebenar berlaku, di mana Ibn 'Umar *radiallahu 'anh* berasa kebas dikakinya. Lalu dikatakan orang kepadanya: sebutlah nama orang yang paling engkau kasihi! Lalu dengan spontan Ibn 'Umar menjerit: "Wahai

¹²¹ *Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 189.

Muhammad!" Secara tiba-tiba terangkatlah kakinya.¹²²

Dalam konteks ini, kaki Ibn 'Umar menjadi sihat menerusi percubaan yang dilakukan orang ramai terhadapnya. Sudah menjadi kebiasaan apabila seseorang itu mengalami masalah kebas kaki maka suatu alternatif yang dilakukan adalah dengan menyebut nama orang yang paling dikasihi. Maka hilanglah kebas itu dengan mudah (kaedah psikologi -penterjemah). Ini disebabkan apabila ia berada dalam keadaan amat gembira, akan naiknya suhu kepanasan nalurinya hingga mengalir ke dalam kebas tersebut.¹²³

Keenam: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Beliau turut mengulas sikap putarbelit Ibn Mansur terhadap kenyataan Ibn Taymiyyah seperti berikut:

Dengan bebasnya dia mempergunakan kenyataan Syeikh al-Islam sehingga berpaling dari maksud sebenar. Dia mengakui bahawa Syeikh al-Islam menetapkan bahawa bermohon kepada orang yang sudah mati serta

¹²² Kisah ini di doif(lemah)kan oleh al-Albani tatkala mentahqiq kitab *al-Kalim al-Toyyib* karangan Ibn Taymiyyah, hlm. 120; ia turut di doif(lemah)kan oleh 'Abd. al-Qadir al-Arnaut tatkala mentahqiq kitab *al-Wabil al-Sayyib* karangan Ibn al-Qayyim, hlm. 181.

¹²³ *Fath al-Bayan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 375.

menuntut apa yang tidak berupaya dilakukannya kecuali Allah seperti mengampuni dosa-dosa, memohon petunjuk, memohon rezeki dan selainnya yang melibatkan pengabdian kepada orang yang sudah mati serta *beristigoshah* kepada mereka merupakan kekufuran serta perbuatan syirik yang nyata. Di mana pelakunya semestinya diminta supaya bertaubat atau jika dia menolak maka dia dibunuh. Namun setelah menyatakan ketetapan ini, Ibn Mansur berkata: "Namun disebabkan menguasainya kejahilan..." hingga akhir ungkapan yang dinyatakan beliau.

Apa yang dikehendaki Ibn Taymiyyah dengan ungkapan 'tambahan' ini bahawa penghujahan hanya ditetapkan terhadap golongan *mukallaf*. Di mana ketentuan hukum terlaksana setelah menerima petunjuk agama yang hak yang dibawa oleh para Rasul *'alayhimussolatuwassalam*. Sesiapa yang sampai kepadanya seruan Rasul untuk mentauhidkan Allah maka adalah perlu baginya menerima Islam. Sekiranya dia menerima maka tidak ada alasan baginya mengingkarinya pula. Sekiranya dia melakukan demikian maka tindakan tegas perlu diambil ke atasnya.

Namun tindakan mengkufurkan seseorang itu hanya dilakukan setelah dikemukakan hujah yang konkrit berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah namun dia menolaknya. Oleh yang demikian Syeikh al-Islam sama sekali tidak mengkufurkan si jahil disebabkan

kejahilannya walaupun dia seorang penyembah/pencinta kubur sekiranya belum ada yang menasihati mereka terhadap kesalahan perbuatan mereka.

Apabila jelas kepadanya apa yang dibawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*, namun dia secara berterusan menyatakan sikap penentangnya, maka tindakan ini tidak boleh diterima. Ini setelah ditegakkan hujah ke atasnya. Sikap penentangan yang berterusan ini secara realiti menyamai kekeliruan golongan kristian atau kalangan yang terkenal dengan sikap penentangan serta kesombongan seperti fir'aun beserta kaumnya. Mereka dijatuhi hukum kafir setelah mereka menerima hujah yang dengannya mereka wajib berpegang.

Namun bukanlah suatu kebiasaan untuk mengetahui akan hakikat kebenaran sebagaimana yang difahami golongan yahudi atau seumpama dengannya. Bahkan sudah memadai untuk dikafirkan ke atas sesiapa yang menolak hujah serta tidak menerima apa yang dibawa para Rasul *'alayhimussola tuwassalam*.¹²⁴

¹²⁴ *Misbah al-Zullam fi al-Radd 'ala Man Kadzhaba 'ala al-Syeikh al-Imam*, hlm. 325, secara ringkas. Sila lihat hasil penulisan Mahmud Syawil bertajuk *al-Qawl al-Sadid*. Ia merupakan penulisan bagi menolak sesiapa yang mendakwa bahawa al-Syeikh al-Imam menyalahi pendapat Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim, hlm. 35-40.

Bagi mengetahui secara mendalam terhadap permasalahan mendirikan hujah bagi mengkufurkan secara spesifik/pasti serta yang bersangkutan dengan isu kafir-mengkafir sila lihat hasil penulisan al-

Secara kesimpulan, sesiapa yang meneliti hasil penulisan Ibn Taymiyyah serta anak muridnya Ibn al-Qayyim menyangkut permasalahan perkara yang membatalkan Islam, maka akan jelas kepadanya persepakatan isi kandungannya dengan hasil penulisan al-Syeikh al-Imam – merujuk kepada isu yang diperbincangkan ini. Terhadap tuduhan wujudnya pertentangan antara mereka bertiga sebagaimana dakwaan para penentang, ini tidak lain hanya menunjukkan betapa ceteknya kefahaman mereka.

Syeikh ‘Abd. Allah Abu Buthayn menerusi kitabnya *al-Kufr allazi Ya’zuru Sohibuhu bi al-Jahl*. Di mana tidak dikufurkan seseorang itu melainkan setelah didatangkan ke atasnya hujah. Tiada lagi kezuran baginya selepas itu. Sila lihat *Majmu’ah al-Rasa’il al-Masa’il*, Jil. 4. hlm. 510-523.

Perbahasan Kelima
Kekeliruan Bahawa Perbuatan Syirik Tidak Akan
Terjadi Ke Atas Umat Ini.
Diikuti Jawapan Serta Bantahan Terhadapnya.

Menerusi kekeliruan ini, golongan penentang mengingkari terjadinya perbuatan syirik ke atas umat ini iaitu umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam (al-Ummah al-Muhammadiyah)*. Mereka menafikan perkara ini dengan mengandaikan bahawa umat ini terpelihara dari melakukan perbuatan demikian. Sehubungan ini, kami mengemukakan kenyataan mereka sama ada menerusi hasil karya mereka ataupun kenyataan yang diambil dari mereka. Ia diikuti dengan jawapan serta bantahan para pemimpin dakwah *al-Salafiyah* terhadapnya.

Ketetapan Para Penentang

- **Ibn 'Afaliq.**

Dia merupakan penentang awal yang mencaci al-Syeikh al-Imam berhubung isu ini. Dia berkata:

Dia merendah-rendahkan umat yang terpelihara dari kesesatan serta penyelewengan. Dia melenyapkan

kebaikan dengan melemparkan tuduhan terhadap mereka dengan perbuatan syirik besar serta menjadikan perbuatan mereka yang kesemuanya dilakukan kerana Allah laksana debu-debu yang berterbangan disisinya.¹²⁵

Dia turut menetapkan penafian terpeliharanya umat ini, sehinggakan dia mengkufurkan kaum kerabat.¹²⁶

- **Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.**

Ketika menyebutkan terpeliharanya umat ini, dia berkata:

Bukti yang menunjukkan kebatilan kenyataan kamu tatkala kamu mengkufurkan sesiapa yang kufur pada pandangan kamu adalah menerusi apa yang diriwayatkan al-Bukhari di dalam *Sahihnya* dari Mu'awiyah bin Abi Sufyan *radiyallahu 'anh* yang berkata, aku mendengar Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda:

"Sesiapa yang Allah ingin memberikan kebaikan kepada seseorang itu maka ia akan jadikannya faham dalam agama...dan kekallah urusan umat ini di atas kebenaran sehingga berlakunya kiamat atau sehingga datang perintah Allah".

¹²⁵ *Risalah Ibn 'Afaliq Li Ibn Mu'ammara*, helaian 40.

¹²⁶ *Jawab Ibn 'Afaliq 'ala Risalah Ibn Mu'ammara*, helaian 57.

Sulayman mengulas:

Jelas di sini, Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* memberitahu bahawa urusan umat ini akan berada di atas kebenaran hingga tibanya hari kiamat. Dan diketahui umum urusan umat ini, di mana sebahagian daripadanya kamu kufurkannya.¹²⁷

Bukti yang menunjukkan kebatilan pegangan kamu adalah sebagaimana yang termaktub di dalam *al-Sohihayn* daripada 'Uqbah bin 'Amir *radiyallahu 'anh* bahawasanya Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda ketika berada di atas mimbar: "***Daku tidak merasa takut bahawa kamu melakukan perbuatan syirik selepasku, namun daku takut bahawa dunia akan saling berlumba dengan kamu***".

Ini merupakan bukti di mana Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* memberitahu apa yang akan terjadi kepada umat baginda pada kemudian hari. Antaranya baginda tidak merasa kawatir serta takut bahawa umatnya akan menyembah berhala.¹²⁸

Sulayman seterusnya membawa bukti dengan berkata:

Bukti yang menunjukkan kebatilan pegangan kamu adalah sebagaimana yang diriwayatkan Muslim di dalam

¹²⁷ *al-Sowa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 41.

¹²⁸ *al-Sowa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 45.

Sahihnya dari Jabir *radiyallahu 'anh* bahawasanya Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda:

"Sesungguhnya syaitan berputus asa bahawa dia akan disembah di kalangan golongan 'al-musollun' (menunaikan solat) di Semenanjung Tanah Arab. Namun dia tidak akan berputus asa terhadap perselisihan sesama kamu".

Diriwayatkan juga oleh al-Hakim di dalam *Sahihnya*, Abu Ya'la serta al-Baihaqi daripada Ibn Mas'ud *radiyallahu 'anh* yang berkata bahawa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda:

"Sesungguhnya syaitan berputus asa terhadap penyembahan berhala di bumi Arab. Namun syaitan redha terhadap kamu selain itu iaitu kehinaan disebabkan perbuatan dosa-dosa besar".

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* memberitahu syaitan secara realiti berputus asa bahawa dia akan disembah di kalangan golongan *'al-musollun'* (menunaikan solat) di Semenanjung Tanah Arab. Menerusi hadith Ibn Mas'ud pula, syaitan turut berputus asa terhadap penyembahan berhala di Semenanjung Tanah Arab.

Ini bertentangan dengan pegangan kamu. Apabila merujuk kepada Semenanjung Tanah Arab, maka ia termasuk kota Basrah serta kawasan sekitarnya, negara Iraq serta sungai Dajlah yang terdapat maqam Ali serta

Husain *radiyallahu 'anhuma*, negara Yaman serta Hijaz.

Namun kamu menganggap sekalian tempat ini sebagai tempat penyembahan syaitan serta berhala. Selain itu penduduknya kufur belaka. Hadith-hadith ini menolak pegangan kamu.¹²⁹

- **'Abd. al-Rauf bin Muhammad.**

Tatkala mengulas hadith berkenaan perselisihan di kalangan umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*, dia berkata: "Perselisihan yang terjadi ini tidaklah sampai membawa kepada terkeluar dari agama".¹³⁰

Apa yang menarik di sini, al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan turut menyatakan beberapa nama tokoh penentang yang terbabit mempromosikan isu ini. Ia seperti berikut:

Di kalangan mereka yang menyatakan kekeliruan ini adalah 'Abd. Allah bin Muways pemimpin daerah Hirmah, Ibn Isma'il pemimpin Wasyam serta Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab dari Aridh. Mereka mendakwa bahawa umat ini tidak akan ditimpa perbuatan syirik.¹³¹

¹²⁹ *Fasl al-Khitab*, helaian 214.

¹³⁰ *Fasl al-Khitab fi Naqd Maqalah Ibn 'Abd. al-Wahhab*, helain 13.

¹³¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, hlm. 53.

- **Seorang lelaki yang berasal dari al-Ihsa'.**

Dia yang hidup sezaman dengan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan berkata:

Wahai lelaki yang jahil serta terpesona dengan diri sendiri. Betapa sesat dan jahilnya pegangan engkau terhadap umat ini yang keadaannya telah dinyatakan firman Allah seperti berikut:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia. [Ali Imran 3:110]

Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil. [al-Baqarah 2:143]¹³²

- **Dawud ibn Jurjis.**

Dia mendakwa kemustahilan terjadinya syirik ke atas umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*.¹³³

- **Uthman bin Mansur.**

Dia turut mempromosikan dakwaan dengan berpendapat umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi*

¹³² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, hlm. 54.

¹³³ *Ta'sis al-Taqdis*, karangan Abu Buthayn, hlm. 2

wasallam tidak akan melakukan perbuatan syirik. Ini kerana ia merupakan umat yang dari permulaan hingga akhirnya baik serta salih.¹³⁴

Seterusnya kami mengemukakan pula bantahan serta keterangan al-Syeikh al-Imam serta para pemimpin dan pendokong dakwah *al-Salafiyyah* terhadap isu ini. Menerusi pembuktian yang kukuh mereka menetapkan bahawa perbuatan syirik tetap berlaku ke atas umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*. al-Syeikh al-Imam memperjelaskan perkara ini menerusi kitabnya bertajuk *Kitab al-Tauhid* dalam bab: *Bab Ma Ja'a an Ba'd hazihi al-Ummah Ya'budu al-Awthan*.

Jawapan Para Pemimpin Serta Pendokong Dakwah *al-Salafiyyah*

Pertama: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika mengulas di bahagian permulaan penjelasannya terhadap *Kitab al-Tauhid* karangan al-

¹³⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, Jil. 9, hlm. 186, 203 dan 210.

Syeikh al-Imam, dia berkata seperti berikut:

al-Syeikh al-Imam menerusi penjelasannya telah menjawab ke atas golongan penyembah kubur yang melakukan perbuatan syirik namun turut mengatakan: "Ia tidak akan terjadi ke atas umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* yang mengucapkan *Lailahailallah*".

Menerusi bab *Ma Ja'a an Ba'd hazihi al-Ummah Ya'budu al-Awthan*, al-Syeikh al-Imam dengan berlandaskan al-Qur'an serta hadith-hadith Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* menyatakan bahawa perbuatan syirik tetap berlaku ke atas umat ini. Antaranya merujuk kepada golongan yang menyembah berhala. Namun akan sentiasa wujud di kalangan umat ini golongan yang kekal di atas landasan kebenaran sehingga tidak memudaratkan mereka sesiapa yang tidak membantu mereka sehingga datang perintah Allah *Tabaraka Wa Ta'ala*.¹³⁵

Namun perkara ini tidak perlu diulas dengan panjang lebar sehingga dikemukakan terlebih dahulu hujah serta pembuktian al-Syeikh al-Imam bagi membetulkan kekeliruan ini. Sehubungan ini, kami menyatakan penjelasan beliau berdasarkan kenyataan kepada cicitnya al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Ia seperti berikut:

¹³⁵ *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Sarh Kitab al-Tauhid*, hlm. 362.

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Burqoni di dalam *Sahihnya* yang bermaksud:

"Daku takut ke atas umatku para pemimpin yang menyesatkan. Sekiranya pedang menimpa ke atas mereka, ia tidak akan diangkat daripadanya hingga hari kiamat. Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah segolongan dari umatku menyertai golongan musyrikin, dan sehingga beberapa kumpulan dari umatku menyembah berhala"¹³⁶ ¹³⁷

al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah dalam penjelasannya terhadap hadith di atas turut membawa hadith riwayat Abu Dawud yang bermaksud: **"...*Sehingga beberapa kumpulan dari umatku menyembah berhala*"**.

Jelas maksudnya di sini menurut al-Syeikh Sulayman, ia menolak kenyataan para penyembah kubur yang mengingkari terjadinya perbuatan syirik serta penyembahan berhala di kalangan umat ini. Penjelasan ini

¹³⁶ Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah. Ia turut termaktub di dalam *Tarikh al-Awsat*, al-Hakim, Abu Nu'aym di dalam *al-Hilyah* dan *al-Dala'il* dengan sanad yang sahih menerusi syarat Muslim. Sila lihat kitab *al-Nahj al-Sadid fi Takhrij Ahadith Taisir al-'Aziz al-Hamid*, karangan Jasim Fahid al-Dusri, cetakan pertama, Dar al-Khulafa', Kuwait, 1404H, hlm. 129.

¹³⁷ *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Sarh Kitab al-Tauhid*, hlm. 369.

selaras dengan kenyataan di dalam *al-Sohihayn*, sebuah hadith yang diriwayatkan Abu Hurayrah *radiyallahu 'anh* secara *marfu'* yang bermaksud:

"Tidak berlaku kiamat sehinggalah golongan wanita dari Bani Dawus menuju ke arah Dhu al-Khulasa sambil mengoyangkan punggung mereka..." hingga akhir keterangan al-Syeikh Sulayman.¹³⁸

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menjawab keterangan seorang lelaki yang berasal dari al-Ahsa' berhubungkait kedua ayat al-Qur'an terdahulu, dia berkata:

Si lelaki ini meninggalkan penjelasan sebenar ayat. Di mana Allah mensifatkan *umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia* dengan tiga sifat. Iaitu golongan yang beriman secara khusus dengan menolak golongan yang melakukan perbuatan syirik, bid'ah, fasik serta kemunafikan. Dalam konteks ini Allah berfirman:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

¹³⁸ *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Sarh Kitab al-Tauhid*, hlm. 377.

[Ali Imran 3:110]

Sehubungan ini, golongan musyrikin serta munafik tidak termasuk ke dalam sebaik-baik umat sebaliknya sejahat-jahat di kalangan umat.¹³⁹

Beliau menambah:

Secara realiti, keseluruhan penganut agama Yahudi, Kristian, Majusi dan *Sobi'ah* termasuk di kalangan umat yang diutuskan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* kepada mereka. Mereka termasuk ke dalam kategori umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia dikenali sebagai *umat al-Dakwah*. Sesiapa di kalangan lima golongan umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* ini - iaitu umat Islam (*umat al-Istijabah*), Yahudi, Kristian, Majusi dan *Sobi'ah* (*umat al-Dakwah*) yang tidak beriman serta mengikuti ajaran baginda maka mereka merupakan penghuni neraka. Ini sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam neraka Jahannam, kekalah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk. [al-Bayyinah 98:06]

Menerusi ayat ini, Allah memberitahu kita bahawa golongan tersebut merupakan penghuni neraka

¹³⁹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, 54-59.

walaupun tergolong ke dalam umat ini.

Ada pun merujuk kepada ayat yang bermaksud: *Dan demikian (pula), Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan*, ayat ini ditujukan kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta para sahabat baginda *radiallahu 'anhum*, seterusnya kepada golongan beriman yang mengikuti mereka.

Ada pun golongan kuffar, musyrikin serta munafikin mereka merupakan musuh kepada *umat yang adil dan pilihan* di setiap zaman serta tempat. Tidak mungkin seseorang itu boleh mendakwa bahawa mereka adalah *umat yang adil dan pilihan* kecuali si lelaki jahil ini yang sanggup mengatakan bahawa tidak akan wujud di kalangan umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* orang yang menjadi kafir serta musyrik.¹⁴⁰

Berdasarkan keterangan di atas, al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan menyatakan kepada kita bahawa perbuatan syirik, bid'ah serta kesesatan lainnya berlaku juga di kalangan umat ini. Sebagai contoh, kemunculan golongan murtad ketika pemerintahan Abu Bakr al-Siddiq *radiallahu 'anh*, golongan Khawarij di zaman pemerintahan 'Ali *radiallahu 'anh*, kemunculan golongan *Qadariyah*, *Jabariyah* serta terbentuknya kerajaan *Qaramitah* yang disifatkan Syeikh al-Islam sebagai golongan yang bersangatan kufurnya, golongan *Buwayhin*

¹⁴⁰ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, 57-61.

dan sebagainya lagi.¹⁴¹

Ketiga: al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthayn.

Ketika menjawab bukti yang dikemukakan Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab berdasarkan kepada hadith yang bermaksud: "***Sesungguhnya syaitan berputus asa bahawa dia akan disembah di kalangan 'al-musollun' (golongan menunaikan solat - penterjemah) di Semenanjung Tanah Arab***" serta tidak terjadinya gejala syirik di Semenanjung Tanah Arab, tuan syeikh ini menyatakan seperti berikut:

Menurut keterangan Ibn Rajab, hadith ini menunjukkan bahawa syaitan berputus asa bahawa keseluruhan penduduk arab melakukan perbuatan syirik besar. Ini selaras dengan kenyataan Ibn Kathir di dalam tafsirnya ketika menafsirkan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengalahkan) agamamu. [al-Ma'idah 5:03] Ibn 'Abbas *radiallahu 'anh* turut mengulas seperti berikut: "*Para syaitan berputus asa kamu sekalian akan meninggalkan al-Din kamu*".

Selain itu, hadith yang menyebutkan berputus

¹⁴¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, 62-80.

asanya syaitan merujuk kepada dirinya namun tidak menunjukkan berputus asa syaitan terhadap tingkahlaku manusia. Ini terbukti dengan kewujudan ramai golongan murtad di kalangan masyarakat Arab setelah kewafatan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ramai di kalangan mereka kembali kepada kekafiran serta penyembahan berhala. Ramai di kalangan mereka yang beriman dengan Musaylamah *al-Kazzab* yang mendakwa secara penuh kedustaan menerima risalah kenabian.

Sehubungan ini, siapa yang mentaati syaitan dengan melakukan pelbagai jenis kekufuran maka secara realiti dia adalah hamba kepada syaitan. Dalam konteks ini, tidak wujud perbezaan antara beribadat kepada syaitan dengan melakukan perbuatan syirik. Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* memberitahu bahawa wujud di kalangan umat ini golongan yang akan terjerumus ke dalam perbuatan yang dilakukan golongan terdahulu sama ada golongan Yahudi, Kristian, Parsi, Rom dan sebagainya.¹⁴²

Keempat: al-Allamah Mahmud Syukri al-Alusi.

Ketika menjawab golongan yang menggunakan hadith ini sebagai bukti, dia berkata seperti berikut:

Hadith ini tidak pula menunjukkan bahawa gejala

¹⁴² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, 482-487.

kekufuran serta kemurtadan tidak akan berlaku di Semenanjung Tanah Arab. Ini terbukti dengan berlakunya gejala tersebut di kalangan sebahagian kabilah Semenanjung Tanah Arab setelah kewafatan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sehinggakan mereka diperangi oleh Abu Bakr *al-Siddiq radiyallahu 'anh*. Ini dilakukannya setelah beliau serta para sahabat *radiyallahu 'anhum* lainnya bersepakat menghukumkan mereka itu kafir.

Selain itu, tidak lari dari maksud yang dikehendaki Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* apabila baginda mengatakan: "***Sesungguhnya syaitan...***", di mana syaitan tidak mengantungkan harapan bahawa golongan mukminin akan menyembahnya di Semenanjung Tanah Arab. Golongan mukminin yang dimaksudkan ini adalah golongan yang membenarkan serta mematuhi apa yang dibawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* dari Tuhannya.

Tiada sebarang keraguan bahawa sesiapa yang mewarisi sifat golongan yang beriman ini dia memperolehi pandangan mata hati serta cahaya (petunjuk) dari Tuhannya sehinggakan syaitan tidak bergantung harap bahawa dia akan menyembahnya.

Apa yang penting di sini, wujudnya gejala kemurtadan, syirik serta kekufuran ini tidak sama sekali bertentangan dengan apa yang termaktub di dalam hadith yang sahih. Terutama di kalangan golongan yang

sejahtera hati serta benar pemikirannya. Di mana lafaz *'al-musollin'* (menunaikan solat) secara hakiki merujuk kepada golongan mukminin sebagaimana yang difahami para ilmuwan.

Diandaikan di sini apa yang dikehendaki dengan golongan *'al-musollin'* (menunaikan solat) di mana kalimah ini terbina di atas kata sendi "*alif lam lil 'ahd'*" (yang dijanjikan) yang bermaksud golongan yang mendirikan solat secara sempurna. Mereka merupakan sebaik-baik golongan yang dimaksudkan.

Kenyataan ini diperkukuhkan lagi menerusi sabda baginda di penghujung hadith yang bermaksud: "***Bahawa dunia akan saling berlumba dengan kamu***". Berkata al-Toyyibi: "Berkemungkinan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* memberitahu apa yang akan terjadi di kalangan para sahabat *radiyallahu 'anhum*. Di mana syaitan akan berputus asa terhadap mereka kecuali dalam perkara yang membabitkan urusan keduniaan..." hingga kepada kenyataan al-Alusi: "Kenyataan di atas secara realiti membatalkan bukti yang dikemukakan golongan penentang".¹⁴³

Apa yang penting di sini ialah pemberitahuan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* berkenaan terjadinya perbuatan syirik di kalangan umat ini dan

¹⁴³ *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 497-499, secara ringkas.

bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tetap memberi jaminan untuk memelihara *al-Din* umat ini. Ia sebagaimana sabda baginda yang bermaksud:

"Akan sentiasa wujud di kalangan umat ini golongan yang kekal di atas landasan kebenaran sehingga tidak memudaratkan mereka sesiapa yang tidak membantu mereka atau menyangkal mereka sehingga datang perintah Allah".¹⁴⁴

Kelima: al-Syeikh 'Abd. Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menjawab kekeliruan Ibn Mansur yang mendakwa erbuatan syirik tidak akan menimpa umat ini, beliau berkata:

Secara keseluruhannya, Ibn Mansur menyembunyikan pengertian lafaz umat atau "*al-Ummah*". Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mencela sikap sebegini menerusi firmanNya:

Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya. [al-Baqarah 2:42]

Apa yang beliau lakukan merupakan sebesar-

¹⁴⁴ Riwayat Muslim.

besar kekeliruan terhadap perkataan umat atau "*al-Ummah*". Beliau memisahkan pengertian ini dengan hanya mengertikan umat sebagai *ahl al-Istijabah* (golongan yang mematuhi Allah dan Rasul-Nya-penterjemah). Sedangkan golongan yang belum menerima Islam (*ahl al-Dakwah*) termasuk juga ke dalam kategori umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Sesiapa yang tidak memperincikan pengertian umat ini serta meletakkan kefahaman yang tidak benar maka dia termasuk ke dalam golongan jahil serta terkeliru.¹⁴⁵

Secara realiti, Ibn Mansur tidak menyatakan gambaran sebenar hakikat Islam mahupun hakikat *al-Tauhid*. Beliau meyakini bahawa golongan yang mengabdikan diri kepada berhala serta bermohon kepada orang yang sudah mati serta bertawasul kepada mereka merupakan golongan muslim yang taat di kalangan umat ini. Ini kerana golongan ini masih mengucapkan *La ila haillallah*.¹⁴⁶ Selain itu ternyata kejahilan Ibn Mansur kerana tidak tahu membezakan antara umat *al-Ijabah* dengan umat *al-Dakwah*. Sehubungan ini al-Syeikh 'Abd. Latif mengulas:

Tidaklah keseluruhan golongan yang dikatakan sebagai umat (*al-Ummah*) terdiri dari *ahl al-Ijabah wa al-Qiblah* (merujuk kepada umat Islam -penterjemah).

¹⁴⁵ *Misbah al-Zullam*, hlm. 30.

¹⁴⁶ *Misbah al-Zullam*, hlm. 36.

Ini terbukti menerusi hadith yang bermaksud: "*Sesiapa di kalangan umat ini sama ada dia seorang Yahudi atau Kristian yang mendengar tentang daku kemudian dia tidak beriman denganku, maka dia termasuk ke dalam penghuni neraka!*" (riwayat Ibn Majah)¹⁴⁷ Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada hari akhirat kelak), apabila Kami datangkan dari tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu Rasul mereka sendiri menjadi saksi terhadap perbuatan mereka), dan Kami juga datangkan engkau (wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umatmu ini?

Pada hari itu orang-orang yang kafir dan menderhaka kepada Rasulullah, suka jika mereka disama ratakan dengan tanah (ditelan bumi), dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sepele kata pun dari pengetahuan Allah. [al-Nisa 4:41-42]

Ternyata menerusi ayat ini, keseluruhan orang-orang kafir termasuk ke dalam umat yang diutuskan

¹⁴⁷ Penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam Sunan Ibn Majah. Namun ia termaktub di dalam hadith yang dikeluarkan Muslim di dalam *Sahihnya*, Jil. 1, hlm. 134, di dalam kitab *al-Iman* pada bab *Wujub al-Iman birisalah Nabiyina Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam ila Jami'inna wa naskh al-Milal bimillatihi*.

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Namun umat yang dikategorikan sebagai umat yang terpuji serta dijanjikan itu adalah umat *ahl al-Ijabah wa al-Qiblah* (merujuk kepada umat Islam -penterjemah).¹⁴⁸

Merujuk kepada larangan mengkafirkan secara keseluruhan golongan ini (umat *al-Dakwah* -penterjemah) disebabkan mereka tidak termasuk ke dalam pengertian umat ini (umat *ahl al-Ijabah wa al-Qiblah* - umat Islam - penterjemah), al-Syeikh 'Abd. al-Latif mengulas seperti berikut:

Secara realiti, terpisahnya golongan-golongan ini, maka perlu dilihat sama ada masih kekal kepada mereka pokok keimanan serta akidah *al-Tauhid*. Namun oleh kerana majoriti di kalangan mereka terlibat dalam melakukan penyelewengan, maka sesiapa yang mengkafirkan mereka semestinya berlandaskan kepada keterangan al-Qur'an serta al-Hadith yang mengkafirkan mereka. Begitulah sebaliknya.¹⁴⁹

Keenam: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman al-Su'di.

Kami menutup perbincangan ini dengan mengemukakan penjelasan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman al-

¹⁴⁸ *Misbah al-Zullam*, hlm. 341, secara ringkas.

¹⁴⁹ *Misbah al-Zullam*, hlm. 340.

Su'di. Beliau memperjelaskan kenyataan al-Syeikh al-Imam di dalam bab *Ma Ja'a 'an Ba'da hazihi al-Ummah ta'bud al-Awthan* sebagaimana termaktub dalam kitab *al-Tauhidnya*. Ia seperti berikut:

Apa yang dimaksudkan di sini ialah menjaga diri serta takut dari melakukan segala jenis perbuatan syirik yang secara pasti akan menimpa umat ini. Ia merupakan suatu jawapan bagi sesiapa yang mendakwa bahawa sesiapa yang mengatakan: *Lailahailallah* serta dinamakan dengan gelaran Islam, maka secara automatik kekallah sifat keislamannya walaupun dia melakukan perkara yang bertentangan dengan Islam seperti *beristigoshah* kepada penghuni kubur serta memohon kepada mereka.

Hakikatnya, perkataan *al-Wathan* (berhala) merupakan katanama yang menunjukkan keseluruhan yang disembah selain Allah. Ia tidak membezakan sama ada menyembah pokok, batu mahupun sebarang bentuk binaan serta fizikal lainnya. Ia tidak membezakan sama ada menyembah para Nabi, orang yang salih atau pun menyembah para penjahat. Di mana peribadatan merupakan hak Allah yang Maha Esa.

Sesiapa yang bermohon kepada selain Allah atau menyembah selain-Nya, maka dia mengambil berhala sebagai sembah serta terkeluar dari *al-Din* yang suci. Oleh itu tidak bermanfaat baginya menisbahkan dirinya kepada Islam. Bahkan orang musyrik, mulhid, munafik serta kafir pun ada yang berselindung di sebalik nama

Islam. Apa yang penting, *al-Din* serta hakikatnya tidak bergantung semata-mata kepada nama tanpa disertai dengan kebenaran yang autentik.¹⁵⁰

¹⁵⁰ *al-Qawl al-Sadid fi Maqasid al-Tauhid*, hlm. 71-73, secara ringkas.

Perbahasan Keenam

Kekeliruan Bahawa al-Syeikh al-Imam Serta Para Pengikutnya Mengaplikasikan Ayat-Ayat al-Qur'an Yang Dirujukkan Kepada Golongan Musyrikin Kepada Kaum Muslimin.

Ia Diikuti Bantahan Serta Jawapan.

Golongan penentang seterusnya merekacipta kekeliruan yang secara realiti menyamai perilaku golongan sebelum mereka. Ia membabitkan dakwaan bahawa al-Syeikh al-Imam serta para pengikut selepasnya secara sengaja mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan penurunannya kepada golongan musyrikin terhadap kaum muslimin. Ini sehinggakan mereka mendakwa bahawa Syeikh al-Imam serta para pengikut selepasnya menjadikan kaum muslimin seumpama golongan musyrikin.

Secara hakiki ia merupakan kekeliruan mereka sahaja. Menerusi pemerhatian teliti, golongan penentang turut mengkategorikan kaum muslimin kepada para individu yang bermohon kepada orang yang sudah mati, yang melakukan sembelihan untuk jin serta bernazar kepada para *awliya*. Mereka menyangka selagi mana golongan yang terbabit melakukan perbuatan ini meyakini bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang memberi kesan serta masih mengucap dua kalimah syahadah maka

mereka tetap dikira sebagai golongan muslimin walaupun melakukan keseluruhan perbuatan syirik tersebut.

Sehubungan ini, kami mengemukakan kekeliruan golongan penentang serta diikuti bantahan serta jawapan dari para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*.

Kenyataan Golongan Penentang

- **Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.**

Ketika mempromosikan kekeliruan ini terhadap para pendokong dakwah *al-Salafiyyah*, dia membawa beberapa ayat al-Qur'an sebagai bahan bukti. Ia seperti berikut:

Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepadanya: "(Ketahuilah bahawa) tiada Tuhan yang sebenar-benarnya melainkan Allah" - mereka bersikap takbur mengingkarinya, - Serta mereka berkata: "Patutkah kami meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah kerana mendengar ajakan seorang penyair gila?" [al-Saffat 37:35-36]

Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa tuhan yang lain bersama-sama Allah? [al-An'aam 6:19]

Patutkah ia menafikan tuhan-tuhan yang

berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan hanya Satu? [Shad 38:05]

Berdasarkan ayat-ayat ini Sulayman mengulas:

Tidak dapat diterima pembuktian mereka apabila mengaplikasikan ayat-ayat ini terhadap golongan yang mengikrarkan bahawa Tiada Tuhan selain Allah serta Muhammad itu pesuruh Allah, atau menyatakan tiada di sisi Allah seorang sekutu atau menyatakan tiada yang berhak disembah di samping Allah.¹⁵¹

• **al-'Alawi al-Haddad.**

Ketika mempromosikan kekeliruan ini dia berkata:

Adapun antara ayat yang mereka jadikan bahan bukti mengkafirkan kaum muslimin adalah firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti berikut:

Tanyakanlah (wahai Muhammad): "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?" Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?" [al-Mu'minun 23:84-85]

Namun ayat ini hanya ditujukan kepada golongan *kuffar* yang mengingkari al-Qur'an serta rasul. Sehubungan ini, dimanakah kesesuaian atau persamaan

¹⁵¹ *al-Sowa'iq al-Ilahiyyah*, hlm. 11.

antara seorang muslim dengan seorang kafir¹⁵²

- **al-Lakanhuri.**

Dia mempromosikan kekeliruan ini dengan berkata:

Golongan Khawarij mengaplikasikan ayat-ayat yang ditujukan kepada golongan *kuffar* serta musyrikin terhadap kaum muslimin. Demikian juga golongan Wahabi. Mereka turut mengaplikasikan ayat-ayat ini terhadap kaum muslimin di serata dunia.¹⁵³

- **Ahmad Zaini Dahlan.**

Dia mempromosikan pendustaan serta kekeliruan ini menerusi kenyataan seperti berikut:

Mereka (golongan Wahabi - penterjemah) sengaja mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan terhadap golongan musyrikin kepada golongan mukminin.¹⁵⁴

Beliau menyebut ditempat lain:

Mereka (golongan Wahabi - penterjemah) mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan

¹⁵² *Misbah al-Anam*, hlm. 17-18, secara ringkas.

¹⁵³ *Kasyf al-Niqob 'an 'Aqid Ibn 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 80.

¹⁵⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 32.

terhadap golongan musyrikin kepada golongan mukminin. Ini sama ada terhadap golongan *khawwas* mahupun awam. Ayat yang dimaksudkan seperti berikut:

Maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah. [al-Jin 72:18]

Dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sesuatu yang lain dari Allah, yang tidak dapat menyahut atau memberikan sebarang pertolongan kepadanya (dari dunia) hinggalah ke hari kiamat, sedang makhluk-makhluk yang mereka sembah itu tidak dapat menyedari atau memberi layanan baik kepada permohonan mereka.

Dan apabila manusia dihimpunkan (untuk dihitung amalnya pada hari akhirat), menjadilah segala yang disembah itu musuh kepada orang-orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui serta mendustakan penyembahan mereka kepadanya. [al-Ahqaf 46:5-6]¹⁵⁵

Tatkala menyebutkan pegangan al-Syeikh al-Imam, Dahlan turut menyatakan:

Dia mengkafirkan kaum muslimin menerusi ayat yang ditujukan kepada golongan musyrikin. Dia menyandarkan ayat ini kepada golongan *al-Muwahhidin*.¹⁵⁶

¹⁵⁵ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 32.

¹⁵⁶ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 51.

- **al-Zahawi.**

Dia menelan bulat-bulat kekeliruan kekeliruan para penentang menerusi kenyataannya:

Dia (al-Syeikh al-Imam) mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan ke atas golongan *kuffar* di kalangan Quraysh terhadap golongan umat yang bertakwa.¹⁵⁷

Dia menambah:

Dia (al-Syeikh al-Imam) mengaplikasikan secara umum ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan ke atas golongan musyrikin terhadap keseluruhan kaum muslimin.¹⁵⁸

Golongan Wahabi mengaplikasikan keseluruhan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan kepada golongan musyrikin kepada golongan *al-Muwahhidin* di kalangan umat Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*.¹⁵⁹

- **Muhammad Najib Sawqih.**

Menerusi kejahilan, kebencian yang menebal serta

¹⁵⁷ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 19.

¹⁵⁸ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 25.

¹⁵⁹ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 47.

kata-kata kotor dia turut menyatakan seperti berikut terhadap golongan Wahabi:

Mencukupi di sini jika dikatakan bahawa golongan Wahabi dengan zalimnya memesongkan golongan awam di kalangan umat ini. Ia menerusi kenyataan mereka bahawa keseluruhan ayat al-Qur'an yang ditunjukkan kepada golongan musyrikin serta kafir lainnya turut diaplikasikan kepada keseluruhan kaum muslimin yang mentauhidkan Allah. Ingin saja daku mengatakan kepada golongan Wahabi adakah mereka mendapati walau seorang juapun di kalangan kaum muslimin yang berpendapat bahawa selain Allah dapat memberi kesan, atau ada di kalangan kaum muslimin berkeyakinan wujud selain Allah sebagai Pembuat di alam ini?¹⁶⁰

Menerusi kekeliruan serta tipudaya golongan penentang ini, ternyata mereka ingin menjadikan golongan penyembah kubur sebagai golongan muslimin yang mentauhidkan Allah. Ini dengan andaian bahawa golongan ini tetap meyakini bahawa Allah bertindak sebagai Pembuat tanpa wujud pelaku selain-Nya di alam ini. Oleh yang demikian golongan penyembah kubur tetap dinamakan golongan muslimin walaupun terlibat dalam aktiviti menyembah kubur. Ini sebagaimana dakwaan Sawqih.

¹⁶⁰ *Tabyin al-Haq wa al-Sawwab*, hlm. 13.

Jawapan Para Pemimpin Serta Pendokong Dakwah *al-Salafiyah*

Pertama: al-Syeikh 'Abd. Allah Abu Buthayn.

Ketika mengulas kenyataan para penentang, beliau berkata:

Terhadap kenyataan yang mengatakan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan bagi menghukum kaum musyrikin terdahulu tidak diaplikasikan ke atas sesiapa yang melakukan perbuatan kaum musyrikin tersebut, maka ia termasuk ke dalam kekufuran yang besar.

Tidak menyatakan demikian melainkan seekor lembu yang tergamam lalu mati disebabkan kejahilan yang amat sangat.

Adakah peraturan hudud yang dinyatakan al-Qur'an serta al-Sunnah hanya dilaksanakan ke atas golongan terdahulu sahaja? Dengan itu tidak perlu dihukum individu yang melakukan zina dewasa ini? Serta tidak perlu dipotong tangan bagi yang mencuri? Dan

sebagainya lagi. Ini kenyataan yang dusta serta sangat memalukan. Adakah terbatal syariat Islam serta hukum al-Qur'an?¹⁶¹

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Sesiapa yang menghalang wahyu al-Qur'an serta isi kandungannya seperti hukuman terhadap individu serta peristiwa yang termasuk di dalam keumuman lafaz ayat, secara realiti dia seorang makhluk Tuhan yang paling sesat serta jahil. Tindakannya menyalahi kenyataan kaum muslimin serta alim ulama' mereka di sepanjang zaman dan tempat serta dari satu generasi kepada satu generasi lainnya. Dia juga termasuk ke dalam sebesar-besar golongan yang membatalkan ayat-ayat al-Qur'an. Di mana keseluruhan nas serta peraturan al-Qur'an didasarkan kepada keumuman (ayat) bukan pengkhususan sebab.¹⁶²

al-Syeikh 'Abd. al-Latif tatkala mengulas kekeliruan Ibn Jurjis berkata seperti berikut:

Antara kekeliruan Ibn Jurjis ialah kenyataannya terhadap beberapa ayat al-Qur'an yang ditujukan kepada penyembah berhala, Abu Jahl serta sekian...sekian individu yang diperangi oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

¹⁶¹ *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 8, hlm. 237.

¹⁶² *Misbah al-Zullam*, hlm. 140.

Dia membatalkan hukuman al-Qur'an ke atas golongan yang melakukan perbuatan mereka atau menyamai perbuatan mereka di kalangan golongan yang mengabdikan diri mereka selain kepada Allah.¹⁶³

al-Syeikh 'Abd. al-Latif turut memperjelaskan bahawa kekeliruan ini merupakan penyebab yang menghalang kefahaman yang betul terhadap al-Qur'an:

Antara penyebab yang menghalang kefahaman terhadap al-Qur'an serta al-Sunnah di mana mereka menyangka apa yang dinyatakan Allah ke atas golongan musyrikin hanya dikhususkan kepada golongan yang lampau sahaja. Ia tidak melibatkan golongan yang mewarisi perbuatan mereka. Ini sehinggakan didengari sebahagian mereka mentafsir ayat-ayat yang ditujukan kepada penyembah berhala, kepada golongan Kristian dengan menyatakan bahawa ia dispesifikkan kepada mereka serta tidak melampaui golongan lain.¹⁶⁴

Ketiga: al-Syeikh Soleh bin Muhammad al-Syuthri.

Ketika menjawab kekeliruan Ahmad Zaini Dahlan, beliau berkata:

Maha suci Allah! Bagaimana dia boleh menjadi sebegitu jahil sehingga menentang serta mengubah

¹⁶³ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 3, 378.

¹⁶⁴ *Dala'il al-Rasukh*, hlm. 44.

pengertian ayat-ayat al-Qur'an?. Dia menganggap ayat-ayat ini serta hukum yang termaktub di dalamnya hanya diaplikasikan terhadap golongan musyrikin sahaja. Tidakkah dia menyedari peraturan al-Qur'an turut memberi perhatian serta mengambil kira keseluruhan umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* hingga hari kiamat? Sehubungan ini Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

Dan diwahyukan kepadaku Al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan Al-Quran itu. [al-An'aam 6:19]

Merujuk kenyataan Dahlan yang membatalkan hukum al-Qur'an dengan menganggap ia tidak melampau golongan yang ditujukan ayat tersebut maka jawapannya seperti berikut, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mensyariatkan *al-Din* kepada para sahabat *radiyallahu 'anhum* dengan perbuatan seperti solat, zakat, mengerjakan haji, hukum perwarisan serta hudud. Namun kenyataan si pembatal hukum ini seolah-olah menunjukkan bahawa ketetapan ini tidak melampau golongan sahabat *radiyallahu 'anhum*. Ini merupakan kenyataan kufur serta kesesatan. Apa yang penting di sini, adalah keumuman lafaz (ayat) bukan pengkhususan sebab.¹⁶⁵

¹⁶⁵ *Ta'yid al-Mulk al-Manan*, helaian 39.

Keempat: al-Sahsawani.

Ketika memperjelaskan kebenaran pegangan al-Syeikh al-Imam yang membabitkan persoalan ini, beliau berkata:

Memang benar! al-Syeikh al-Imam mengkufurkan golongan penyembah kubur berdasarkan petunjuk keumuman ayat yang ditujukan kepada golongan *kuffar*. Ini merupakan perkara yang tidak dipedulikan mereka. (merujuk para penyembah kubur - penterjemah). Dalam konteks ini keseluruhan kaum muslimin tidak menganggap golongan penyembah kubur sebagai golongan beriman yang sebenar.

al-Syeikh al-Imam hanya mengkufurkan golongan yang menamakan diri mereka muslim namun tetap melakukan perbuatan keji yang dilakukan golongan musyrikin sebagaimana yang dinyatakan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan kepada mereka. Sehubungan ini ilmu *usul* menetapkan bahawa keterangan diambil berdasarkan keumuman lafaz ayat bukan dikhususkan kepada sebab.¹⁶⁶

¹⁶⁶ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 487.

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-Karim bin Fakhr al-Din.

Ketika menolak kekeliruan Ahmad Zaini Dahlan serta rakan-rakannya, beliau berkata seperti berikut:

Secara realiti keterangan didasarkan kepada keumuman lafaz (ayat) bukan pengkhususan sebab. Oleh yang demikian ayat yang ditujukan kepada golongan musyrikin turut diaplikasikan kepada golongan beriman yang melakukan perbuatan golongan musyrik. Para *fūqaha'* tetap menghukumkan dengan kekufuran ke atas sesiapa yang melakukan perbuatan menyerupai perbuatan kufur. Sehubungan ini Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda, maksudnya: "*Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk di kalangan mereka*".¹⁶⁷

Keenam: Ibn Sahman.

Beliau mengulas seperti berikut:

Sesiapa melakukan perbuatan golongan musyrikin seperti mensyirikkan Allah, meletakkan hak Allah kepada selainnya seperti kepada para *anbiya'*, wali serta golongan shalih lainnya, seperti bermohon dan *beristigoshah* kepada mereka sebagaimana yang sepatutnya mereka lakukan terhadap Allah *Subhanahu*

¹⁶⁷ Hadith ini dikeluarkan Abu Dawud serta Ahmad. *al-Haq al-Mubin fi al-Radd 'ala al-Lahabiyah al-Mubtadi'in*, hlm. 46.

Wa Ta'ala dan menuntut kepada mereka sesuatu yang tidak dapat diperolehi melainkan kepada Allah jua, maka ayat-ayat yang turun serta ditujukan kepada golongan musyrikin turut diaplikasikan kepada mereka. Para ilmuwan menyatakan bahawa keterangan diasaskan kepada keumuman lafaz (ayat) bukan pengkhususan sebab.¹⁶⁸

Ketujuh: Muhammad Rasyid Ridha.

Ketika menyingkapkan ketebalan kejahilan Ahmad Zaini Dahlan serta golongan yang mempromosikan kekeliruan ini, beliau berkata:

Sesuatu yang amat ajaib dapat dilihat menerusi kejahilan si Dahlan serta individu lain yang bersikap seperti beliau. Mereka menyangka bahawa kenyataan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap kepalsuan perbuatan syirik yang dilakukan golongan musyrikin hanya diaplikasikan ke atas mereka sahaja (merujuk golongan musyrikin zaman Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* sahaja -penterjemah).

Mereka menyangka bahawa perbuatan syirik golongan musyrikin ini bukan merupakan bukti terhadap sesiapa yang melakukan perbuatan seperti mereka. Ini

¹⁶⁸ *Kasyf Ghiyab al-Zullam 'an Awhab Jala' al-Awham*, hlm. 195; lihat juga *al-Asinnah al-Haddad*, hlm. 122.

seolah-olah diizinkan kepada seorang muslim untuk melakukan perbuatan syirik apabila dia menganut Islam walaupun dia terjebak melakukan segala jenis perbuatan syirik yang termaktub di dalam al-Qur'an.

Sehubungan ini, seolah-olah tidak akan berlaku gejala murtad di dalam Islam. Ini disebabkan sesiapa sahaja yang digelar sebagai seorang muslim, maka sudah semestinya perbuatan kufur atau syirik yang dilakukannya digelar juga sebagai kufur Islam atau syirik Islam, atau diizinkan untuk melakukannya, atau sekurang-kurangnya setakat haram sahaja hukumnya.

Sememangnya golongan yang keliru ini telah mengizinkan melakukan perkara syirik serta kekufuran. Ini berdasarkan pentakwilan semula yang mereka lakukan terhadap ayat-ayat al-Qur'an tersebut.¹⁶⁹

Kelapan: al-Syeikh Fauzan al-Sabiq.

Ketika membantah kekeliruan salah seorang penentang bernama Haji Mukhtar (berdasarkan keterangan nota kaki-penterjemah), beliau mengulas seperti berikut:

Merujuk kenyataan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan kepada golongan musyrikin bangsa arab tidak diaplikasikan kepada sesiapa yang melakukan

¹⁶⁹ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 487. al-Sahsawani turut mengemukakan kenyataan Rasyid Ridha di dalam kitabnya.

perbuatan seperti mereka di kalangan umat Islam kerana mereka mengatakan *Lailahailallah*, hakikatnya kenyataan ini hasil daripada pengaruh syaitan. Ia membawa kepada beriman kepada sebahagian namun kufur kepada sebahagian lainnya daripada isi al-Qur'an. Lafaz *al-Syhadah* semestinya disertai dengan penolakan terhadap perbuatan yang menyalahi pengakuan tersebut. Kalimah *Lailahailallah* semestinya disertai dengan ungkapan *nafi* dan *isbat*. Jika tidak demikian, maka pengakuan ini sia-sia serta tidak memberi sebarang faedah.

Si Haji Mukhtar ingin membatalkan peraturan al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau ingin menghadkan peraturan ini terhadap golongan yang ditunjukkan ayat itu sahaja. Ini boleh membawa kepada terangkat kewajipan ke atas golongan lain umat ini (merujuk umat Islam - penterjemah).¹⁷⁰

Kesembilan: al-Qasimi.

Ketika menolak kekeliruan ini, beliau berkata:

Kaum muslimin, para ulama serta pemimpin yang berilmu secara berkekalan mengambil bukti berdasarkan keumuman ayat yang ditunjukkan terhadap golongan

¹⁷⁰ *al-Bayan wa al-Isyhar liKasyf Zaig al-Mulhid al-Hajj Mukhtar*, hlm. 277.

musyrikin lalu mengaplikasikannya kepada kaum muslimin yang melakukan perbuatan atau meyakini pegangan mereka. Tiada perselisihan di kalangan mereka apabila al-Qur'an mengharamkan serta mengkufurkan sesuatu perkara yang ditujukan terhadap golongan Yahudi, Kristian mahu pun Majusi atau menyatakan kekufuran mereka disebabkan perbuatan yang membawa kekufuran maka kaum muslimin semestinya menjauhkan diri dari melakukannya. Jika mereka tidak berbuat demikian maka hukum kekufuran terlaksana ke atas mereka.¹⁷¹

Sebagai mengakhiri perbincangan, menarik untuk dinyatakan di sini bahawa Imam al-Syatibi mengemukakan di dalam kitabnya *al-I'tisom*, satu bab yang dikupas panjang lebar bagi membantah golongan yang melakukan perbuatan bid'ah. Ia membabitkan banyak kenyataan yang diambil dari golongan *Salaf al-Soleh* di kalangan para sahabat, tabi'in serta golongan selepas mereka. Apa yang menarik, golongan *Salaf al-Soleh* turut mengaplikasikan ayat-ayat al-Qur'an yang ditujukan kepada golongan *ahl al-Kitab* serta golongan yang melakukan perbuatan syirik kepada kaum muslimin yang turut melakukan perbuatan bid'ah.

¹⁷¹ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 1, hlm. 419, secara ringkas.

Perbahasan Ketujuh
Kekeliruan bahawa al-Syeikh al-Imam menentang
Daulah *al-Khilafah*

Sebahagian para penentang mendakwa al-Syeikh al-Imam menentang daulah *al-Khilafah* kerajaan Turki Uthmaniyyah. Dengan ini beliau dianggap memisahkan diri dari *al-Jamaah* kerana dianggap menentang khalifah.

Kenyataan Para Penentang Berhubung Isu Ini

- **Ibn 'Afaliq.**

Ketika memberikan komentar terhadap pergerakan dakwah pengikut al-Syeikh al-Imam, dia berkata: "Ajaran Tauhid kamu termasuk menentang kaum muslimin. Ini bukan Tauhid tetapi kesesatan".¹⁷²

- **Umar Mahjub.**

¹⁷² Jawab Ibn 'Afaliq 'ala Risalah Ibn Mu'ammarr, helaian 57.

Dia berkata: "Golongan Wahabi mengadakan penentangan (terhadap kerajaan Uthmaniyyah - penterjemah)".¹⁷³

- **Ibn 'Abidin.**

Menerusi kitab *Hasyiahnya*, beliau mensifatkan golongan Wahabi sebagai Khawarij. Oleh yang demikian beliau menyatakan di dalam bab *Bughoh* (Penderhaka) pada *Hasyiahnya* itu bahawa golongan Wahabi menentang Imam tanpa kebenaran.¹⁷⁴

- **Ahmad Zaini Dahlan.**

Dia berkata: "Golongan Wahabi memisahkan diri dari *al-Jamaah* serta majoriti kaum muslimin".¹⁷⁵

- **al-Zahawi.**

Dia mendakwa seperti berikut:

Mereka merupakan golongan yang sesat kerana tidak mentaati *Amir al-Mukminin* (merujuk khalifah Turki -

¹⁷³ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 4.

¹⁷⁴ *Hasyiah Ibn 'Abidin*, Jil. 4, hlm. 262.

¹⁷⁵ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 32.

penterjemah).¹⁷⁶

- **al-'Amili.**

Dia berkata:

Golongan Khawarij mengharuskan memerangi raja-raja kaum muslimin serta menentang mereka. Demikian juga pendirian golongan Wahabi.¹⁷⁷

- **Pengarang kitab *Khulasah Tarikh al-'Arab*.**

Dia meletakkan satu perbahasan bertajuk: Perbahasan keenam: Golongan Wahabi keluar dari ketaatan.¹⁷⁸

- **'Abd. al-Qadir Zalum.**

Dia mendakwa pergerakan golongan Wahabi merupakan antara penyebab kejatuhan daulah *al-Khilafah*. Dia mengulas seperti berikut:

Golongan Wahabi mendirikan kerajaan Islam

¹⁷⁶ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 73.

¹⁷⁷ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 115, secara ringkas.

¹⁷⁸ *Khulasah Tarikh al-'Arab* yang diterjemah ke bahasa arab oleh Basha Mubarak, cetakan pertama, Matba'ah Muhammad Afandi, Mesir, 1309H, hlm. 279.

yang dipimpin oleh Muhammad bin Saud. Ia digantikan anaknya 'Abd. Al-'Aziz. Pihak Inggeris memberikan bantuan senjata serta bahan material. Pendirian asas mereka ialah ingin menawan negara-negara Islam yang terletak di bawah pentadbiran Sultan Turki. Ini dilakukan dengan mengangkat senjata melawan kepimpinan Khalifah dengan bantuan pihak Inggeris.¹⁷⁹

Sebelum mengemukakan jawapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* berhubung kekeliruan ini, kami ingin menyatakan terlebih dahulu pegangan serta pendirian al-Syeikh al-Imam berkenaan kewajipan mentaati para pemimpin kaum muslimin. Ia seperti berikut:

Pendirian al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab

Menerusi perutusan beliau kepada penduduk Qasim, al-Syeikh al-Imam menjelaskan seperti berikut:

Aku meyakini kewajipan mendengar serta mentaati para pemimpin kaum muslimin. Ia sama ada di kalangan pemimpin yang salih mahu pun yang buruk akhlaknya. Ini selagi mana mereka tidak memerintahkan perkara kemaksiatan terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ketaatan ini ditujukan terhadap sesiapa sahaja

¹⁷⁹ *Kaif Hudimat al-Khilafah*, hlm. 10.

yang dilantik sebagai khalifah yang dipersetujui lantikannya oleh orang ramai yang meredhai kepimpinannya. Ini walaupun dia memperoleh kekuasaan khalifah melalui paksaan, menjadi suatu kewajiban mentaatinya dan dilarang melakukan penentangan terhadapnya.¹⁸⁰

al-Syeikh al-Imam menambah:

Usul ketiga: Antara perkara yang menyebabkan sempurna kehidupan ialah mendengar serta mentaati sesiapa yang memimpin kita walau pun dia seorang hamba berkulit hitam. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyatakan perkara ini meneruskan penjelasan yang diketahui umum serta mencukupi... Namun ia mula dilupakan kebanyakan yang mendakwa dirinya berilmu. Maka bagaimana ianya dapat dipraktikkan?¹⁸¹

¹⁸⁰ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 11.

¹⁸¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 394.

Jawapan Para Pemimpin Dakwah *al-Salafiyyah*

Jawapan para pemimpin merangkumi tiga persoalan berikut:

1. Negeri Najd tidak pernah terletak di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah.
2. al-Syeikh al-Imam tidak menentang kerajaan Turki Uthmaniyyah.
3. Golongan yang menentang Inggeris digelarkan sebagai Wahabi.

1. Negeri Najd Tidak Pernah Terletak Di Bawah Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah

Pertama: Dr Salih 'Abud.

Beliau mengulas isu ini seperti berikut:

Tiada bukti menunjukkan bahawa negeri Najd pernah tertakluk di bawah penguasaan atau autoriti

kerajaan Uthmaniyyah. Selain itu tidak pernah wujud mahu pun sebuah batalion atau markaz ketenteraan kerajaan Uthmaniyyah di sana. Ini sebelum lahirnya pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam.

Sebaliknya menerusi fakta kukuh berdasarkan kepada dokumen kerajaan Turki Uthmaniyyah yang direkodkan oleh Yamen Ali Effendi (1018H/1609M) bertajuk "*Qawaniyyin Aali Uthman Mudomin Daftar al-Diwan*" ternyata kerajaan Uthmaniyyah terbahagi kepada 32 buah negeri atau wilayah. 14 daripadanya merupakan negeri-negeri tanah Arab. Namun negeri Najd tidak termasuk di dalamnya.¹⁸²

Kedua: Dr. 'Abd. Allah al-Uthaymin.

Beliau mengulas seperti berikut:

Negeri Najd tidak pernah berada di bawah penguasaan kerajaan Uthmaniyyah sebelum lahirnya pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Selain itu, ia juga tidak pernah disatukan di bawah satu pemerintahan yang kuat dalam jangka masa yang lama. Ini sama ada ketika sebahagian dari wilayahnya berada di bawah penguasaan Bani Jabr atau pun Bani Khalid. Ia disebabkan suasana peperangan yang silih berganti antara wilayah mahu pun

¹⁸² *'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab wa Atharuha fi al-'Alam al-Islami*, tidak dicetak, Jil. 1, hlm. 27.

kabilah negeri Najd yang terdiri dari pelbagai jenis puak sehingga agak sukar untuk disatukan keseluruhannya.¹⁸³

Ketiga: Dr. 'Ajil al-Nasymi.

Beliau mengulas:

Negeri Najd serta kawasan sekitarnya tidak membawa apa-apa kepentingan serta keuntungan material kepada kerajaan Uthmaniyyah. Walau pun buminya luas, para pemimpinnya bercakaran antara satu sama lain manakala dari sudut lain berlaku perkelahian silih berganti antara pelbagai puak dengan golongan Badwi.¹⁸⁴

¹⁸³ Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab *Hayatuhu wa Fikruhu*, hlm. 11.

¹⁸⁴ Majalah *al-Mujtami'*, bilangan 509, 32 Safar, 1401H. Apa yang menarik, antara bukti menunjukkan bahawa al-Syeikh al-Imam tidak sama sekali menentang daulah *al-Khilafah* bahkan seruan dakwahnya tidak tidak ada hubungkait untuk mendirikan daulah *al-Khilafah* ialah risalah perutusannya kepada Ali Mazid, seorang penguasa di wilayah Syam, di mana al-Syeikh al-Imam berkata:

Hakikatnya, apa yang mereka ingkari ke atasku, membenci ke atasku, memusuhi disebabkan apabila mereka bertanya kepada keseluruhan para ilmuwan Syam atau Yaman atau selainnya nescaya mereka akan menjawab bahawa apa yang dibawahnya (merujuk al-Syeikh al-Imam) adalah kebenaran, merupakan agama Allah serta Rasul-Nya. Namun setiap dari kalangan mereka akan mengatakan bahawa daku tidak berupaya untuk menzahirkannya ditempatku disebabkan kerajaan

Keempat: Amin Sa'id.

Beliau mengulas keadaan suasana Najd seperti berikut:

Keseluruhan Syeikh atau ketua di negeri Najd mempunyai kebebasan sepenuhnya mentadbir wilayah masing-masing. Mereka tidak mengiktiraf pengaruh Turki manakala pihak Turki tidak mengiktiraf (pengaruh) mereka.¹⁸⁵

Kelima: Hussain Huz'al.

Ketika memperjelaskan keadaan negeri Najd sewaktu zaman kerajaan Uthmaniyyah, beliau berkata:

Ketika permulaan tahun 923H (1545M), kerajaan Uthmaniyyah ternyata ingin melebarkan sayapnya dalam arena politik di Semenanjung Tanah Arab. Namun Semenanjung Tanah Arab tidak pula menyifatkan

Uthmaniyyah tidak meredhainya. Namun Ibn 'Abd. al-Wahhab menzahirkannya. Ini disebabkan **penguasa di wilayahnya tidak mengingkari** bahkan mengakui kebenaran lalu mengikutinya. [*Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 32]

¹⁸⁵ *Kitab 'an al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, cetakan pertama, Syarikah al-Tauzi' al-'Arabiyyah, Beirut, hlm. 179.

kerajaan Uthmaniyyah sebagai pusat tumpuan mereka secara langsung. Sebaliknya mencukupi kerajaan Uthmaniyyah menguasai mereka atas nama sahaja.

Ini terbukti di mana keseluruhan wilayah Semenanjung Tanah Arab secara realiti berada dalam keadaan bebas sesama sendiri, terutamanya negeri Najd. Kesatuan wilayah-wilayah Najd boleh datang dan pergi begitu sahaja. Bagaimana ingin bersatu jika setiap kabilah melaksanakan pemerintahan sendiri dan setiap penguasa mempunyai wilayah pemerintahan khusus dengan kuasa pemerintahan penuh tanpa dapat digugat oleh sesiapa?¹⁸⁶

Keenam: Jaclyn Bayren.

Ahli sejarah ini turut mengulas:

Semenanjung Tanah Arab berjaya mengelakkan diri dari dikuasai sepenuhnya kerajaan Turki Uthmaniyyah. Ini dibantu oleh keadaan tanahnya yang diselaputi padang pasir yang luas. Ia berjaya membinasakan pasukan tentera yang dihantar Sultan Sulayman disebabkan masalah kekurangan air.¹⁸⁷

¹⁸⁶ *Tarikh al-Jazirah al-'Arabiyyah fi 'Asr al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, Dar Maktabah liHilal, hlm. 38-39.

¹⁸⁷ *Iktisyaf Jazirah al-'Arab*, diterjemah ke bahasa Arab oleh Qadri Qal'aji, Dar al-Kutub al-'Arabi, Beirut, hlm. 24.

Berdasarkan fakta kukuh ini, bagaimana mungkin al-Syeikh al-Imam dikatakan menentang daulah Khilafah kerajaan Turki Uthmaniyyah sedangkan negeri Najd yang merupakan tanahair beliau tidak pernah dijajah atau diletak dibawah pengaruh kerajaan Turki Uthmaniyyah?

2. al-Syeikh al-Imam Tidak Menentang Kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Pertama: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah Ibn Baz.

Ketika menjawab kekeliruan ini, beliau berkata seperti berikut:

Sepanjang pemerhatian serta keyakinanaku, al-Syeikh al-Imam tidak sekali-kali menentang kerajaan Turki Uthmaniyyah. Ini terbukti di mana negeri Najd tidak pernah terletak di bawah kepimpinan atau kekuasaan kerajaan Turki. Sebaliknya negeri Najd dikuasai pelbagai wilayah pemerintahan sendiri yang kedudukannya berselerakan di sana sini. Setiap wilayah mahupun daerah walau sekecil mana sekali pun diperintah secara bebas oleh seorang ketua. Selain itu wujud pertelingkahan serta peperangan antara satu wilayah dengan wilayah lainnya.

Dalam konteks ini, al-Syeikh al-Imam tidak

menentang daulah *al-Khilafah*, namun yang ditentangnya adalah kerosakan yang berlaku di negerinya. Dengan kesungguhan beliau berusaha dengan penuh kesabaran sehingga tersebar cahaya dakwah *al-Salafiyyah* ini sehingga melampaui sempadan negerinya.¹⁸⁸

Kedua: al-Syeikh Muhammad Nasib al-Rifa'i.

Ketika menjawab dakwaan kononnya pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* merupakan gerakan revolusi yang bermatlamat menumbangkan kerajaan Turki Uthmaniyyah, beliau mengulas:

Tidak pernah terlintas sama sekali di hati sanubari al-Syeikh al-Imam untuk menjatuhkan seorang khalifah Islam. Sebaliknya para individu yang melingkungi khalifah di kalangan golongan tarikat kesufian telah menyelewengkan perkara sebenar supaya khalifah mengambil tindakan memerangi golongan Wahabi.

Ini dilakukan dengan andaian seolah-olah pergerakan Wahabi merupakan satu gerakan bagi menjatuhkan khalifah, atau satu gerakan untuk mewujudkan kembali khalifah Arab.

Namun pegangan al-Syeikh al-Imam merupakan

¹⁸⁸ Kenyataan beliau ini saya ambil ketika seminar *Tajdid al-Fikr al-Islami* yang diadakan di Universiti Imam Muhammad Sa'ud pada tahun 1402H.

keyakinan Islam sejati yang mentaati khalifah selagi mana dia tidak melakukan perbuatan kufur yang jelas. Dalam konteks ini, al-Syeikh al-Imam tidak pula melihat sesuatu yang memungkinkan beliau untuk mengambil tindakan sehingga menjatuhkan khalifah. Bahkan walaupun khalifah melakukan sesuatu perbuatan fasik, selagi mana ia tidak melakukan kefasikan yang sampai kepada kategori kufur yang jelas, maka tidak diharuskan untuk menguling mahu pun menentang pemerintahannya. Peraturan syara' tidak setuju dalam urusan melawan penguasa kecuali dalam perkara yang melibatkan kekufuran yang jelas.¹⁸⁹

Ketiga: Dr. 'Ajil al-Nasymi.

Beliau menegaskan:

Kami dengan pasti menyatakan bahawa dalam hasil penulisan al-Syeikh al-Imam, tidak ada ketetapan yang secara jelas mengarahkan penentangan kepada daulah *al-Khilafah*.

Beliau menambah:

Kami tidak menjumpai apa-apa ketetapan (fatwa) al-Syeikh al-Imam yang mengkafirkan kerajaan Turki

¹⁸⁹ *al-Syubhat allati Athirat Hawla Da'wah Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab* (disertakan tujuh perbahasan al-Syeikh, namun tidak dicetak), hlm. 9-10.

Uthmaniyyah. Secara reliti keseluruhan ketetapan (fatwa) yang dikeluarkannya hanya memberi perhatian kepada golongan Badwi yang berada di kawasan sekitarnya, atau kepada mana-mana individu yang perbuatannya jelas membawa kepada kekufuran.¹⁹⁰

Menurut Dr. 'Ajil al-Nasymi lagi, sikap yang ditunjukkan al-Syeikh al-Imam terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah adalah sikap menasihati urusan secara baik serta mengingkari perkara yang bertentangan dengan peraturan syara' tanpa mengangkat senjata. Ini jelas dilihat menerusi sikap beliau terhadap syarif-syarif (ketua) yang menguasai negeri Hijaz di atas nama kerajaan Uthmaniyyah. Di sini Dr. 'Ajil al-Nasymi turut menyebutkan beberapa peristiwa sejarah yang berlaku di zaman al-Syeikh al-Imam. Ia bagi menunjukkan sikap beliau menghormati serta menyatakan simpati terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah.¹⁹¹ Dr. 'Ajil al-Nasymi mengulas:

Sikap politik al-Syeikh al-Imam terhadap negeri Hijaz bukanlah menentang, memusuhi mahupun seruan memerangnya. Ini disebabkan persepsi perbuatan tersebut boleh disalah tafsirkan sebagai menentang daulah *al-Khilafah*. Ini walau pun di saat kerajaan Uthmaniyyah mengadakan pelbagai bentuk provokasi

¹⁹⁰ Majalah *al-Mujtama'*, bilangan 506, 17 Muharam, 1401H.

¹⁹¹ Majalah *al-Mujtama'*, bilangan 509, 23 Safar, 1401H dan bilangan 510, 30 Safar, 1401H.

terhadapnya, namun beliau tetap menghadapinya dengan penuh kesabaran.¹⁹²

Beliau menambah dengan nada kesal:

Secara realiti persepsi kerajaan Turki Uthmaniyyah terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam ialah persepsi kesan dari putar belit dan kekeliruan. Ini menyebabkan ia mengambil pendirian mengadakan penentangan terhadapnya. Persepsi yang salah ini berlaku menerusi kenyataan yang disampaikan kepadanya oleh wakil-wakil kerajaan di Hijaz, Baghdad atau selainnya, atau menerusi para pemimpin yang tiba di ibunegara.¹⁹³

Keempat: Sulayman bin Khalil al-'Anzi.

Bagi memperjelaskan lagi perkara ini, seorang sejarawan Turki bernama Sulayman bin Khalil al-'Anzi mengulas seperti berikut:

Para perwakilan yang tiba di Istanbul menerusi perutusan Syarif Mekah melaporkan kewujudan seorang *mulhid* (ateis) bernama Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab yang muncul dari arah Timur. Dia konon melakukan pemberontakan di sana sini serta secara tipu muslihat mengadakan paksaan terhadap penduduk wilayah Timur

¹⁹² Majalah *al-Mujtama'*, bilangan 510, 30 Safar, 1401H.

¹⁹³ Majalah *al-Mujtama'*, bilangan 504, 3 Muharam, 1401H.

supaya patuh kepada dirinya.¹⁹⁴

Kelima: Mahmud Mahdi al-Istanabuli.

Adapun terhadap dakwaan al-Zalum yang mengatakan bahawa pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam merupakan salah satu penyebab kepada kejatuhan *al-Khilafah* serta kononnya kerajaan Inggeris turut memberi bantuan kepada golongan Wahabi bagi menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyyah, maka Mahmud Mahdi al-Istanabuli menjawab kekeliruan ini seperti berikut:

Semestinya penulis yang menyatakan demikian membawa bukti-bukti terhadap kenyataannya. Sehubungan ini seorang penyair pernah berkata:

Sekiranya dakwaan tidak disertakan bukti-bukti

Maka ia sesuatu yang diterbangkan angin

Berdasarkan fakta sejarah, terbukti pihak Inggeris memusuhi pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* sejak kemunculannya disebabkan takut ia akan tersebar di seluruh dunia Islam.¹⁹⁵

¹⁹⁴ Dipetik dari *al-Wahabiyyun al-Awa'il*, yang ditulis Ghubad al-Bari 'Abd. al-Baqi, hlm. 5.

¹⁹⁵ *al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab fi Mar'ah Ulama' al-Syarq wa al-Gharb*, hlm. 62.

al-Istanabuli menambah:

Sesuatu yang ganjil sehingga diketawakan orang adalah tuduhan Ustaz Zalul bahawa pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam merupakan salah satu penyebab kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Diketahui umum pergerakan ini muncul sekitar 1811 masihi, manakala Kerajaan Turki Uthmaniyyah jatuh sekitar 1922M.¹⁹⁶

3. Golongan Yang Menentang Inggeris Digelarkan Sebagai Wahabi.

Antara bukti menunjukkan pihak Inggeris memusuhi pergerakan Wahabi ialah mereka mengutuskan Kapten Foster Sadler bagi mengucapkan tahniah kepada Ibrahim Basha di atas kejayaan beliau menentang pergerakan Wahabi. Ini merujuk kejayaannya menawan daerah al-Dari'iyah. Secara realiti, peristiwa ini menunjukkan berlakunya kerjasama kukuh antara Ibrahim Basha dengan kerajaan Britain bagi menumpaskan pergerakan golongan Wahabi di Teluk Arab.¹⁹⁷

¹⁹⁶ *al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab fi Mar'ah Ulama' al-Syarq wa al-Gharb*, hlm. 64.

¹⁹⁷ *al-Kabitan Furster Sadler, Rihlah 'Abr al-Jazirah al-'Arabiyah Khilal 'Am 1819M*. Ia diterjemah ke dalam bahasa arab oleh Anas Rifa'i serta dicetak dengan bantuan Sa'ud al-'Ajmi, cetakan kedua, al-Safah, Kuwait, 1403H, hlm. 7.

al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab fi Mar'ah Ulama' al-

Mawlana al-Syeikh Muhammad bin Manzur al-Nu'mani, seorang tokoh ulama' India mengulas seperti berikut:

Pihak Inggeris mengeksploitasi isu al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab di negara India. Mereka mengelarkan setiap individu yang melakukan penentangan terhadap Inggeris dengan gelaran Wahabi. Dalam konteks ini pihak Inggeris turut mengelarkan para ulama' Deobandi dengan gelaran *al-Wahabiyyin* disebabkan penentangan kuat mereka terhadap empayar Britain.¹⁹⁸

(Ini menunjukkan bahawa Wahabi tidak bekerjasama dengan pihak Inggeris, sebaliknya menentang Inggeris, sama ada di dunia Arab, India atau selainnya – penterjemah).¹⁹⁹

Syarq wa al-Gharb, hlm. 156-157.

Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum, karangan Mas'ud al-Nadwi, hlm. 121-123.

¹⁹⁸ *Di'ayat Mukhatafah Didd al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 105-106, secara ringkas. Sehubungan ini Paderi Zwemmer mengatakan bahawa golongan Wahabi di negara India tidak mengisytiharkan kepada umum pemikiran mereka. Ini memberi suatu dorongan kepada mereka untuk melakukan penentangan kuat terhadap kerajaan Inggeris yang menjajah India. Sila lihat Majalah *al-Muqattaf*, hlm. 295.

¹⁹⁹ **Penterjemah:** Sehingga sini tamatlah Buku 3 yang merupakan terjemahan dari kitab asal hingga mukasurat 240. Semoga Allah

Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan kekuatan serta kemudahan kepada saya untuk menyambung usaha terjemahan ini dan diterbitkan dalam Buku 4.